ARLIMEN

# MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA P ARLIMEN KEDUABELAS 2012**

## Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

**HARIKHAMIS : 21JUN 2012**

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 9 HINGGA 101)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah**
CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA

NO. SOALAN:^

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012 [ KHAMIS ]** |
| **DARI PAD A** | **Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG]** |

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan jangka panjang Kerajaan untuk mendapatkan tambahan kuota jemaah haji dari negara ini bagi membolehkan masa menunggu seseorang jemaah tidak terlalu lama.

**JAWAPAN :** **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kuota Haji yang ditetapkan oieh Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) adalah berasaskan 0.1% penduduk negara tersebut. Pada tahun 2011, seramai 27,900 rakyat Malaysia telah menunaikan fardu haji. Ini merupakan peningkatan berbanding jumlah bilangan 26,000 jemaah haji pada tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah berdasarkan kepada peningkatan daftar perangkaan penduduk negara Malaysia

pada Daftar Penduduk Dunia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, daripada 26 juta kepada 27.9 juta orang.

Di samping itu, *TH* juga memberi keutamaan kepada bakal haji yang lanjut usia (75 tahun ke atas) dan menggalakkan agar pendeposit mendaftar haji pada usia yang muda sebaik sahaja simpanan mencapai jumlah RM1.300 atau melalui bukti caruman KWSP mereka.

Ibubapa juga digalakkan mendaftar haji bagi anak-anak mereka agar apabila anak-anak dewasa kelak, giliran untuk menunaikan haji tidak begitu lama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **JAWAB LISAN** |
| **DARI PADA** | **TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI** |
| | **[ BAGAN SERAI ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai** ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah penggunaan komputer yang diagihkan kepada pelajar. Apakah pemantauan yang dijalankan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

**SOALAN NO: 10**

Penerima Komputer 1 Malaysia amnya dan pelajar sekolah khususnya mendapat banyak manfaat dan faedah daripada Program Komputer 1 Malaysia ini. Komputer yang dibekalkan dapat digunakan bagi membantu memudahkan dan mempercepatkan pelajar mendapatkan maklumat menerusi perkhidmatan jalur lebar. Maklumat yang diperolehi oleh para pelajar ini dapat digunakan bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti di samping dapat mendedahkan pelajar kepada pengetahuan teknologi maklumat. Disamping itu, Program ini juga turut membantu meningkatkan kemahiran ICT dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Setakat ini, daripada 638,925 unit Komputer 1 Malaysia yang telah dibekalkan ke seluruh negara, terdapat sebilangan kecil komputer sahaja yang mempunyai masalah menyebabkan ia tidak dapat berfungsi dengan baik. Namun, perkara ini masih berada di tahap yang minimum dan terkawal. Sehubungan itu, laporan yang menyatakan sejumlah satu juta komputer dalam keadaan rosak dan tidak berfungsi diagihkan kepada pelajar adalah tidak benar sama sekali.

Semua Komputer 1 Malaysia yang dibekalkan mempunyai tempoh jaminan selama setahun. Sekiranya penerima menghadapi sebarang masalah kerosakan perkakasan atau perisian, penerima boleh terus menghantar komputer tersebut ke pusat servis yang berdekatan. Tiada kos pembaikan yang dikenakan kepada penerima di sepanjang tempoh setahun jaminan tersebut. Sekiranya terdapat komputer yang rosak dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya semasa diagihkan, penukaran serta merta dengan

unit yang baru akan dibuat.

Setakat ini, Kementerian belum pernah menerima sebarang aduan dan maklumat rasmi berkaitan penjualan Komputer 1 Malaysia. Pemantauan berterusan dengan kerjasama SKMM, pihak sekolah dan ibubapa sentiasa dilaksanakan bagi memastikan perkara ini tidak berlaku.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |
| **NO. SOALAN** | **11** |

**Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa ramai usahawan di kalangan mahasiswa memanfaat Tabung Usahawan Siswazah (TUS) dan apakah program-program yang perlu diikuti usahawan siswazah bagi melayakkan mereka memohon TUS.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Skim Usahawan Siswazah (SUS) adalah program anjuran Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Kementerian Perdagangan**

**Antarabangsa dan Industri (MITI) yang merangkumi dua (2) komponen iaitu Latihan Asas Keusahawanan dan Tabung Usahawan Siswazah. Komponen pertama iaitu Latihan Asas Keusahawanan, dilaksanakan oleh INSKEN dengan kerjasama empat (4) universiti tempatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan, iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK). Komponen yang kedua pula adalah pembiayaan melalui Tabung Usahawan Siswazah (TUS) yang disediakan oleh Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) secara pinjaman mudah.**

**Bagi tempoh 2005 sehingga Februari 2012, sejumlah RM63 juta nilai pembiayaan telah diluluskan melibatkan 657 usahawan siswazah. Antara bidang-bidang yang diceburi oleh usahawan-usahawan siswazah adalah perkhidmatan, teknologi maklumat, peruncitan dan pemborongan, pembuatan dan perkilangan, pembinaan, hotel dan restoran, perlombongan/kuari/petroleum dan pengangkutan.**

**Terdapat tiga (3) program latihan yang perlu diikuti oleh peserta bagi melayakkan mereka memohon TUS, iaitu:**

**i. Latihan Asas Keusahawanan (SUS) dikendalikan oleh INSKEN;**

**ii. Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) dikendalikan oleh IPTA, IPTS dan Politeknik dengan kerjasama INSKEN; dan**

**iii. Program Inkubator Usahawan Siswa (PIUS) dikendalikan oleh SME Bank.**

**Program-program latihan yang dilaksanakan tersebut adalah selama lima (5) hari, empat (4) malam secara sepenuh masa. Bagi usahawan-usahawan siswazah yang telah menjalankan perniagaan melebihi dua (2) tahun dan telah mempunyai akaun beraudit (bagi syarikat pernigaan jenis Sdn. Bhd.) atau akaun pengurusan (bagi syarikat perniagaan jenis enterpris) boleh terus memohon TUS tanpa perlu menghadiri ketiga-tiga latihan berkenaan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN **NO. SOALAN**

DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ]

TARIKH : 21.06.2012 (KHAMIS)

TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah kedudukan Indek harga pengguna yang terkini dan apakah langkah-langkah baru yang dicadangkan untuk membendung kesan negatif trend kenaikan kos yang berlaku di seluruh dunia.

JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah petunjuk yang digunakan untuk mengukur peratus perubahan harga bagi sekumpulan barangan dan perkhidmatan isi rumah. IHP negara pada masa ini adalah pada kadar yang sederhana di mana IHP bagi April 2012 adalah sebanyak 105.4 berbanding IHP bagi April 2011 iaitu sebanyak 102.6. IHP April 2012 berbanding IHP April 2011 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.9%.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk membendung kesan negatif akibat dari kenaikan kos, Kementerian telah melaksanakan beberapa program secara berterusan. Bagi memastikan pengguna tidak merasai kesan yang ketara serta mengelakkan peniaga menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sewenang-wenangnya, Kementerian telah mengadakan siri rundingan dengan pihak industri yang terdiri daripada persatuan pengilang, pengimport, pemborong, peniaga, penjaja, pengusaha pasar raya dan restoran secara berterusan. Penglibatan pasar raya besar dan syarikat-syarikat pengeluar/pengilang barangan pengguna serta gedung membeli-belah dalam Kempen Penurunan Harga telah memberi impak besar dalam usaha membendung kenaikan harga barangan. Selain itu, Kementerian telah melaksanakan program Jualan Bersepadu 1 Malaysia *(One Malaysia Unified Sale),* Jualan *Back to School* dan jualan kilang yang diadakan secara berkala setiap tahun yang bertujuan untuk menawarkan harga yang berpatutan kepada pengguna dalam membeli barang keperluan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melancarkan dan mengeluarkan Kad Coop kepada ahli-ahli koprasi untuk membolehkan mereka menikmati potongan harga ke atas pembelian barangan di kedai koperasi. Selain itu juga, Kementerian akan melancarkan Kad Diskaun Pelajar yang bertujuan membantu pelajar untuk mengurangkan kos sara hidup dan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi. Para pelajar yang menggunakan kad diskaun ini boleh mendapat potongan harga ke atas beberapa barangan terpilih yang ditawarkan oleh pihak peniaga atau premis yang menyertai program ini.

Kementerian juga telah mewujudkan Portal 1 Malaysia Pengguna Bijak. Portal ini dapat membantu para pengguna untuk membandingkan harga barangan antara premis seperti pasar basah awam, pasar raya besar dan pasar mini bagi merancang perbelanjaan mereka. Menerusi portal ini juga pengguna boleh membuat aduan sekiranya timbul isu berhubung kenaikan atau penipuan harga selain daripada memaparkan informasi mendidik pengguna agar menggunakan hak dan kuasa mereka sebagai pengguna dengan bijak.

**Tuan Yang Dipertua,**

Selain dari program tersebut, Kementerian masih lagi meneruskan program yang sedia ada supaya pengguna masih dapat menikmati harga yang berpatutan. Pada tahun 2012, Kementerian masih meneruskan pelaksanaan Program Penyeragaman Harga. Melalui peruntukan yang diterima, Kementerian akan menanggung kos pengedaran gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak sawit campuran, beras Super Tempatan 15% hancur dan bahan api petrol RON95, diesel serta gas memasak. Program ini bertujuan membantu rakyat di luar bandar dan pedalaman untuk turut mendapat faedah subsidi dan boleh membeli barangan kawalan pada harga seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Selain itu, inisiatif penting yang telah memberi impak besar dalam usaha membendung kenaikan harga adalah pewujudan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M). Berdasarkan kepada 3 Modul dalam KR1M ini, penubuhan kedai rakyat ini akan ditambah dari masa ke semasa memandangkan KR1M telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan kerana menawarkan produk berkualiti pada harga yang lebih murah. Selain daripada KR1M , Kerajaan juga melaksanakan Kedai Coop 1 Malaysia yang juga

memasarkan produk berkualiti pada harga yang berpatutan untuk seluruh negara dengan slogan "1 Malaysia 1 Harga'. Kedai Coop 1 Malaysia ini adalah pelengkap kepada program KR1M.

Bagi memastikan harga makanan sedia masak khususnya menu sarapan pagi dan makan tengah hari ditawarkan pada harga berpatutan pula, program Menu Rakyat 1 Malaysia (MR1M) telah dilaksanakan. Program ini juga turut disertai oleh penjual makanan dan operator kafeteria di universiti sama ada IPT atau IPTS di seluruh negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARI PADA** | **Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN** |
| | **[HULU TERENGGANU]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu** ] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi menempatkan kira-kira 30,000 guru diploma seluruh negara yang melanjutkan pengajian sehingga peringkat ijazah tetapi belum diserapkan sebagai guru perkhidmatan siswazah

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi guru-guru Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) yang telah berjaya mendapat ijazah dan telah melepasi urusan temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP),

mereka ini akan dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS). Pada masa ini sejumlah 7975 perjawatan telah pun diluluskan oleh agensi pusat bagi tujuan pelantikan tersebut. Kementerian Pelajaran Malaysia sedang menguruskan pelantikan guru-guru berkenaan bagi guru PPPLD yang telah berjaya mendapat ijazah pada tahun 2010 dan tahun 2011.

Rjm 65

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU** |
| | **[ TELOK INTAN ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Manogaran a/l Marimuthu** **[ Telok Intan** ] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah kekurangan Guru di Sekolah Cina dan Tamil; dan

(b) apakah tahap kelayakan yang dikenakan bagi Guru-guru yang mengajar bahasa ibunda di sekolah Tamil dan Cina

**JAWAPAN**

a) dan b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil perhatian yang serius dalam

menangani masalah kekurangan guru terlatih di SJKC dan SJKT. Justeru, Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC dan SJKT yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran 1 dan 2 secara berasingan. Jawatankuasa Khas ini juga turut dianggotai oleh wakil-wakil Persatuan dan Pertubuhan bagi Masyarakat Cina dan Tamil serta Kesatuan Guru bagi membincangkan isu secara terperinci untuk mengenalpasti pendekatan yang terbaik mengatasi masalah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran, KPM telah mengambil beberapa langkah iaitu :

i. Memastikan guru-guru mempunyai kelayakan Dwibahasa termasuk Bahasa Cina atau Tamil untuk mengajar matapelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris di Tahap 1.

ii. Memastikan Guru Kelas Pemulihan mempunyai kelayakan dwibahasa.

iii. Menawarkan kepada guru-guru bekas SJKC yang berkhidmat di Sekolah Menengah untuk kembali mengajar di SJKC semula berdasarkan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan.

iv. Menggerakkan guru-guru Kelas Pemulihan yang tidak mempunyai kelayakan dwibahasa mengikut kesesuaian.

v. Menempatkan 98 graduan Pendidikan IPTA yang mempunyai kepujian Bahasa Cina ke SJKC dan 18 yang mempunyai kepujian Bahasa Tamil ke SJKTpada 23 Mei 2012.

vi. KPM juga sedang mengadakan program latihan perguruan khas bagi memenuhi keperluan di SJKC yang telah pun bermula sejak tahun 2010 dan dijangka masalah kekosongan guru tersebut dapat diatasi secara berperingkat-peringkat apabila calon-calon menamatkan pengajian mulai tahun 2013-2017.

Bagi mengisi sementara kekosongan guru di SJKC dan SJKT, KPM telah melantik Guru Interim sementara menunggu bekalan guru tetap dan perkhidmatan mereka ini adalah sehingga 31 Disember 2012.

NO SOALAN :15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAICYAT, MALAYSIA

**Y.B. DATO¹ DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**

**LISAN**

**DARI PADA** **21.06.2012**

**PERTANYAAN**

**TARIKH**

**Y.B. DATO¹ DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [ LIPIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah matlamat Urus Tadbir di Malaysia telah mencapai pematuhan antarabangsa "Governance Report On The Observe Of Standard And Codes" dan bagaimana untuk menggalakkan dan memperkasakan budaya tadbir korporat berintegriti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, *Governance Report On The Observe Of Standard And Codes* atau ROSC adalah penilaian secara sukarela yang dikendalikan oleh Bank Dunia. Matlamat inisiatif ROSC tersebut ialah mengenalpasti kelemahan yang boleh menyumbang kepada ketidakstabilan ekonomi dan kewangan sesebuah negara. Setiap penilaian ROSC akan menanda aras kerangka undang-undang dan kawal selia sesebuah negara, amalan dan kepatuhan syarikat yang tersenarai di pasaran saham, berdasarkan kepada Prinsip Tadbir Urus Korporat yang digariskan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

2. Penilaian terakhir yang dilaksanakan oleh Malaysia ialah pada tahun 2006. Pada waktu itu, Malaysia mendapat markah penuh bagi piawai perakaunan dan didapati telah 'mematuhi sebahagian besar' daripada prinsip-prinsip lain. ROSC 2006 mengakui bahawa pembaharuan penting terhadap tadbir urus korporat telah dilaksanakan di Malaysia selepas krisis kewangan melanda Asia, dengan menyatakan beberapa pembaharuan terpenting yang meliputi pembangunan menyeluruh pelan induk bagi memajukan pasaran modal, demutualisasi Bursa Malaysia, pengenalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang pertama, dan perubahan kepada komposisi serta peranan lembaga pengarah.

3. Malaysia telah bersetuju untuk terlibat dalam penilaian secara sukarela ROSC pada tahun ini dan sedang memuktamadkan laporan berkaitan dengannya. Berdasarkan draf laporan, penilaian yang dilaksanakan mengesahkan bahawa Malaysia ialah pemimpin rantau ini dalam bidang tadbir urus korporat dan telah mencapai tahap-tahap tertinggi kepatuhan dalam beberapa bidang terpenting, seperti penglibatan pemegang saham dalam mesyuarat agung, larangan perdagangan orang dalam *(insider trading),* dan pelaksanaan kualiti tertinggi piawai perakaunan. Berbanding dengan markah tahun 2006, Malaysia telah menunjukkan kemajuan bagi semua prinsip dalam penilaiannya terkini.

4. Bagi mengalakkan serta memperkasakan budaya tadbir urus korporat, Suruhanjaya Sekuriti telah melancarkan Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat, atau *CG Blueprint* pada bulan Julai 2011. Secara asasnya, CG *Blueprint* diwujudkan bertujuan untuk mencapai kecemerlangan dalam tadbir urus korporat melalui pengukuhan disiplin diri dan pasaran serta mempromosi budaya kepatuhan dan tadbir urus korporat yang terbaik.

5. Antara hasil penting yang utama CG *Blueprint* ialah penerbitan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (MCCG 2012) pada 29 Mac 2012 oleh Suruhanjaya Sekuriti. MCCG 2012, yang menggantikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2007, menggariskan 8 prinsip am dan 26 cadangan kepada struktur-struktur dan proses-proses yang harus digunapakai oleh syarikat-syarikat dalam usaha menjadikan tadbir urus korporat yang baik sebagai sebahagian penting daripada cara berurusniaga dan budaya mereka.

NO SOALAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN**
**(BANDAR KUCHING)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **21.06.2012**

**Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah *household debt* (hutang rumahtangga) negara kita setakat 31-5-2012 dan pecahan angka mengenai kategori-kategori hutang yang dirangkumi dalam household debt itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang isi rumah meningkat dengan kadar yang lebih perlahan pada bulan April 2012 pada 11.4% kepada RM672.9 bilion (Disember 2011: 12.6%; RM653.5 bilion). Sungguhpun demikian, nisbah jumlah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun kepada 74.6% pada suku pertama 2012 berbanding 76.6% pada tahun 2011.

2. Sehingga April 2012, sebahagian besar pinjaman isi rumah adalah untuk pembelian harta kediaman (45.9%), diikuti oleh pembelian kenderaan pengangkutan (18.4%) dan pinjaman peribadi (14.9%). Selain itu, hutang isi rumah juga meliputi pembelian harta bukan kediaman (7.6%), pembelian sekuriti (5.4%), kad kredit (4.8%) dan bagi Iain-lain tujuan (3.0%).

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan hutang sektor isi rumah sentiasa dipantau oleh Kerajaan dan langkah-langkah yang bersesuaian akan diambil bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang mapan dan keupayaan membayar balik hutang kekal

utuh.

: LISAN

**SOALAN NO.: 17**

YB. DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON

**TANGGA BATU**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

: 21 JUN 2012(KHAMIS)

PERTANYAAN

DARI PADA :

**SOALAN:**

KAWASAN :

TARIKH

YB. DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON **(TANGGA BATU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan menilai pembinaan tapak kecemasan khas bagi kenderaan-kenderaan rosak di laluan lebuh raya untuk mengelakkan kemalangan kenderaan berhenti di laluan kecemasan serta menyediakan bengkel-bengkel membaiki kenderaan dan perkhidmatan kecemasan ketika kenderaan rosak di sepanjang lebuh raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya sentiasa mengalu-alukan cadangan dan pandangan oleh pelbagai pihak, khususnya pengguna lebuh raya bagi tujuan untuk menambah baik sistem perkhidmatan lebuh raya di negara ini. Maklum balas ini akan digunakan sebagai salah satu bentuk penilaian untuk meningkatkan prestasi syarikat-syarikat konsesi lebuh raya yang sedang beroperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek keselamatan dan keselesaan pengguna lebuh raya merupakan antara prioriti atau keutamaan Kerajaan sebelum memutuskan pelaksanaan sesuatu cadangan itu. Kementerian ini mengambil maklum mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya diwujudkan kawasan khusus dan bengkel kenderaan di sepanjang laluan lebuh raya bagi kemudahan pengguna yang menghadapi masalah kerosakan kenderaan. Walau bagaimanapun, kos untuk membina kawasan khas tersebut adalah tinggi kerana ia melibatkan pengambilan tanah di laluan tertentu lebuh raya. Di samping itu, ia juga dikhuatiri akan menimbulkan isu-isu berbangkit yang lain, seperti kawalan keselamatan dan aspek penguatkuasaan di sepanjang lebih kurang 1,700 kilometer lebuh raya di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembinaan reka bentuk lebuh raya di negara ini sebenarnya telah mengambil kira aspek dan ciri-ciri perkhidmatan kecemasan, seperti penyediaan lorong khas kecemasan dengan kelebaran 3 meter dan telefon kecemasan di setiap lebuh raya bagi memudahkan pengguna membuat panggilan ke Pusat

Kawalan Trafik. Di samping itu, Kerajaan juga telah menetapkan syarat pembinaan kawasan rehat dan rawat (RNR) atau hentian sebelah untuk sela jarak 20 kilometer hingga 30 kilometer bagi lebuh raya yang melibatkan jarak perjalanan jauh, seperti Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS).

Untuk melicinkan lagi pengurusan trafik, syarikat-syarikat konsesi telah menaik taraf sistem kawalan trafik lebuh raya di mana pergerakan trafik sentiasa dipantau oleh Pusat Kawalan Trafik menerusi paparan kamera litar tertutup (CCTV). Manakala bagi membantu pengguna yang mengalami masalah dan kes luar jangka seperti kemalangan, kerosakan dan keperluan perkhidmatan trak tunda, syarikat-syarikat konsesi telah menubuhkan pasukan peronda lebuh raya yang beroperasi 24 jam sehari. Tempoh masa tindak balas atau r*espons time* untuk pasukan peronda tiba di tempat kejadian ialah antara 7 minit hingga 20 minit, tertakluk kepada faktor lokasi dan waktu kejadian.

Sehubungan itu, sistem pengurusan trafik sedia ada yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi pada masa kini adalah memadai untuk menangani kes-kes kecemasan, seperti kemalangan dan kerosakan kenderaan. Walau bagaimanapun, kementerian ini daripada masa ke semasa sentiasa berbincang dengan syarikat-syarikat konsesi dan juga mendapatkan maklum balas daripada orang ramai bagi meningkatkan lagi kualiti tahap kepuasan pengguna lebuh raya di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)**
**LISAN**

**DARI PADA**

**21.06.2012**

**PERTANYAAN**

**TARIKH**

**Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL** [ **MACHANG** ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nyatakan implikasi apabila "*ratings*" bagi bon-bon terbitan Kerajaan Pusat diturunkan ekoran kadar hutang negara menceceh kepada paras 54% daripada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Jasin serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Machang yang dijadualkan untuk dijawab pada 21 Jun 2012 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan penarafan antarabangsa atau *sovereign rating* (dengan izin) Kerajaan Persekutuan kekal baik. Penarafan antarabangsa mengukur kemampuan dan keupayaan Kerajaan untuk membayar balik hutang mengikut jadual. Pada masa ini, Moody's Investors Service telah memberikan penarafan *A3 (stable)* kepada Kerajaan Persekutuan bagi *long-term foreign currency rating.*Manakala Standard and Poor's pada 7 Jun 2012 telah mengekalkan penarafan tersebut pada *A- (stable).*

Ini adalah selaras dengan kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan yang baik bagi membayar balik hutang. Penarafan antarabangsa yang baik adalah penting bagi memastikan tiada peningkatan kos dalam membuat pinjaman yang baru.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 51.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kemampuan membayar balik hutang kekal kukuh dengan jumlah bayaran khidmat hutang berada pada paras 9.6 peratus daripada hasil dan 9.7 peratus daripada perbelanjaan mengurus pada tahun 2011.

4. Kerajaan akan terus mengamalkan pengurusan hutang yang berhemat selaras dengan kemampuan untuk membayar balik hutang. Antara langkah utama yang diambil ialah memastikan paras defisit dan hutang terus terkawal. Kerajaan komited untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK.

5. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus, kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal akan diberikan perhatian bagi memastikan kedudukan fiskal yang mampan dan asas makroekonomi yang kukuh. Defisit fiskal telah dapat dikurangkan kepada 4.8 peratus daripada KDNK pada tahun 2011 berbanding dengan 5.4 peratus pada tahun 2010. Pada tahun 2012, defisit fiskal dijangka berkurangan kepada 4.7 peratus dan disasarkan berada di bawah 3.0 peratus pada akhir tahun 2015.

6. Bagi mencapai sasaran defisit fiskal, tumpuan akan terus diberikan untuk mengawal perbelanjaan dan meningkatkan sumber hasil. Perbelanjaan Kerajaan akan dibuat selaras dengan kemampuan hasil Kerajaan. Peruntukan perbelanjaan akan disemak dengan teliti termasuk mengurangkan perbelanjaan yang bukan kritikal. Nilai setara atau *value for money* (dengan izin) dalam perolehan Kerajaan akan terus diberi penekanan. Perancangan dan pelaksanaan serta penyediaan siling program dan projek di bawah Rancangan

Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10) secara *rolling* setiap dua tahun dan pengurusan nilai dalam perbelanjaan pembangunan juga akan membantu memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

7. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab. Kerajaan mempunyai prosedur, peraturan dan rancangan pengurusan kewangan yang baik dan teratur. Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal serta mengawal jumlah hutang pada paras yang terurus.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**
**PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**
**PARLIMEN KEDUA BELAS _ ______________________________ (2012)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM]**

**TARIKH 21 JUN 2012[KHAMIS]**

**SOALAN**

**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalinkan hubungan dengan maahad tahfiz swasta rakan strategik bagi menawarkan pengajian tahfiz.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklum.an Ahli Yamng Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan "Garis Panduan Permohonan

**NO. SOALAN:**

Institusi Pengajian Tahfiz Al-Quran Swasta Yang Ingin Bekerjasama Dengan Darul Quran, JAKIM”. Tujuan garis panduan ini sebagai panduan kepada Maahad/institut Tahfiz Swasta yang

I

ingin mengadakan kerjasama dengan Darui Quran. Setakat ini, belum ada lagi Maahad/Institut Tahfiz Swasta yang mewujudkan kerjasama dengan DQ.

Darul Quran, JAKIM juga merancang untuk mengadakan Persidangan Meja Bulat antara Maahad Tahfiz Kerajaan dan Swasta bagi memberi ruang pihak pengurusan dan para akademik bertukar pandangan dan membincangkan halatuju Maahad Tahfiz di Malaysia. Persidangan ini dijangka diadakan pada September 2012.

Pada masa ini, Darul Quran sedang mengubal kurikulum Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang akan digunapakai oleh Maahad Tahfiz Swasta. Rundingan sedang dijalankan dengan pihak MQA untuk mendapat pengiktirafan yang setara dengan mana-mana sijil yang diiktiraf oleh kerajaan.

Sekian, terima kasih.

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | **LISAN** |
| DARIPADA | **DATO’ DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN** |
| TARIKH | 21 **JUN** 2012 |

**NO SOALAN : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan dari mana dana untuk pemberian durian runtuh kepada peneroka FELDA seperti diumumkan Perdana Menteri dan jumlah keseluruhan pemberian tersebut.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**
**TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian 'durian runtuh' FELDA diberikan kepada semua peneroka FELDA yang berdaftar iaitu seramai 112,635. Pemberian RM15,000 ini dipecahkan kepada tiga fasa iaitu fasa pertama kepada peneroka berjumlah RM5,000, fasa kedua kepada isteri peneroka berjumlah RM5,000 dan fasa ketiga kepada anak peneroka berjumlah RM5.000.

Bagi fasa pertama pembayaran duit durian runtuh, ia dibiayai oleh FELDA dengan menggunakan dana dalaman sementara menerima imbuhan melaiui penjualan saham di FELDA Global Ventures Sdn. Bhd. (FGV) yang perlu disalurkan kepada FELDA selewatnya pada akhir Julai
2012.

Pembayaran bagi fasa kedua dan ketiga pula akan menggunakan wang imbuhan yang akan diterima daripada FGV yang dijangka akan mula dibayar pada Julai 2012. Pembayaran bagi fasa pertama sebanyak RM5,000 telah pun selesai dibayar pada Mei 2012. Secara keseluruhannya, FELDA memperuntukan sejumlah RM1.69 bilion bagi tujuan pemberian durian runtuh ini.

oooooooooooooooooo

**PEMBERITAHUAN**
**PERTANYAAN DEWAN**
**RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BAGI JAWAB LISAN**

**DARI PADA** **DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG]**

**TARIKH** **21 JUN 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN** **21**

**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah kajian telah dijalankan bagi penggunaan tayar celup *(retread tyre)* pada kenderaan di negara ini selamat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Analisis siasatan kemalangan yang telah dilakukan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) mendapati, kurang 4% daripada kes-kes berprofil tinggi yang terjadi pada tahun 2007 sehingga 2012 adalah disebabkan oleh masalah yang berkaitan dengan tayar. Daripada peratusan kes tersebut, pengunaan tayar celup *(retreaded tyre)* yang tidak menepati spesifikasi-spesifikasi teknikal yang ditetapkan telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor penyumbang kepada kemalangan tersebut.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, tayar celup (*retreaded tyre)* bagi sesebuah kenderaan adalah selamat digunakan sekiranya mematuhi piawaian/spesifikasi yang ditetapkan oleh SIRIM dan peraturan antarabangsa seperti berikut:

(i) *Malaysian Standard* (MS) 224 bagi kenderaan penumpang dan komersial;

(ii) *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) *Regulation* 108 - Peruntukan Seragam Mengenai Kelulusan untuk Pengeluaran Tayar Celup Pneumatik bagi Kenderaan Motor dan Trelernya; dan

(iii) UNECE *Regulation* 109 - Peruntukan Seragam Mengenai Kelulusan untuk Pengeluaran Tayar Celup Pneumatik bagi Kenderaan Perdagangan dan Trelernya.

Berdasarkan peruntukan dan piawaian yang ditetapkan, tayar celup masih selamat digunakan pada kenderaan. Walau bagaimanapun, kemalangan yang berlaku akibat penggunaan tayar celup adalah disebabkan oleh kerosakan berpunca daripada kurangnya pemantauan dan penyelenggaraan terhadap tayar tersebut dan bukannya kerana tayar tersebut tidak selamat. Untuk makluman, tayar celup terbukti selamat kerana selain digunakan oleh kenderaan komersial secara meluas, ia juga digunakan oleh kapal terbang yang mana tahap keselamatannya adalah lebih tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**<u>JAWAPAN:</u>** **<u>Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ</u>**

**DARIPADA** **TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**

**[BALIK PULAU]**

**TARIKH** **21 JUN 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan Kerajaan di dalam menangani isu keselamatan persempadanan Malaysia-Thailand.**

**<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>**

Tuan Yang Di-Pertua,

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

Kerajaan sememangnya telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan keselamatan persempadanan negara terutamanya di sempadan Malaysia-Thailand sentiasa di tahap terbaik. Pada masa ini, kerajaan dalam usaha memperkemaskan pengurusan keselamatan sempadan terutamanya di sempadan Malaysia-Thailand yang dilaksanakan melalui beberapa kaedah. Antaranya adalah:

1. Kerjasama bilateral bersama Kerajaan Thailand yang dimeterai melalui pelbagai platform jawatankuasa bersama yang membincangkan isu-isu keselamatan serta pembangunan sosial dan ekonomi di kawasan sempadan. Melalui jawatankuasa-jawatankuasa ini, aktiviti/program yang dilaksanakan seperti rondaan bersama di kawasan sempadan, latihamal, latihan ketenteraan bersama, pertukaran maklumat, aktiviti-aktiviti sosial diadakan bagi mempereratkan lagi hubungan rakyat di kawasan persempadanan bertujuan memelihara keselamatan dan ketenteraman di kawasan tersebut;

2. Penyelenggaraan projek-projek fizikal di sempadan Malaysia-Thailand seperti penyelenggaraan pagar dan tembok keselamatan serta sistem kawalan keselamatan (CCTV) di

sepanjang persempadanan ini sentiasa diselenggara dari semasa ke semasa bagi menjamin fungsi dan keberkesanannya di samping pemasangan sistem kawalan keselamatan (CCTV) di beberapa lokasi khas dan strategik di sepanjang sempadan;

3. Penambahan kompleks CIQS di negeri-negeri persempadanan seperti Kompleks CIQS Bukit Bunga, Kelantan dan Kompleks CIQS Durian Burung, Kedah (kompleks CIQS terbaru dan telah dirasmikan pada Mei 2011) bertujuan memastikan kawalan keluar masuk negara sentiasa dikawal selia dan terurus. Selain itu, beberapa Kompleks CIQS seperti Kompleks CIQS Bukit Kayu Hitam sedang di dalam proses pembaikan dan penaiktarafan bangunan dan kemudahan;

4. Kawalan dan penguatkuasaan di sepanjang persempadanan Malaysia-Thailand turut dipertingkatkan bagi memastikan sempadan negara bebas daripada ancaman penyeludupan barangan kawalan, senjata api, dadah dan kemasukan pendatang tanpa izin (PTI). Penubuhan Regimen Sempadan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ditugaskan untuk mengawal sepanjang persempadanan Malaysia-Thailand di lokasi strategik negara telah berjaya memberi impak positif kepada penurunan statistik aktiviti penyeludupan dan kemasukan PTI; dan

5. Pada masa yang sama, operasi bersepadu melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), ATM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam DiRaja

Malaysia (JKDM) dan agensi-agensi lain diteruskan bagi membanteras aktiviti penyeludupan di sepanjang sempadan khususnya di sepanjang sungai (Sungai Golok).

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN** **NO. SOALAN: '?.?**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012 [ ISNIN ]** |
| **DARIPADA** | **Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]** |

**SOALAN :**

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah impak dan risiko yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dan umat Islam di Malaysia lanjutan daripada perhimpunan Bersih di Mekah dan Madinah.

**JAWAPAN :** **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Makkah dan Madinah adalah merupakan dua Tanah Suci umat Islam yang suci dan tempat tumpuan beribadah umat Islam dari seluruh dunia.

Sekarang ini, kebanyakkan negara seperti Syria, Libya dan negara-negara Arab lain mempunyai masalah dalaman yang serius namun tiada pihak dari negara-negara itu yang berani membuat demonstrasi terang-terangan di kota-kota suci Makkah dan Madinah.

Kerajaan Arab Saudi amat menitikberatkan soal keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya di Tanah Suci Makkah dan Madinah. **Tindakan keras boleh diambil ke atas sesebuah negara sekiranya rakyat negara itu didapati bersalah dalam menjalankan aktiviti yang menimbulkan huru-hara seperti demonstrasi jalanan dan sebagainya.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua persiapan menunaikan haji tahun ini seperti penyewaan kapal terbang, tempahan hotel, serta lantikan syarikat yang akan membekalkan makanan kepada jemaah, sudah diselesaikan sepenuhnya berdasarkan kuota yang diperuntukkan setiap tahun kepada rakyat Malaysia.

Risiko yang dihadapi adalah, **jika sesuatu berlaku seperti tidak mendapat kuota seperti mana kebiasaan, maka impaknya bukan saja boleh menyebabkan kerugian ke atas agensi Kerajaan khasnya Tabung Haji dan syarikat pengurusan haji, tetapi paling besar ialah kesusahan umat Islam yang kebanyakannya sudah selesai menjalani kursus haji dan meletakkan harapan tinggi untuk menunaikan haji pada tahun ini.**

Jemaah Menteri juga telah memutuskan bahawa YAB Perdana Menteri hendaklah dirujuk jika Kerajaan Arab Saudi memutuskan untuk mengurang atau menggantung kuota jemaah haji Malaysia supaya YAB

Perdana Menteri boleh kelak membuat rayuan kepada Raja Arab Saudi.

Dalam masa terdekat, Kerajaan melalui Tabung Haji, telah menghantar surat kepada Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi bagi menjelaskan isu perhimpunan BERSIH 3.0, serta menyampaikan harapan Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan Arab Saudi tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap kuota atau peruntukan-peruntukan yang berkait dengan pelaksanaan ibadat haji tahun ini.

Saya juga memohon jasa baik YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, untuk berhubung dengan Kerajaan Arab Saudi khususnya Raja Arab Saudi, Raja Abdullah, untuk memaklumkan kedudukan dan permohonan kuota haji.

Kesimpulannya, perhimpunan BERSIH 3.0 jelas boleh mengundang banyak implikasi buruk kepada rakyat dan negara bukan sahaja di dalam negeri, malah di peringkat antarabangsa. Kerajaan mengambil serius perkara ini dan berusaha di peringkat tertinggi negara untuk menanganinya, demi menjaga ibadah dan kebajikan bakal haji serta jemaah umrah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 24**

**<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u> PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA** **TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]**

**TARIKH** **21 JUN 2012**

**SOALAN :**

**Tuan Manickavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan gran-gran termasuk nilai dan kegunaan gran yang telah diperuntukkan kepada badan-badan bukan Kerajaan India oleh Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 2008 sehingga kini.

**JAWAPAN:**

Sejak tahun 2008 sehingga 18 Mei 2012, sebanyak 8,128 program/projek bernilai RM76.56 juta telah diluluskan kepada masyarakat India di seluruh negara. di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri. Peruntukan ini digunakan bagi melaksanakan projek fizikal seperti menaik taraf kuil hindu, dewan serba guna, sekolah Tamil dan Ian-lain. Selain itu ia juga digunakan sebagai sumbangan kewangan bagi melaksanakan program/aktiviti sosial/aktiviti sukan, pembekalan/peralatan seperti perabot serta bantuan/sumbangan kepada pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Ringkasan kategori program/projek yang telah diluluskan kepada masyarakat India di seluruh negara dari tahun 2008 hingga 15 Mei 2012 adalah di Lampiran A.

LAM PI RAN A

**RINGKASAN PERUNTUKAN BAGI PROGRAM/PROJEK KECIL DI BAWAH PERUNTUKAN KHAS YAB PERDANA MENTERI BAGI KAUM INDIA TAHUN 2008 - 2012 (* sehingga 18.05.2012)**

| KATEGORI | | | 2009 | | 2010 | | 2011 | | *2012 . | | JUM BIL PROJEK | JUMLAH NILA! PROJEK (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | lIBttl l | NILA! PROJEK (RM) | Bit | NILA! PROJEK (RM) | BIL | NIIAI PROJEK (RM) | BIL | NIIAI PROJEK (RM) | BIL | NJLA1 PROJEK (RM) | | |
| 1. PROJEK FIZIKAL | | | | | | | | | | | | |
| a. KUIL HINDU | | 1,924,000.00 | 79 | 2,045,000.00 | | 4,410,500.00 | 104 | 2,202,000.00 | 325 | 13,532,000.00 | 857 | 24,113,500.00 |
| b.TOKONG HINDU | 0 | - | 1 | 30,000.00 | 0 | - | 2 | 6,000.00 | 1 | 22,000.00 | 4 | 58,000.00 |
| c. DEWAN SERBAGUNA/8ALAIRAYA/DEWAN MAKAN/DEWAN KOMUNITI | fi WkB | 2,162,500.00 | 10 | 538,000.00 | | 267,000.00 | 19 | 1,165,000.00 | 12 | 1,024,500.00 | 72 | 5,157,000.00 |
| d.SEKOLAH TAMIL | 6 | 255,000.00 | 4 | 240,000.00 | 2 | 33,000.00 | 12 | 620,000.00 | 5 | 105,000.00 | 29 | 1,253,000.00 |
| e.JALAN/JALAN TAR/PEMBENTUNGAN | Mim: | 143,000.00 | 2 | 79,152.00 | | 13,500.00 | | 215,000.00 | 6 | 171,000.00 | 23 | 621,652.00 |
| f. PARIT/LONGKANG/GABION | 1 | 2,000.00 | 3 | 29,000.00 | 0 | - | I | 25,000.00 | 1 | 5,000.00 | 6 | 61,000.00 |
| g. PAGAR KUBUR/DEWAN/KUIL | | 5,000,00 | ISI | 55,000.00 | | 45,000.00 | W | 99,000.00 | 7 | 170,000.00 | | 374,000.00 |
| h. PONDOK REHAT/PERKUBURAN/STOR PERKUBURAN | 6 | 44,000.00 | 2 | 18,000.00 | 3 | 22,000.00 | 2 | 25,000.00 | 1 | 8,000.00 | 14 | 117,000.00 |
| i. BANG U NAN PEJABAT | | 53,000,00 | | | M | 544,000.00 | W | 52,000.00 | | 20,000.00 | | 669,000.00 |
| j. LAMPU JALAN/TIANG LAMPU | 0 | - | 0 | - | 0 | - | 2 | 19,000.00 | 0 | - | 2 | 19,000.00 |
| 2, PROGRAM/AKTIVITI SOSIAL/AKTIVITI SUKAN | 805 | 3,906,600,00 | 404 | 3,029,108.00 | 449 | 2,181,440.00 | 585 | 3,932,521.60 | 362 | 1,817,600.00 | 2,605 | 14,867,269.60 |
| 3. PEMBEKALAN/PERALATAN (perabot/t-shirt/komputer dan Iain-lain) | 764 | 2,900,930.00 | 504 | 1,969,341.60 | 619 | 2,699,732.50 | 323 | 1,174,477.00 | 175 | 677,478.00 | 2,385 | 9,421,959.10 |
| 4. BANTUAN/SUMBANGAN NGO | 213 | 910,800.00 | lliil | 1,750,714.80 | 643 | 5,298,971.00 | 537 | 6,055,110.00 | 351 | 3,602,670.00 | 2,088 | 17,618,265.80 |
| 5. LAIN-LAIN (tempat bakar mayat, landskap, rumah PPRT) | 1 | 10,000.00 | 1 | 1,500,000.00 | 1 | 1,500.00 | 3 | 70,000.00 | 5 | 628,000.00 | 11 | 2,209,500.00 |
| llfgM | **1954** | **12,316,830.00** | lltlll | **11,283,316,40** | **1959** | **15,516,643,50** | **1604** | **15,660,108.60** | **1254** | **21,783,248.00** | 8128 | **76,560,146.50** |

NO SOALAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**

**DARI PADA**

**LISAN**

**21.06.2012**

**PERTANYAAN**

**TARIKH**

**Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [ LIPIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah matlamat Urus Tadbir di Malaysia telah mencapai pematuhan antarabangsa "Governance Report On The Observe Of Standard And Codes" dan bagaimana untuk menggalakkan dan memperkasakan budaya tadbir korporat berintegriti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, *Governance Report On The Observe Of Standard And Codes* atau ROSC adalah penilaian secara sukarela yang dikendalikan oleh Bank Dunia. Matlamat inisiatif ROSC tersebut ialah mengenalpasti kelemahan yang boleh menyumbang kepada ketidakstabilan ekonomi dan kewangan sesebuah negara. Setiap penilaian ROSC akan menanda aras kerangka undang-undang dan kawal selia sesebuah negara, amalan dan kepatuhan syarikat yang tersenarai di pasaran saham, berdasarkan kepada Prinsip Tadbir Urus Korporat yang digariskan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

2. Penilaian terakhir yang dilaksanakan oleh Malaysia ialah pada tahun 2006. Pada waktu itu, Malaysia mendapat markah penuh bagi piawai perakaunan dan didapati telah 'mematuhi sebahagian besar' daripada prinsip-prinsip lain. ROSC 2006 mengakui bahawa pembaharuan penting terhadap tadbir urus korporat telah dilaksanakan di Malaysia selepas krisis kewangan melanda Asia, dengan menyatakan beberapa pembaharuan terpenting yang meliputi pembangunan menyeluruh pelan induk bagi memajukan pasaran modal, demutualisasi Bursa Malaysia, pengenalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang pertama, dan perubahan kepada komposisi serta peranan lembaga pengarah.

3. Malaysia telah bersetuju untuk terlibat dalam penilaian secara sukarela ROSC pada tahun ini dan sedang memuktamadkan laporan berkaitan dengannya. Berdasarkan draf laporan, penilaian yang dilaksanakan mengesahkan bahawa Malaysia ialah pemimpin rantau ini dalam bidang tadbir urus korporat dan telah mencapai tahap-tahap tertinggi kepatuhan dalam beberapa bidang terpenting, seperti penglibatan pemegang saham dalam mesyuarat agung, larangan perdagangan orang dalam *(insider trading),* dan pelaksanaan kualiti tertinggi piawai perakaunan. Berbanding dengan markah tahun 2006, Malaysia telah menunjukkan kemajuan bagi semua prinsip dalam penilaiannya terkini.

4. Bagi mengalakkan serta memperkasakan budaya tadbir urus korporat, Suruhanjaya Sekuriti telah melancarkan Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat, atau CG *Blueprint* pada bulan Julai 2011. Secara asasnya, CG *Blueprint* diwujudkan bertujuan untuk mencapai kecemerlangan dalam tadbir urus korporat melalui pengukuhan disiplin diri dan pasaran serta mempromosi budaya kepatuhan dan tadbir urus korporat yang terbaik.

5. Antara hasil penting yang utama CG *Blueprint* ialah penerbitan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (MCCG 2012) pada 29 Mac 2012 oleh Suruhanjaya Sekuriti. MCCG 2012, yang menggantikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2007, menggariskan 8 prinsip am dan 26 cadangan kepada struktur-struktur dan proses-proses yang harus digunapakai oleh syarikat-syarikat dalam usaha menjadikan tadbir urus korporat yang baik

sebagai sebahagian penting daripada cara berurusniaga dan budaya mereka.

**Soalan No : 26**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |

**SOALAN:**

**Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang** ] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan status sebenar Geran Perkapita Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang telah diberhentikan oleh Perdana Menteri Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada tahun 2003, adakah Geran Perkapita tersebut telah diberikan semula sepertimana difahami dari kenyataan Perdana Menteri pada 9 Mac 2012, ketika merasmikan pembukaan Sekolah Agama Taman Molek, Johor Bahru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sungguhpun Sekolah Agama Rakyat (SAR) bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), namun atas keprihatinan Kerajaan, bantuan kewangan tetap disalurkan bagi membantu sekolah berkenaan menyediakan kemudahan pendidikan yang lebih kondusif. Sehubungan itu, dari tahun 2006 hingga 2011 sejumlah RM312.8 juta telah disalurkan kepada SAR. Manakala untuk tahun 2012 pula, sebanyak RM10 juta telah diperuntukan untuk disumbangkan kepada SAR-KAFA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa membuka ruang kepada semua Sekolah Agama Rakyat (SAR) untuk mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bagi melayakkan sekolah berkenaan mendapat segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Antara kemudahan tersebut termasuklah bantuan perkapita seperti mana yang dinikmati oleh semua sekolah

Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan. Justeru, KPM berkeyakinan dengan penyaluran bantuan tersebut, SAR mampu memastikan kualiti pendidikan kebangsaan relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta akhirnya dapat memenuhi keperluan pembangunan pendidikan negara.

**Rjm 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** | **NO. SOALAN : 27** |
| **DARIPADA** | **DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [ SETIAWANGSA ]** | |
| **TARIKH** | **21.06.2012 (KHAMIS)** | |

**DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [ SETIAWANGSA** ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian di dalam memperkasa dan mempertingkatkan peranan koperasi di dalam pembangunan ekuiti kaum Bumiputera khususnya di dalam bidang perniagaan; memandangkan masih terdapat kekangan di dalam usaha pembangunan koperasi pada waktu ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pembangunan ekuiti kaum Bumiputera dalam bidang perniagaan boleh diperkasa dan dipertingkatkan melalui koperasi. Individu Bumiputera yang mendapati mereka kurang berkeupayaan menyertai bidang perniagaan secara persendirian, boleh bersatu dengan menubuhkan koperasi dan seterusnya menceburi bidang perniagaan melalui pengumpulan modal sesama mereka serta juga perkongsian pengetahuan dan kemahiran.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyediakan:

i. bantuan kewangan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah bagi membantu menampung keperluan perniagaan koperasi;
ii. program latihan bagi membina upaya modal insan dan meningkatkan pengetahuan perniagaan;
iii. galakan dan insentif kepada koperasi supaya menceburi bidang pelaburan berskala besar terutama dalam 5 sektor ekonomi di bawah NKEA iaitu perkhidmatan kewangan, pemborongan dan peruncitan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, pertanian dan industri asas tani serta perladangan;
iv. pemadanan perniagaan untuk meningkatkan pendapatan koperasi.

Nu s-t>A «^aa/•2^NO.
AUM :3ft

~NOrAUP-r“

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |
| **RUJUKAN** | **4856** |

**SOALAN:**

**Dato’ Johari bin Abdul [ Sungai Petani** ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) adakah benar wujud kepincangan dalam sistem biometrik dan kad berlepas sehingga berlakunya kekeliruan di antara Kementerian Pelancongan dan Jabatan Imigresen baru-baru ini; dan

(b) apakah *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam melaksanakan prosedur kad berlepas dan sistem biometrik di pintu- pintu masuk-keluar Negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian tidak jelas apakah kepincangan dan kekeliruan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di dalam situasi ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Pelancongan telah mengadakan beberapa siri perbincangan melibatkan penggunaan Kad IMM.26 dan bersetuju untuk memansuhkan penggunaan Kad IMM. 26 berkuat kuasa 1 Jun 2012. Ini adalah kerana Kad IMM. 26 tidak lagi sesuai pada masa ini semenjak pelaksanaan *National Enforcement and Registration System* (NERS).

Pelaksanaan sistem NERS membolehkan KDN melalui JIM memperkemaskan pemantauan pergerakan keluar/masuk warga asing di negara ini melalui sistem biometrik. Penggunaan sistem NERS ini juga membolehkan JIM menyediakan perkhidmatan secara *paperless* (dengan izin) memandangkan kesemua maklumat yang diperolehi daripada Kad Ketibaan/Berlepas (IMM.26) boleh di *capture* (dengan izin) terus daripada pasport pelawat tanpa perlu mengisi Kad IMM.26.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Sememangnya JIM menggunapakai *Standard Operating Procedure*

*(SOP)* sedia ada dalam pelaksanaan sistem biometrik dan Kad IMM.26. SOP tersebut memperincikan tatacara pemeriksaan keluar dan masuk pelawat yang melalui pintu-pintu masuk yang diwartakan bagi memastikan pergerakan warga asing adalah teratur dan terkawal.

**NO. SOALAN:29** **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN]**

**TARIKH : 21 JUN 2012**

**SOALAN**

**Dato' Sri Ong Tee Keat** [ **Pandan** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) sama ada Ujian Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment)* wajib dilangsungkan sebelum sesuatu projek pembangunan itu dilaksanakan; dan

(b) jika ya, bilakah ujian penilaian berkenaan dijalankan bagi Projek Lynas, Projek MRT di Lembah Klang, Projek Petrokimia di Pengerang. Jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN :**

(a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Ujian Penilaian Impak Sosial atau *Social Impact Assessment* (SIA) belum lagi dijadikan satu syarat wajib dikenakan sebelum sesuatu projek pembangunan itu dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, sesuatu projek pembangunan berskala besar/berimpak tinggi boleh dikenakan syarat supaya Penilaian Kesan Ke atas Alam Sekitar Terperinci atau *Detailed Environmental Impact Asssessment* (DEIA) dijalankan dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Di dalam DEIA terdapat elemen-elemen impak sosial, termasuk mengenal pasti bahawa projek tersebut tidak bercanggah dengan pelan pembangunan atau dasar sedia ada Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, laporan tersebut perlu mengenal pasti:

- keadaan fizikal, *chemical, biological* dan persekitaran manusia sedia ada; dan
    - Kawasan alam sekitar yang sensitif, termasuk sosio-ekonomi atau nilai-nilai budaya (*cultural values)* yang mungkin menerima kesan dari projek tersebut

DEIA juga perlu melalui proses *public viewing* selama sebulan di mana orang awam boleh memberi ulasan berkenaan sebarang impak, termasuk impak sosial projek tersebut kepada JAS.

(b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan *Environmental Impact Assesment* (EIA) bagi **Projek Lynas.** telah diluluskan pada 15 Februari 2008 setelah memenuhi kehendak Seksyen 34A(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Laporan EIA Lynas ini telah dipamerkan untuk perhatian awam selama satu bulan mulai 30 Mei 2011 sehingga 28 Jun 2011. Laporan EIA ini boleh juga dibaca melalui laman web JAS.

Di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304), yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), terdapat peraturan subsidiari yang menjamin keselamatan orang awam, pekerja dan alam sekitar daripada aktiviti-aktiviti yang melibatkan tenaga atom. AELB dengan kerjasama *International Atomic Energy Agency* (IAEA) telah menjalankan kajian berkaitan keselamatan radiasi ke atas Projek Lynas. Walau bagaimanapun, Akta 304 tidak mensyaratkan Ujian Penilaian Impak Sosial dijalankan dan oleh yang demikian, AELB tidak menjalankan kajian tersebut.

Bagi **Projek MRT** pula, Kajian Impak Sosial telah selesai dilaksanakan bersama EIA pada 6 April 2011. Kajian-kajian tersebut adalah sebahagian keperluan sebelum Projek My MRT diluluskan. Kajian tersebut telah mengenal pasti semua impak negatif dan menetapkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh pemilik projek bagi menghindarkan ataupun mengatasi mana-mana kesan negatif kepada penduduk setempat seperti memastikan kesesakan lalulintas adalah minimum dan keselamatan penduduk adalah terpelihara.

**Projek Petrokimia di Penggerang** juga perlu melalui prosedur DEIA untuk kelulusan pembangunan. Status laporan DEIA untuk dua projek di Pengerang ketika ini ialah:

- Projek Pengerang Independent Deepwater Petroleum Terminal (PIDPT) yang dibangunkan oleh DIALOG Group dan Royal Vopak of Netherlands telah mendapat kelulusan DEIA daripada JAS pada Oktober 2011.

- Projek Refinery and Petrochemical Integrated Development (RAPID) PETRONAS telah mengemukakan laporan DEIA kepada JAS pada 4 Jun 2012. JAS sedang meneliti laporan tersebut dan status permohonan akan diketahui kelak.

**NO. SOALAN:**

**30 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** **21 JUN 2012** **(KHAMIS)**

**DARIPADA** **DATUK CHUA SOON BUI**

**[ TAWAU ]**

**<u>SOALAN</u> :**

**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) mengapakah Kerajaan mengambil begitu lama untuk menyediakan terma-terma rujukan (TOR) bagi Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) berhubung pendatang tanpa izin di Sabah selepas kelulusan Kabinet pada 8/2/2012; dan

(b) bilakah YAB Perdana Menteri akan mengumumkan RCI dan TOR. Adakah panel bagi RCI meliputi wakil-wakil semua pihak berkepentingan dari Sabah.

**<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan TOR mengambil masa kerana Kerajaan perlu memastikan bahawa ianya bukan sahaja akan menyiasat isu-isu yang berbangkit mengenai dokumen pengenalan diri dan pengurusan warga asing, tetapi ia juga melibatkan isu-isu lain yang perlu diberi perhatian. TOR ini juga harus memberikan cadangan penyelesaian secara menyeluruh bagi menangani isu-isu lain yang berkaitan dengannya. Isu-isu yang diberi perhatian dan diambil kira dalam penyediaan TOR ini adalah seperti berikut:

i) Lanskap politik dan sosial negeri Sabah;

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

ii) Keselamatan, ketenteraman awam dan keharmonian negara; dan

iii) Pandangan wakil-wakil semua pihak berkepentingan di Sabah seperti NGO, parti politik, pemimpin tempatan dan paling diutamakan adalah pandangan rakyat Sabah.

Kerajaan berharap TOR ini akan dapat menyediakan satu rangka kerja (*framework*) yang komprehensif bagi menangani isu-isu yang telah lama dibangkitkan oleh semua pihak dengan hasil akhirnya diiktiraf serta dihormati. Oleh itu ia perlu mengambil kira sudut pandangan dan kepentingan semua pihak yang berkaitan. TOR ini juga diharap dapat merangka formula penyelesaian bersepadu bagi mengelakkan isu ini berulang.

Sekian, terima kasih.

f\JO- S.'D^
-NO. AUM : 1 -

^JSIQ. AUP ;—*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN :** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |
| **RUJUKAN** | **4849** |

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan balai polis untuk Pulau Bruit di mana bilangan penduduknya sebanyak 12,000 orang dan mula menghadapi masalah sosial.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Manis yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan Balai Polis di Pulau Bruit memandangkan kadar jenayah dan tahap pembangunan di kawasan berkenaan masih rendah dan tidak menjadi sasaran penting kepada ancaman keselamatan.

Walau bagaimanapun, PDRM sentiasa melaksanakan langkah-langkah bagi menangani masalah sosial dan mencegah sebarang kemungkinan berlakunya jenayah di kawasan berkenaan termasuk dengan mengadakan perjumpaan dengan penduduk tempatan dan menjalankan rondaan secara berkala.

NO SOALAN :4 %

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

| | |
|---|---|
| DARIPADA | Y.B. DATO[1] SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHEAL TOYAD ABDULLAH |
| | (MUKAH) |
| PERTANYAAN | LISAN |
| TARIKH | 21.06.2012 |

**Soalan No.33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**Y.B. DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHEAL TOYAD ABDULLAH** [ **MUKAH** ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa unit Rumah Mesra Rakyat yang telah dan akan diperuntukkan di Bahagian Mukah Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke-10.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak diperkenalkan pada tahun 2002 s ehingga April 2012, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah membina 17,516 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) di seluruh negara. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 451 unit RMR telah dibina di Negeri Sarawak.

Berdasarkan Bajet 2012, SPNB telah diberi tanggungjawab untuk membina 10,000 unit RMR di seluruh negara termasuk di kawasan Mukah. Pelaksanaan program ini adalah bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima dari kawasan-kawasan parlimen tersebut. Sehingga Mei 2012, SPNB telah menerima 100 permohonan dari kawasan Mukah dan daripada jumlah ini, 25 permohonan telah siap dibina manakala baki 75 permohonan RMR lagi dijangka akan dapat disiapkan sebelum akhir tahun ini.

**NO SOALAN :4 %**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB Datuk Aaron Ago AnakDagang (Kanowit)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.06.2012**

YB Datuk Aaron Ago Anak Dagang(Kanowit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan RAYUAN BR1M yang berjaya di seluruh negara dan negeri Sarawak khasnya. Berapakah peruntukan tambahan untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3.000 dan ke bawah. Pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka.Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran. Manakala pengagihan baucar BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012 sehingga 15 Mei 2012. Walaubagaimanapun, tempoh sah laku baucar BR1M telah dilanjutkan sehingga 31 Julai 2012 memandangkan masih terdapat sebilangan kecil penerima yang masih belum lagi menerima baucar.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 5.0 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.3 juta atau hampir 86.4% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan dan juga kelulusan kategori khas yang merangkumi penerima bantuan E-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 682 ribu atau 13.6% daripada keseluruhan pemohonan.Program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.3 juta isirumah atau 66% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, definisi isi rumah bagi BR1M adalah berbeza berbanding dengan definisi isi rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Ini adalah untuk memastikan lebih ramai keluarga yang dapat menerima bantuan BR1M. Bagi tujuan BR1M, definisi ketua isi rumah adalah seorang lelaki atau wanita yang

menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga. Ini merangkumi individu yang sudah berkahwin termasuk anak yang berkahwin

dan tinggal bersama ibu bapa, ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan, bujang yang mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara.Oleh yang demikian, semasa merangka program BR1M, adalah dianggarkan sebanyak 5.2 juta isi rumah atau 79.5% keluarga layak memohon BR1M.

5. Bagi negeri Sabah, sebanyak 477,200 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 408,927 atau 85.7%permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM204,463,500. Manakala, bagi negeri Sarawak, permohonan yang diterima adalah sebanyak 561,743 di mana 82.5% atau 463,237 permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM231,618,500. Secara keseluruhan jumlah kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Negeri | JumlahKelulusan | Peratus Lulus Keseluruhan |
|---|---|---|
| Selangor | 530,977 | 12.71% |
| Johor | 466,367 | 11.17% |
| Sarawak | 463,237 | 11.09% |
| Perak | 429,231 | 10.28% |
| Sabah | 408,927 | 9.79% |
| Kedah | 363,139 | 8.69% |
| Kelantan | 303,579 | 7.27% |
| Pulau Pinang | 244,846 | 5.86% |
| Pahang | 229,660 | 5.50% |
| Terengganu | 199,918 | 4.79% |
| N.Sembilan | 168,700 | 4.04% |
| Kuala Lumpur | 166,362 | 3.98% |
| Melaka | 134,904 | 3.23% |
| Perlis | 50,132 | 1.20% |

| | | |
|---|---|---|
| Pahang | 229,660 | 5.50% |
| Terengganu | 199,918 | 4.79% |
| N.Sembilan | 168,700 | 4.04% |
| Kuala Lumpur | 166,362 | 3.98% |
| Melaka | 134,904 | 3.23% |
| Perlis | 50,132 | 1.20% |
| Labuan | 11,608 | 0.28% |
| Putrajaya | 4,835 | 0.12% |
| **Jumlah** | **4,176,422** | **100.00%** |

Untuk makluman, jumlah tersebut tidak termasuk jumlah kelulusan bagi kategori orang asli dan penerima bantuan JKM yang berjumlah sebanyak 159,810 penerima.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

NO. SOALAN:34 <u>PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARIPADA** **DATO' DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH** **21 JUN 2012**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) mengenai dengan pernyataan YAB Perdana Menteri mengenai dengan "Persekitaran Perniagaan Yang Kondusif Dan Mesra Niaga''; dan

(b) apakah kadar kenaikan indeks keluaran dalam negara kasar KDNK negara sejak tahun 2010 sehingga sekarang ini

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewujudan persekitaran perniagaan yang kondusif dan mesra niaga adalah amat penting bagi membolehkan peningkatan daya tahan dan produktiviti negara bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berterusan untuk jangka panjang. Malah ia merupakan teras pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Ia juga adalah untuk menjadikan ekonomi Malaysia beralih daripada ekonomi yang bersaing berdasarkan kos dan sumber asli kepada ekonomi yang dipacu oleh produktiviti dan inovasi. Peralihan ini juga berupaya memupuk, menarik serta mengekalkan modal insan berbakat, syarikat dan modal. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah usaha memodenkan peraturan perniagaan, meliberalisasikan sektor perkhidmatan, memperkenalkan rang undang-undang perniagaan, memperkukuh sistem inovasi, merasionalisasi penglibatan Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam perniagaan, menyerlahkan potensi pertumbuhan dan inovasi Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) dan mewujudkan infrastruktur bertaraf dunia bagi menyokong aktiviti ekonomi.

Usaha-usaha yang dilakukan Kerajaan telah menampakkan kesan positif. Antaranya ialah kedudukan daya saing Malaysia berdasarkan IMD *World Competitive Yearbook 2012* telah meningkat kepada kedudukan ke-14 berbanding ke-16 pada tahun

sebelumnya. Prestasi kecekapan perniagaan Malaysia berada di kedudukan antara 10 yang terbaik di dunia iaitu pada kedudukan ke-6 berbanding ke 14 pada tahun 2011. Begitu juga kedudukan daya saing di tangga ke-21 pada tahun 2012 oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) berbanding ke-26 pada tahun 2011 dan di kedudukan ke-18 pada 2012 dalam Laporan *Doing Business* oleh *World Bank* berbanding kedudukan ke-21 pada 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi ekonomi Malaysia berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah berkembang pada kadar 7.2 peratus pada tahun 2010 berbanding negatif 1.5 peratus pada tahun 2009 dan 5.1 peratus pada tahun 2011. Pertumbuhan purata bagi tempoh 2010 hingga 2012 ialah sebanyak 6.1 peratus. Bagi suku pertama 2012 pula, ekonomi negara masih mampu mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus. Pertumbuhan ini masih mampan dan membanggakan dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar terutama berikutan beberapa ekonomi Eropah yang telah dilanda kemelesetan. Pertumbuhan ekonomi dalam suku pertama 2012, adalah disokong oleh kegiatan ekonomi dalam negeri yang kukuh terutamanya oleh pengguna dan pelaburan. Walau bagaimanapun, berdasarkan petunjuk terkini bagi keseluruhan 2012, KDNKdijangka berkembang antara 4.0 hingga 5.0 berbanding jangkaan awal iaitu antara 5.0 hingga 6.0 peratus.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ] |
| TARIKH | 21 JUN 2012 |

SOALAN:

Y.B. Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan

(a) apakah fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka; dan

(b) kenapakah Dewan Bahasa dan Pustaka gagal mencetak dan menjual buku Bahasa Melayu lama yang sangat bernilai dalam memartabatkan

Bahasa Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Fungsi penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berdasarkan Akta DBP 1959 (disemak 1978) dan Akta DBP (Pindaan dan Peluasan)1995 adalah seperti berikut:

i) Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi;

ii) Memperkembangkan bakat sastera dalam bahasa kebangsaan;

iii) Mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku, majalah.risalah, dan bentuk-bentuk kesusasteraan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa

iv) Membakukan ejaan dan sebutan dan membentuk istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan;

v) Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul;

vi) Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang- undang yang sedang berkuat kuasa.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, DBP sentiasa berusaha untuk menghasilkan buku-buku yang bernilai tinggi. Sehingga kini, DBP telah menerbitkan lebih daripada 100 judul buku yang berasaskan persuratan Melayu lama, antaranya termasuk Sastera Hikayat, Sejarah Melayu, Kesultanan Melayu, Bahasa, Undang-undang dan Kebudayaan Melayu. DBP juga sentiasa

memastikan judul-judul tersebut sentiasa ada di pasaran dengan mencetak semula buku yang telah kehabisan stok serta menjenamakan semula judul-judul tersebut. Walaupun sebelum ini urusan pemasaran dan penjualan buku-buku tersebut agak perlahan, namun Syarikat Dawama Sdn. Bhd. di bawah pengurusan yang baru telah diberi ingatan agar memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

KAWASAN : **LEDANG**

TARIKH : 21 JUN 2012 (KHAMIS)

**SOALAN:**

YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI **(LEDANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kesalahan dan tindakan yang telah diambil oleh CIDB ke atas kontraktor-kontraktor binaan yang melanggar akta yang berkaitan CIDB.

SOALAN NO.: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN:

**Tuan Yang Di-Pertua;**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) bagi menjalankan fungsi-fungsi berkaitan dengan industri pembinaan negara.

Selaras dengan usaha meningkatkan Iagi tahap perkhidmatan dan fungsi CIDB sebagai agensi yang bertanggungjawab membangun, memaju dan mengawal selia industri pembinaan, Akta 520 telah dipinda dan diluluskan pada tahun lalu (2011). Akta 520 ini telah menetapkan tindakan tatatertib sivil dan jenayah terhadap mana-mana pihak yang melanggar peruntukan yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara bentuk-bentuk kesalahan berkaitan pelanggaran Akta 502 ini ialah seperti kesalahan kegagalan membayar levi, kontraktor tidak berdaftar, tidak memiliki kad hijau dan melaksanakan kontrak tidak mengikuti gred atau bidang yang telah ditetapkan. Manakala subseksyen 34c, Akta 502 mengenai 'pelanggaran kewajipan oleh kontraktor' pula telah menetapkan kesalahan jenayah terhadap kontraktor yang melanggar kewajipannya di bawah subseksyen 34B.

Untuk tempoh dari tahun 2005 hingga 31 Mei 2012, CIDB telah mengambil tindakan tatatertib terhadap seramai 522 syarikat kontraktor,

iaitu melibatkan amaran bertulis dan penggantungan/pembatalan lesen pendaftaran bagi kes-kes kesalahan yang lebih serius. Manakala untuk tempoh yang sama, seramai 204 syarikat kontraktor telah didakwa atas pertuduhan sivil di mahkamah dan 67 syarikat kontraktor lagi atas pertuduhan jenayah. Untuk tahun 2011 sahaja, sebanyak 65 syarikat kontraktor telah diambil tindakan tatatertib, 45 syarikat atas pertuduhan sivil dan 21 syarikat lagi atas pertuduhan jenayah.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO :**

**37 <u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN</u> DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]**

**TARIKH 21 JUN 2012**

**SOALAN**

**Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap pencapaian Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) sehingga kini dan setakat mana Unit Perancang Ekonomi mengawal selia pelan pelaksanaan inisiatif RMKe-10 dan sistem pemantauan inisiatif RMKe-10.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM), sentiasa mengawal selia pelaksanaan 85 inisiatif yang telah digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Bagi memastikan pencapaian *outcome* yang disasarkan di bawah RMKe-10, Sistem Pemantauan Inisiatif RMKe-10 (SPI RMKe-10) telah dibangunkan secara *in-house* oleh UPE, JPM. Sistem ini membolehkan pemantauan yang lebih sistematik dilaksanakan memandangkan kementerian dan agensi boleh mengemaskini status pelaksanaan RMKe-10 secara atas talian. Tambahan pula, laporan berkala secara suku tahunan mengenai pencapaian pelaksanaan inisiatif RMKe-10 juga dapat disediakan.

Berdasarkan maklumbalas sebagaimana dilapor dan dinilai melalui Sistem SPI RMKe-10, purata pencapaian keseluruhan 85 inisiatif di bawah RMKe-10 pada tahun 2011 adalah sebanyak 84 peratus iaitu berada pada tahap *exceed target.* Pencapaian ini mengambilkira semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap *key milestone* yang telah ditetapkan dalam sesuatu inisiatif.

Selain itu, pemantauan dari segi pelaksaan projek fizikal juga dilakukan melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPP II). Sehingga 18 Mei 2012, daripada 3,891 projek yang dijadual dilaksanakan dalam *rolling plan* kedua (bagi tahun 2012 - 2013), sebanyak 3,506 projek (90 peratus) telah dilaksanakan dan 864 projek atau 25

peratus daripada keseluruhan projek telah siap dilaksanakan. Dari segi perbelanjaan pula, daripada RM98.4 bilion yang diperuntukkan bagi tahun 2011 dan 2012, sebanyak RM60 bilion atau 61.2 peratus telah dibelanjakan.

Dengan adanya kedua-dua sistem pemantauan iaitu SPI RMKe-10 yang memantau pencapaian 85 inisiatif di bawah RMKe-10 serta SPP II yang memantau pelaksanaan projek fizikal dan prestasi perbelanjaan yang diperuntukkan, pelaksanaan RMKe-10 dijangka dapat mencapai *outcome* yang disasarkan.

('sJO S.O A £
_JSIOr-AUM—r£9^
,^J67Atr

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN**
**[ KULIM BANDAR BARU ]**

**TARIKH 21 JUN 2012**

**RUJUKAN 4855**

**SOALAN:**

**Dato' Zulkifli bln Noordin [ Kulim Bandar Baru** ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengharamkan buku bertajuk Kahwin Campur yang diterbitkan oleh Middle Eastern Graduate Centre dengan kerjasama sebuah yayasan Parti Demokratik Kristian German iaitu Konrad Adenauer Foundation yang jelas bercanggah dengan Islam kerana

mengharuskan perkahwinan di antara wanita Islam dengan lelaki bukan Islam atas alasan Islam itu adalah satu konsep penyerahan diri kepada Tuhan dan penganut semua agama yang punya kitab suci adalah Ahli Kitab, dan oleh itu Islam dari segi konsep dan layak berkahwin dengan wanita Islam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan soalan.

Kementerian Dalam Negeri bertindak ke atas penerbitan berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 termasuk juga bahan-bahan penerbitan yang dibawa masuk dari luar negara. Semua penerbitan ini dipantau oleh Kementerian agar tidak menyiarkan artikel atau laporan yang memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Bagi penerbitan *Kahwin Campur,* Kementerian mendapati bahawa terdapat unsur-unsur yang diragui dan disyaki bertentangan dengan fahaman dan pegangan ahli Sunnah Wal Jamaah. Sehubungan dengan itu, Kementerian Dalam Negeri telah mengemukakan kepada

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk kajian dan perakuan samada penerbitan ini sesuai atau tidak diedarkan di kalangan umat Islam dan tindakan akan diambil ke atas buku ini berdasarkan cadangan dan perakuan JAKIM. Ini bertepatan dengan usaha memelihara dan menjamin kesucian agama Islam sebagai agama rasmi negara sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Soalan No : 39**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM<br>[ PERMATANG PAUH ] |
| TARIKH | 21 JUN 2012 |

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan jumlah guru yang dilatih, jumlah yang dilantik dalam perkhidmatan setiap tahun bagi tempoh 2000-2012 serta jumlah lantikan mereka tertangguh dan sebab-sebab berlaku demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan guru baru pada satu-satu tahun adalah dengan merujuk kepada kekosongan perjawatan pada tahun berkenaan. Sebagai contoh pada tahun 2011 sejumlah 8425 calon telah ditempatkan dan pada tahun 2010 sejumlah 9501 guru baru dilantik berkhidmat di KPM. Bagi sesi tahun 2012 , sejumlah 439 graduan ospyen Pendidikan Islam telah ditawarkan pelantikan. Penempatan mereka tidak dapat diuruskan pada tahun 2011 disebabkan :

i. Pembekuan semua lantikan baru berkuatkuasa 20 Mei 2011 sehingga 31 Disember 2011 berikutan pelaksanaan dasar perkhidmatan awam yang kejat;

ii. Perubahan mekanisme pelantikan guru baru di mana semua calon yang layak perlu lulus temuduga pelantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sebelum dilantik dan ditempatkan berkhidmat di KPM.

Graduan Pendidikan yang telah menamatkan pengajian pada 2011 menjalani temuduga SPP pada Januari hingga Mac 2012 dan calon yang telah berjaya dalam temuduga SPP telahpun ditempatkan mengajar pada **23 Mei 2012.**
Rjm 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]**

**TARIKH 21 JUN 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]** minta **MENTERI**

**JAWAPAN:**

**PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan mengapa bangunan baru di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di Batu 7, Jalan Tuaran tidak digunakan, dan bangunan lama yang rosak itu tidak dirobohkan dan dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bangunan baru Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Batu 7, Jalan Tuaran pada asalnya dibina sebagai Rumah Budak Laki-laki Sabah. Bangunan baru ini telah siap dibina pada 23 Ogos 2011.

Namun begitu, pada 26 Jun 2011 skop penggunaan bangunan ini telah diubah kepada Taman Seri Puteri berikutan bangunan Taman Seri Puteri di Menggatal yang sedia ada perlu diubah skop kepada Desa Bina Diri Sabah. Pembukaan Desa Bina Diri Sabah telah disegerakan kerana pemanjangan dan pemakaian Akta Orang-orang Papa 1977 di negeri Sabah yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2011 yang menghendaki JKM menyediakan tempat perlindungan dan pemulihan bagi pengemis dan kutu rayau.

Berikutan perubahan skop bangunan JKM di Jalan Tuaran, maka pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

perlu melakukan pewartaan baru kepada kompleks tersebut serta membuat perubahan kepada peralatan dan perabot yang hendak dibuat perolehan. Kini, pihak Kementerian telah memperolehi kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk perubahan skop untuk pembelian peralatan dan perabot.

Sehubungan itu, proses perolehan peralatan dijadualkan bermula pada awal bulan Julai 2012 dan penghantaran peralatan dijangka selesai pada akhir bulan Ogos 2012. Kementerian menjangkakan bangunan baru ini dapat mula beroperasi pada awal bulan September 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung bangunan lama yang bersebelahan dengan bangunan baru ini, ia adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah kerana bangunan dan tapak tanah tersebut adalah milik kerajaan negeri. Kementerian difahamkan bahawa tapak ini dicadangkan untuk pembinaan Kompleks Sehenti Orang Kurang Upaya Kota Kinabalu dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Di samping itu, dimaklumkan bahawa Jabatan

Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah akan menyelenggara pembersihan kawasan berkenaan secara berkala sehingga cadangan pembinaan kompleks tersebut dilaksanakan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT[HULU LANGAT]**

**TARIKH 21 JUN 2012**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik umat Islam yang murtad dan menukar status dalam kad pengenalan mereka dan langkah-langkah yang diambil oleh JAKIM dalam mengatasi gejala murtad ini.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, **tidak ada penganut agama Islam yang telah murtad berdasarkan tiada permohonan untuk murtad di Mahkamah Syariah,** kecuali permohonan menentukan status agama yang dipohon oleh inidividu

berkenaan berikutan kekeliruan yang terdapat dalam sijil **NO. SOALAN:**

"

kelahiran atau kad pengenalan atau sijil akuan memeluk Islam. Mahkamah Syariah akan menimbang permohonan bagi bertujuan menentu status agama dalam keadaan berlakunya kekeliruan semasa pendaftaran nama terutama di negeri Sabah dan Sarawak dimana nama mereka seakan nama orang beragama Islam tetapi mereka bukan beragama Islam. (Contohnya Jamaluddin, Noraini dan Asan). **

Kerajaan telah dan sentiasa berusaha menangani isu murtad menerusi mekanisme perundangan yang telahpun tersedia sejak sekian lama. Bagi kesalahan murtad, sesetengah negeri telah memperuntukkan kesalahan percubaan murtad dalam undang-undang jenayah syariah negeri tersebut. Sebagai contoh, negeri Melaka dan Sabah telah memperuntukkan hukuman bagi kesalahan percubaan murtad dan syubahat kepada percubaan murtad. Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 seksyen 66 dan 67 memperuntukkan seperti yang berikut:

***Percubaan murtad*.**

***66. (1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah jika berpuashati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukarkan iktikad dan kepercayaan Agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam***

***untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan***

*orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.*

*(2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah subseksyen (1)-*

*a) bertaubat dengan serta merta, Mahkamah hendaklah, setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut: atau*

*b) jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah memanggil orang itu setelah mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.*

*(3) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan satu laporan kemajuan berhubung dengan orang yang ditahan itu kepada Mahkamah pada setiap minggu.*

*(4) Pusat Bimbingan Islam hendaklah diwartakan sebagai Pusat Tahanan di dalam Warta.*

*Svubahat kepada percubaan murtad.*

*67. (1) Seseorang yang bersyubahat di bawah seksyen 66 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima*

***ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak meiebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.***

***(2) Seseorang itu boleh dianggap bersyubahat jika ia melakukan mana-mana perkara yang disebut di bawah Enakmen ini.***

Manakala bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan pula, Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah yang akan menggantikan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] telah memasukkan beberapa peruntukkan berhubung kesalahan murtad.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyelaraskan tindakan dan berkerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam (NGO). Pendekatan secara santai dalam berdakwah dapat menyelamatkan golongan saudara baru mahupun golongan yang mudah terjebak dengan gejala ini daripada meninggalkan Islam. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah -

a) menyusun pelbagai program ke arah memperkukuhkan akidah umat Islam;

b) mempergiatkan lagi gerakan dakwah Islamiah oleh agensi-agensi Islam yang berkaitan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

c) melaksanakan program ke arah memperkukuhkan institusi keluarga secara berterusan.

d) memperkukuhkan Unit Saudara Baru dan dakwah melalui pelbagai program yang bersepadu dan terancang.

Kesimpulannya, perkara utama yang harus ditekankan dalam menangani dan membendung isu murtad ialah bimbingan dan didikan agama yang menyeluruh dan berkesan kepada umat Islam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN**

**[PADANG SERAI]**

**TARIKH 21 JUN 2012 ( KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Tuan Gobalakrishnan A/L Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan kaedah pengukuran *key performance indikator* (KPI) bagi

pegawai-pegawai dan cabang-cabang Jabatan Kebajikan Masyarakat. Apakah KPI yang telah direkodkan oleh pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat di cabang-cabang negeri Kedah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, Kerajaan telah menyarankan budaya kerja berasaskan prestasi dengan menggunakan petunjuk prestasi utama (KPI) yang diterapkan dalam perkhidmatan awam. Beberapa kaedah telah digunakan seperti pengukuran prestasi individu dan organisasi melalui sasaran kerja tahunan, pengukuran kecekapan Sistem Pengurusan Kualiti melalui pelaksanaan MS ISO 9000 serta Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dan penandaarasan amalan-amalan terbaik melalui pelaksanaan Anugerah Kualiti Jabatan.

Bagi perkhidmatan kebajikan, secara umumnya semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di seluruh negara mempunyai matlamat atau KPI yang sama, iaitu mematuhi Piagam Pelanggan, MS ISO 9001:2008 serta garis panduan lain yang telah ditetapkan bagi setiap kumpulan sasar Jabatan. Garis panduan ini termasuklah akta-akta dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa atau mana-mana garis panduan lain yang telah dijadikan rujukan utama Jabatan.

Antara KPI yang telah digariskan oleh Jabatan ialah:

1. Bayaran bantuan kebajikan bagi penerima bantuan sedia ada diuruskan selewat-lewatnya pada 1 hari bulan setiap bulan;
2. Mempercepatkan proses permohonan bantuan kebajikan menerusi kaedah perekayasaan proses kerja *(Business Process Reengineering* / BPR) pengurusan bantuan dan sistem e-Bantuan. Sebagai contoh, bagi kes-kes yang, dengan izin, *'clear cut',* contohnya OKU fizikal yang memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC) serta permohonan yang mempunyai dokumen lengkap, lawatan ke rumah klien tidak perlu dilakukan dan kelulusan diberikan serta- merta;
3. Pelaksanaan proses siasatan kes bagi permohonan bantuan baru dalam masa 7 hari dari tarikh kes diterima dan kelulusan dalam tempoh 14 hari dari tarikh siasatan; dan
4. Pendaftaran OKU dalam tempoh 14 hari.

Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Kedah khususnya, di samping KPI yang telah ditetapkan oleh jabatan, setiap PKMD perlu memastikan bahawa semua urusan harian yang dilakukan menepati dan mematuhi kehendak Piagam Pelanggan.

Bagi memastikan wang bantuan dapat disalurkan dengan kadar segera kepada penerima iaitu pada 1 hari bulan setiap bulan, JKMN Kedah menggalakkan pembayaran wang bantuan dilaksanakan melalui bank di setiap daerah. Sehingga kini, sebanyak 18,877 kes atau 44.8% daripada keseluruhan 42,135 kes menerima bayaran bantuan melalui bank. Namun demikian, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, atas keprihatinan Jabatan, dalam kes-kes tertentu seperti kes pesakit terlantar dan tidak mampu hadir ke bank, bayaran secara tunai masih dilaksanakan di pusat-pusat bayaran atau di rumah klien berkenaan.

Berikutan aduan orang ramai terhadap kelewatan siasatan dan pemprosesan bantuan, JKMN Kedah turut berusaha untuk memastikan setiap permohonan baru diproses mengikut Piagam Pelanggan dan KPI yang telah ditetapkan. Menerusi kaedah BPR yang telah diperkenalkan pada Januari 2011, JKMN Kedah telah berjaya memproses sebanyak 2,024 kes dalam masa satu hari untuk siasatan dan kelulusan bagi tempoh bulan Januari hingga April 2012.

Selain itu, mulai tahun 2010, proses pendaftaran OKU juga telah ditambah

baik di mana tempoh pengeluaran kad OKU kepada klien dikurangkan dari 30 hari kepada 14 hari. Bagi JKMN Kedah, bagi tempoh Januari sehingga Mac 2012, sebanyak 3,666 permohonan kad OKU telah berjaya diproses dalam tempoh 14 hari.

Pematuhan kepada Piagam Pelanggan dan KPI ini dipantau secara terus oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN) Kedah melalui laporan bulanan oleh semua PKMD kepada Ketua-Ketua Unit di Ibu Pejabat JKMN Kedah. Manakala pemantauan di peringkat Ibu Pejabat JKMM dibuat melalui Mesyuarat Pengarah-pengarah Negeri setiap 3 bulan sekali.

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK**
**[RASAH]**

**TARIKH** **21 JUN 2012**

**SOALAN** **Meminta MENTERI PELANCONGAN**
**menyatakan:**

Pihak manakah yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan aplikasi laman-laman Facebook rasmi Tourism Malaysia pada ketika ini dan berapakah kos bulanan untuk tujuan tersebut serta jumlah kos yang

**SOALAN NO 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

telah dibelanjakan untuk Kempen Social Media Branding setakat ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, Tourism Malaysia mempunyai laman Facebook rasmi *"Malaysia Truly Asia"* yang dikendalikan oleh Bahagian Teknologi dan E-Pemasaran Tourism Malaysia.

Pada tahun 2011, Tourism Malaysia telah mengambil langkah buat pertama kali mengadakan kempen penjenamaan *"Cuti-cuti 1 Malaysia"* melalui medium sosial media yang meliputi program/acara seperti berikut:

i) 1 Malaysia Dream Holidays dan Find the Icons (Kempen Pelancongan Domestik-Cuti-Cuti 1 Malaysia)
ii) Citrawarna 1 Malaysia;
iii) Karnival Jualan Mega 1 Malaysia dan Karnival Jualan Akhir Tahun 1 Malaysia (1MYES);
iv) Festival Pelancongan Seni Kontemporari 1 Malaysia;
v) Kempen 1 Malaysia Bersih 1 Malaysia Indah; dan
vi) *Fabulous Food* 1 Malaysia.

Kempen ini telah dilancarkan pada Mei 2011, dan setakat ini, telah mencapai sejumlah **637,000 peminat.** Majoriti peminat-peminat tersebut berumur di bawah 25 tahun iaitu **78%** daripada keseluruhan peminat-peminat. Ini menunjukkan ianya adalah medium yang terbaik bagi

mendekati golongan muda agar mereka mengenali produk-produk pelancongan negara dan seterusnya melancong di dalam negara.

Perbelanjaan yang telah dibuat bagi tujuan kempen ini adalah sebanyak RM1,470,737.65 sahaja atau 83.63% daripada anggaran peruntukan sebanyak RM1,758,432.00 yang disediakan.

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**
**DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]**
**TARIKH 21 JUN 2012**
**SOALAN**

**Tuan Salleh bin Kalbi [Silam]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Akta Pergigian 1971, terutama dari segi pendaftaran klinik agar lebih relevan untuk diguna pakai pada masa ini.

**Tuan Yang di-Pertua**

Akta Pergigian 1971 telah diluluskan dalam tahun 1971, untuk mengawal pengamalan pergigian di Malaysia, dan pengamal pergigian didaftarkan di bawah akta ini. Pendaftaran klinik pergigian swasta adalah di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Walau bagaimanapun, Akta Pergigian 1971 telah pun dikajisemula dengan tambahan peruntukan baru supaya lebih relevan kepada pengamalan pergigian masa kini dan dijangka akan dibentang di Parlimen dalam tahun ini.

**Tuan Yang Di-Pertua;**

Pendaftaran klinik pergigian adalah termaktub di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998(Akta 586). Di bawah Akta 586 ini, pengawal seliaan dan pemantauan adalah lebih kepada kemudahan infrastruktur, perkhidmatan yang diberikan, penggunaan peralatan dan personel profesional yang memberikan perkhidmatan.

Untuk pendaftaran klinik pergigian swasta, perakuan pendaftaran boleh diberikan kepada pengamal pergigian berdaftar atau pertubuhan perbadanan yang dinyatakan dalam Seksyen 28 Akta Pergigian 1971.

**NO SOALAN : 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**

TARIKH **21 JUN 2012**

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:

a) Apakah prosedur mengedarkan borang pembiayaan kewangan kepada peneroka FELDA daripada 7 bank terpilih adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara; dan

b) Kenapakah peneroka seolah-olah dipaksa menandatangani borang tersebut yang kebanyakannya dalam Bahasa Inggeris yang kurang difahami oleh peneroka.

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**MENTERI DI JPM**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mempunyai sebarang peraturan yang spesifik berkenaan proses pengedaran borang bagi mana-mana produk pembiayaan kewangan. Ini kerana setiap produk pembiayaan kewangan yang ditawarkan oleh setiap bank di Malaysia perlu mendapat kelulusan penuh dari BNM sebelum ianya boleh ditawarkan kepada umum/peminjam. BNM juga menetapkan bahawa setiap borang permohonan pembiayaan kewangan perlu disertakan dengan maklumat produk kewangan yang ditawarkan. Kesemua tujuh (7) bank terpilih telah melaksanakan proses penawaran produk pembiayaan kewangan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh BNM.

   Selain itu, pihak pengurusan FELDA dan bank telah mengadakan sesi penerangan yang berterusan kepada petugas dan peneroka mulai 24 April 2012 merangkumi penerangan mengenai proses permohonan, keperluan, kelebihan, risiko serta terma-terma pembiayaan kewangan yang ditawarkan.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya peneroka tidak pernah dipaksa untuk menandatangani borang pembiayaan kewangan tersebut. Sesi penerangan telah dijalankan di setiap pejabat rancangan FELDA mulai dari 24 April 2012 yang lalu berkenaan proses langganan saham FGV (Borang Biru dan Merah Jambu), keperluan, kelebihan, risiko serta terma-terma pembiayaan kewangan telah diperincikan oleh setiap wakil bank yang dilantik semasa sesi penerangan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

000000 00000000 00 CX)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** **DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**

**TARIKH** **21 JUN 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN** **NO. 46**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan** ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :~

(a) Jumlah angka penglibatan pelajar IPTA yang terlibat dalam acara demonstrasi BERSIH 3.0 pada baru-baru ini; dan

(b) Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memastikan para pelajar IPTA tidak terlibat dengan anasir tidak bertanggungjawab seperti demonstrasi tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pengajian Tinggi telah menerima senarai nama seramai 152 orang yang disyaki pelajar daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditangkap semasa perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April 2012. Senarai nama tersebut telah dipanjangkan kepada semua IPTA untuk pengesahan. Berdasarkan semangat autonomi yang diberikan, maka IPTA masing-masing boleh menentukan bentuk tindakan yang akan diambil terhadap pelajar yang didapati melanggar peraturan kelakuan dan tatatertib.

(b) Sebenarnya terdapat pelbagai program atau aktiviti yang telah dilaksanakan dalam membangunkan sahsiah pelajar, agar mereka menjadi pelajar yang berhemah, jati diri yang tinggi, yakin diri, berketerampilan dan berdaya global. Tujuan program tersebut juga untuk meningkatkan semangat patriotisme dan menyayangi tanah air serta mementingkan perpaduan negara. Antara program tersebut ialah Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan, Program National Blue Ocean Strategy (5&6), Pemimpin Hebat dalam Kalangan Pelajar IPTA (EAGLE), Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri, Program Interaksi Mahasiswa 1 Malaysia dan Program Inovasi Ke arah Masyarakat Sejahtera. Program-program ini adalah berdasarkan 8 teras seperti berikut:

(a) Teras Kesukarelawan;
(b) Teras Sukan;
(c) Teras Pengucapan Awam;
(d) Teras Kebudayaan;
(e) Teras Keusahawanan;
(f) Teras Inovasi;
(g) Teras Khidmat Komuniti; dan
(h) Teras Komunikasi.

**DARIPADA** **TUAN TONY PUA KIAM WEE**

**( PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**TARIKH** **21.06.2012**

**SJ.B/(47)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee ( Petaling Jaya Utara** ) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan siasatan Suruhanjaya Sekuriti ke atas saham Supercomnet Technologies Bhd. menandatangani perjanjian option membeli saham syarikat tersebut dan selepas itu menolak option tersebut dalam jangka masa 48 jam.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai latar belakang urusniaga, Supercomnet Technologies Berhad (Supercomnet) pada 26 Mac 2012 telah membuat pengumuman bahawa pada 25 Mac 2012 4 pemegang sahamnya telah membuat perjanjian bersama pihak tertentu untuk memberi option membeli 45,357,000 saham biasa Supercomnet pada harga RM0.225 sen setiap syer yang mewakili 18.66% daripada modal terbitan dan berbayar Supercomnet.

2. Walau bagaimanapun pada 27 Mac 2012, Supercomnet telah mengumumkan bahawa pihak tersebut telah menyatakan bahawa ia tidak akan meneruskan pilihan untuk membeli 18.66% kepentingan dalam Supercomnet.

3. Perjanjian option antara pemegang saham tidak tertakluk kepada penyiasatan pihak Suruhanjaya Sekuriti. Bursa Malaysia telah meneliti perkara tersebut dan telah memutuskan bahawa tiada pelanggaran terhadap keperluan penyenaraian ACE Bursa Malaysia.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | DATIN LINDA TSEN THAU LIN |
| TARIKH | 21 JUN 2012 (KHAMIS) |
| SOALAN | NO. 48 |

**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapakah buah institusi pengajian tinggi telah membuat rancangan untuk membina kampus di "Educational hub" di Sungai Batang di Sandakan dan apakah kedudukan pelaksanaan rancangan ini.**

**JAWAPAN**

**Tuan yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini telah terdapat beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam Hab Pendidikan Sandakan iaitu Sekolah Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah (UMS); Politeknik Sandakan; dan Kolej Komuniti Sandakan.**

NO. SOALAN : 49
<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>

**PERTANYAAN : LISAN**
**DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN**
**[ KOTA BELUD ]**
**TARIKH : 21 JUN 2012**
**SOALAN**

**Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah caranya memastikan pandangan Kerajaan Negeri diambil kira dalam penyediaan bajet pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk Sabah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Garis Panduan Kedua Rancangan Malaysia Ke-10 yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) pada 17 November 2009, dengan jelas telah dinyatakan bahawa Kerajaan Negeri hendaklah mengemukakan cadangan projek yang menjadi keutamaan negeri kepada Kementerian melalui UPEN atau Pejabat Pembangunan Negeri untuk dipertimbangkan. Di samping itu pihak Kementerian selalu diingatkan supaya mengadakan *engagement* dengan pihak UPEN bagi menyelaras senarai keutamaan projek di peringkat Kerajaan Negeri sebelum mengemukakan permohonan projek Kementerian kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

UPE, JPM juga turut mengadakan mesyuarat berkala dengan UPEN dari semasa ke semasa. Mesyuarat berkala tersebut adalah medium jalinan koordinasi dan persefahaman dalam usaha mengambil kira pandangan Kerajaan Negeri berkaitan bajet pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk semua negeri termasuklah Sabah.

No. Soalan : 50
PR-1252-L50514

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSUF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |
| **SOALAN** | **Y.B. Dr. Mujahid bin Haji Yusuf Rawa [Parit Buntar]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Malaysia masih dalam senarai tapak subur untuk ancaman pengganas global. |

l

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Parit Buntar** di atas soalan yang dikemukakan.

2. Ancaman pengganas atau "terrorist threat" merupakan satu masalah yang memerlukan kerjasama antara negara untuk membanterasnya. Malaysia telah dan sentiasa bekerjsama dengan negara-negara lain untuk memantau dan menahan individu-individu dan kumpulan-kumpulan yang telah dikenalpasti sebagai pengganas.

3. Malaysia juga telah memainkan peranan aktif dalam pelbagai inisiatif di peringkat antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam menangani keganasan. Kerajaan Malaysia juga sentiasa mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu dalam melindungi negara daripada ancaman pengganas global tersebut.

4. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Malaysia bukanlah "tapak subur" untuk pengganas oleh sebab langkah-langkah yang telah dan sentiasa diambil oleh Kerajaan untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara melalui undang-undang sedia ada dan juga pemantauan keselamatan berterusan oleh agensi-agensi keselamatan negara.

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. Seperti Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, negara mempunyai undang-undang seperti Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 bagi menangani ancaman keganasan di negara ini.

6. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan tersebut telah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa dan terbukti berkesan. Ini juga dinyatakan dalam laporan Global Peace Index 2011 yang telah meletakkan Malaysia sebagai negara yang paling selamat di Asia Tenggara dan juga berada di tempat ke-19 dalam senarai negara yang paling selamat di dunia.

7. Kerajaan akan terus mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memelihara dan melindungi rakyat dan negara dari sebarang kegiatan dan ancaman pengganas demi keselamatan dan kestabilan negara.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH: 21 JUN 2012

SOALAN:
**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat** ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) bagaimana pekerja-pekerja akan mendapat manfaat dengan pengenalan gaji minimum; dan

(b) apakah komponen gaji minima.

PR-1252-L49507

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan Kajian Guna Tenaga Kebangsaan tahun 2009 yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia, terdapat kira-kira 33.8% pekerja sektor swasta di Malaysia menerima gaji kurang daripada RM700 sebulan. Dengan pelaksanaan gaji minimum, adalah dianggarkan kira-kira 40% atau 3.12 juta daripada 7.8 juta pekerja sektor swasta di negara ini akan mendapat manfaat secara langsung.

2. Manfaat yang akan dinikmati pekerja dengan pengenalan gaji minima ialah ia dapat meningkatkan kuasa beli golongan pekerja yang berpendapatan rendah serta membolehkan mereka menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik. Di samping itu, kadar gaji

minimum yang ditetapkan adalah lebih tinggi atau menyamai Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional iaitu RM800. Ini secara langsung dapat mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekerja berpendapatan rendah *(the working poor).* Sebagai contoh, bagi sepasang suami dan isteri dalam sebuah keluarga yang bekerja di Semenanjung Malaysia, pendapatan minimum bulanan keluarga berkenaan adalah tidak kurang daripada RM1.800.

3. Pelaksanaan gaji minimum juga akan dapat meningkatkan perlindungan keselamatan sosial dengan peningkatan jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO).

4. Berhubung dengan komponen gaji minimum, definisi gaji minimum seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732) adalah gaji pokok yang akan ditetapkan atau sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 23 Akta 732.

(52)

**DARIPADA** **Y.B. DR. LEE BOON CHYE**

**(GOPENG)**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** **21.06.2012**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG** ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini projek Hidro-lektrik Bakun, memandangkan masih tidak ada pelanggan yang menggunakan tenaga elektrik yang dijana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Hidroelektrik Bakun telah mula beroperasi secara komersial mulai bulan Ogos 2011 dan dijangka siap sepenuhnya bagi turbin kelapan pada bulan Ogos 2013. Perjanjian Jual Beli Tenaga *(Power Purchase Agreement-PPA)* telah ditandatangani di antara Sarawak Hidro Sdn Bhd (SHSB), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggung jawab dalam pembangunan Projek Hidroelektrik Bakun dengan SESCO Bhd (SESCO), sebuah syarikat utiliti di Sarawak pada
1 Jun 2011. Seterusnya SESCO telah mengagihkan sumber tenaga elektrik daripada Projek Bakun ini untuk kegunaan industri di *Sarawak Corridor Renewable Energy* (SCORE) antaranya Tokuyama (M) Sdn Bhd (360MW), OM Material (Sarawak) Sdn Bhd (500MW), Press Metal Bhd (480MW) dan Asia Mineral Limited (270MW). Hampir keseluruhan industri yang terdapat di SCORE

adalah tergolong di dalam *energy intensive industries* di mana aktiviti industri ini menggunakan kapasiti tenaga elektrik yang tinggi.

SOALAN NO. 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTIKAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH 21 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakanapakah status pencapaian ProgramEkonomi Menjana Aspirasi Keluarga (eMAK) dan kesannya dalam memberdayakan wanita khususnya suri rumah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap pengupayaan ekonomi di kalangan kaum wanita di negara ini. Justeru, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan kerjasama pintar bersama Yayasan Keusahawanan Sosial untuk melaksanakan Program Ekonomi Menjana Aspirasi Keluarga (eMAK). Program ini yang dimulakan pada bulan Oktober 2010 dan tamat pada bulan Disember 2011 bertujuan untuk membuka minda golongan ibu-ibu tunggal dan suri rumah berpendapatan rendah untuk berusaha meningkatkan pendapatan keluarga, sekali gus keluar daripada kepompong kemiskinan.

Program eMAK mensasarkan penyertaan di kalangan suri rumah dan ibu tunggal yang produktif dan mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai usahawan yang berupaya menjana pendapatan dari rumah. Program eMAK meliputi pelbagai kerja-kerja kreatif yang dilaksanakan sepenuhnya dari rumah dengan menggunakan pendekatan elektronik (internet/web/blog/facebook) sebagai media promosi dan pemasaran. Peserta seterusnya diberikan pengetahuan asas perniagaan dan latihan mengikut minat dan kemahiran peserta.

Tuan Yang di-Pertua,

Program eMAK meliputi 3 komponen iaitu:

a) Penyediaan bengkel kemahiran yang terdiri daripada 5 jenis bengkel iaitu eMak Saji, eMak Bakeri, eMak Jahit, eMak Manik dan eMak Kraf Bunga Dip;
b) Kemahiran pemasaran melalui Portal eMAK: www.emak.com.my;
c) Penyertaan dalam komuniti jaringan usahawan sosial dalam kerja-kerja pembekalan produk dan perkhidmatan yang dikendalikan oleh Yayasan Keusahawanan Sosial.

Tuan Yang di-Pertua,

Program eMAK menggunakan tenaga pengajar yang berpengalaman serta mempunyai kredibiliti profesional dalam melatih para peserta mengikut

bidang kemahiran masing-masing. Para usahawan yang telah bermula dari rumah dan berjaya turut sama dilantik untuk menjadi tenaga pengajar serta dijadikan contoh kejayaan *(success stories)* yang boleh diteladani oleh peserta program eMak yang lain.

Sebanyak RM600,000 telah disalurkan secara sekali gus *(one off)* kepada Yayasan Keusahawanan Sosial untuk menjalankan program eMAK di mana seramai 601 peserta telah berjaya mengikuti program ini. Sebahagian besar peserta adalah suri rumah yang bermastautin di kawasan Lembah Kelang.

Secara keseluruhan, para peserta program eMAK berupaya menjana pendapatan bulanan antara RM200 hingga RM2,000. Berasaskan pencapaian ini, Kementerian berpandangan program eMak telah berjaya mencapai objektifnya dalam merubah minda golongan ibu-ibu tunggal dan suri rumah berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan keluarga, sekali gus keluar daripada kepompong kemiskinan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN LIANG TECK MENG

**SOALAN NO. : 54**

[ SIMPANG RENGGAM ]

**TARIKH** **:** 21 JUN 2012

**SOALAN:**

**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam** ] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kedudukan rundingan dengan pihak Indonesia berkaitan dengan masalah persempadanan di Sarawak-Kalimantan Barat dan Sabah-Kalimantan Timur.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat (4) kawasan di sempadan antarabangsa Malaysia - Indonesia bagi sektor Sarawak - Kalimantan Barat dan lima (5) kawasan di sempadan antarabangsa Malaysia - Indonesia bagi sektor Sabah - Kalimantan Timur ini yang belum mencapai kata sepakat daripada kedua-dua pihak bagi menentukan jajaran sempadan yang sebenar.

Pada umumnya kawasan-kawasan bermasalah ini adalah disebabkan deskripsi jajaran sempadan yang terdapat di dalam konvensyen-konvensyen dan perjanjian yang berkaitan berbeza dengan apa yang dijumpai di lapangan semasa kerja-kerja pengukuran dijalankan.

Memandangkan tidak ada kesepakatan yang berlanjutan untuk mengatasi isu kawasan-kawasan bermasalah bagi sempadan antarabangsa Malaysia - Indonesia, Mesyuarat Ke-18 Jawatankuasa Sempadan Bersama Malaysia - Indonesia di Jakarta, Indonesia pada 18 - 20 Oktober 1993 telah

**JAWAPAN:**

bersetuju untuk menangguhkan perbincangan mengenai isu kawasan-kawasan bermasalah tersebut sehingga sempadan darat kedua-dua Sektor Sabah - Kalimantan Timur dan Sarawak - Kalimantan Barat selesai diukur pada tahun 2000.

Kumpulan Kerja Bersama (Joint Working Group) bagi membahaskan isu kawasan-kawasan bermasalah telah ditubuhkan dalam Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Sempadan Bersama Malaysia - Indonesia yang diadakan di Surabaya, Indonesia pada 7-9 November 2000.

Mesyuarat Ke-8 Suruhanjaya Bersama Malaysia - Indonesia di Jakarta, Indonesia pada 5-7 Mei 2004, antara lain bersetuju supaya kerja-kerja penandaan dan pengukuran difokuskan kepada lima (5) kawasan bermasalah di sektor Sabah - Kalimantan Timur sahaja sementara ini dan bersetuju supaya Jawatankuasa Bersama Sempadan Antarabangsa menyediakan draf *Terms of Reference* untuk Kumpulan Kerja Bersama (Joint Working Group) dan seterusnya meminta agar pertemuan Kumpulan Kerja Bersama dipercepatkan bagi menyelesaikan isu kawasan-kawasan bermasalah di sempadan antarabangsa Malaysia - Indonesia.

Mesyuarat Ke-29 Jawatankuasa Bersama Sempadan Antarabangsa yang diadakan di Johor Bahru, Johor pada 3 - 5 Februari 2005 telah bersetuju dengan *Terms of Reference for the Joint Working Group on the Outstanding Boundary Problems of the Joint Demarcation and Survey of the International Boundary between Malaysia (Sabah) and Indonesia (Kalimantan Timur).* Kumpulan Kerja Bersama ini juga dikenali sebagai JWG - OBP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Informal discussion of the* JWG - OBP bagi membincangkan *Standard Operating Procedure* (SOP) telah diadakan pada 9 - 10 April 2012 di Johor Bahru, Johor.

Mesyuarat Pertama JWG - OBP dijangka akan diadakan di Indonesia pada bulan Julai 2012.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **DATO' HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

**Datuk Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun** ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah perpustakaan di seluruh negara termasuk perpustakaan sekolah dan nyatakan langkah Kerajaan bagi mewujudkan perpustakaan digital bagi membolehkan pengguna membaca buku dan pelbagai bahan ilmiah dalam bentuk digital secara talian.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Mei 2012, jumlah perpustakaan di Malaysia ialah sebanyak 12,382 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9,922 buah atau 80% adalah terdiri daripada perpustakaan atau pusat sumber sekolah.

Kerajaan telah memulakan projek bagi mewujudkan Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) dengan pelancaran portal

Mylib pada 27 Jun 2000. Projek ini merupakan satu kerangka kerja jangka panjang yang diterajui oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama institusi perpustakaan di Malaysia bagi membangunkan perpustakaan digital kebangsaan secara berperingkat- peringkat menerusi pelaksanaan strategi seperti:

(i) menggubal dasar berkaitan pendigitalan bahan perpustakaan;

(ii) memperkukuh prasarana (infrastruktur dan infostruktur) teknologi maklumat yang berkapasiti tinggi serta mampu menyokong keperluan sistem;

(iii) memperkaya kandungan digital tempatan yang terdiri daripada portal elektronik yang mengandungi sumber maklumat serta khazanah intelektual berteraskan budaya negara bangsa Malaysia;

(iv) memperkukuh koleksi sumber elektronik seperti e-Buku, e- Majalah, pangkalan data, buku audio, video dan koleksi digital lain;

(v) membangunkan kompetensi modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pendigitalan; dan

(vi) menyedia dan mempromosi perkhidmatan perpustakaan secara dalam talian kepada rakyat seperti perkhidmatan u-Pustaka.

**SOALAN NO: 56**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU**

**<u>PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012 ( KHAMIS )** |
| **SOALAN** | Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan hasil tangkapan ikan semakin kecil dan berkurangan di perairan negara kita iaitu di Laut China Selatan, adakah Kementerian merancang untuk memberhentikan penangkapan bagi tempoh tertentu seperti langkah yang diambil oleh negeri China untuk mengekalkan kekayaan hidupan laut. |
| **JAWAPAN OLEH** | **Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** |

**Tuan Yang DiPertua,**

Sumber perikanan negara pada masa ini masih stabil berdasarkan jumlah pendaratan ikan yang masih menunjukkan *trend* peningkatan. Walau bagaimanapun, didapati kemerosotan berlaku dari segi jumlah dan saiz spesies-spesies tertentu. Buat masa ini, masih belum ada keperluan yang benar-benar mendesak untuk melaksanakan musim larangan menangkap ikan di mana-mana perairan negara. Ini dikhuatiri akan memberi tekanan kepada nelayan yang akan hilang punca pendapatan semasa musim tertutup tersebut.

SOALAN NO: 56

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012 ( KHAMIS )** |
| **SOALAN** | Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan hasil tangkapan ikan semakin kecil dan berkurangan di perairan negara kita iaitu di Laut China Selatan, adakah Kementerian merancang untuk memberhentikan penangkapan bagi tempoh tertentu seperti langkah yang diambil oleh negeri China untuk mengekalkan kekayaan hidupan laut. |

**JAWAPAN OLEH** **Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang DiPertua,**

Sumber perikanan negara pada masa ini masih stabil berdasarkan jumlah pendaratan ikan yang masih menunjukkan *trend* peningkatan. Walau bagaimanapun, didapati kemerosotan berlaku dari segi jumlah dan saiz spesies-spesies tertentu. Buat masa ini, masih belum ada keperluan yang benar-benar mendesak untuk melaksanakan musim larangan menangkap ikan di mana-mana perairan negara. Ini dikhuatiri akan memberi tekanan kepada nelayan yang akan hilang punca pendapatan semasa musim

tertutup tersebut.

SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **BAGI JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** |
| **TARIKH** | **21 Jun 2012 (Khamis)** |
| **SOALAN** | **57** |

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan satu laporan mengenai hasil siasatan Pasukan Tugas Khas mengenai skandal Zon Bebas Pelabuhan Kelang (PKFZ) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kerajaan yang beliau umumkan pada September 2009, cadangan yang dibuat serta tindakan yang diambil.**

**JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pasukan Petugas Khas Port Klang Free Zone (PKFZ) yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah mencadangkan penambahbaikan kepada:-

i) tadbir urus dan pengurusan projek;
ii) tindakan perundangan terhadap individu atau entiti tertentu; dan
iii) langkah-langkah untuk memantapkan PKFZ.

Dalam aspek tadbir urus, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah melaksanakan beberapa penambahbaikan yang dikenalpasti seperti dasar *whistle-blowing* dan *integrity pact.* Kerajaan dan LPK telah juga mengambil tindakan perundangan ke atas individu dan entiti yang berkaitan. Berhubung dengan cadangan memantapkan PKFZ, LPK dan PKFZ Sdn. Bhd. telah mengambil tindakan-tindakan promosi dan penggalakan pelaburan di PKFZ dan ini dapat dilihat dengan bilangan pelabur-pelabur yang telah meningkat di PKFZ.

/S/ *a* . i-OA t &-7V: S'£* **NGT-**
**AUM~$4**

**-NOnAUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN :** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |
| **RUJUKAN** | **4985** |

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada perbuatan berhimpun secara beramai-ramai atau meletakkan gerai di luar bangunan rumah seseorang individu adalah dibenarkan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, isu sama ada berhimpun atau meletakkan gerai di luar bangunan rumah seseorang individu adalah bergantung kepada undang-undang yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan mengikut peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012.

/v c5 : >c<A uAc?v>'

S 1 *-mrAUM* : 65

jJQ,_AUg_

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |
| **RUJUKAN** | **4858** |

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti** ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah benar pihak PDRM di kawasan seperti Miri dan Sibuti mempunyai masalah kekurangan anggota memandangkan tiada rancangan pihak PDRM menyediakan Balai Polis Mini di kawasan seperti di Permyjaya, Tudan, Miri, Taman Tunku, Simpang Bekenu dan Simpang Batu Niah yang mempunyai kepadatan penduduk.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibuti yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, buat masa ini keadaan keselamatan di Miri dan Sibuti adalah terkawal. Jumlah pegawai dan anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang bertugas di kawasan tersebut adalah mencukupi untuk mengawal keadaan keselamatan di daerah ini. Jumlah perjawatan PDRM yang diluluskan di Daerah Polis Miri adalah sebanyak 476 dan telah diisi sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan melakukan kajian terperinci untuk menyediakan Balai Polis di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi mengikut keperluan semasa.

**NO. SOALAN : 60**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | DATO’ KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ] |
| TARIKH | 21 JUN 2012 |
| RUJUKAN | 4859 |

SOALAN:

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah tahap keselamatan Kad Pengenalan Malaysia atau MyKad yang diuruskan oleh Syarikat Dibena Smart yang dibuat di Taiwan atau luar negara.

JAWAPAN :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Kemang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, syarikat yang menguruskan pengeluaran kad pengenalan mentah bermula pada 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2012 adalah Syarikat Datasonic Sdn. Bhd. Kementerian sememangnya sentiasa memastikan tahap keselamatan MyKad dalam keadaan terbaik dan tertinggi, kerana MyKad merupakan dokumen keselamatan dan kawalan.

Antara ciri-ciri keselamatan yang diperkenalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui MyKad Struktur Baru adalah seperti berikut:-

(i) Diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf di mana kualitinya adalah lebih tinggi dan lebih berdaya tahan berbanding dengan MyKad lama yang digunakan sebelum ini;

(ii) Cip pada MyKad baru ini juga telah diuji di peringkat pengeluar dan telah melalui beberapa peringkat pengujian iaitu sebelum proses memasukkan cip ke dalam MyKad.

Melaksanakan peringkat pengujian semasa proses terakhir percetakan MyKad;

Turisan laser pada nama, nombor kad pengenalan dan gambar kecil (ghost image);

*Microtext* nombor kad pengenalan di bawah gambar berwarna; dan

Perubahan reka bentuk lapisan keselamatan *(secureguard hologram).*

(61)

**NO SOALAN :68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA** **Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** **21.06.2012**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG** ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara setakat 31 Mei 2012 dengan menyebut sumber pembiaya dan amaun serta perkhidmatan pembayaran balik yang dibuat sepanjang 5 tahun lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang serentak dengan soalan Ahli Yang Berhormat Bakri kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM479.6 bilion atau 52.3 peratus berbanding anggran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM461.8 bilion atau 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM17.8 bilion atau 3.7 peratus merupakan hutang luar negeri.

3. Mengenai sumber hutang, pinjaman dalam negeri diperolehi melalui

terbitan Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), pinjaman Kumpulan Pinjaman Perumahan dan terbitan Sukuk Tempatan iaitu Sukuk IMalaysia. Pemegang instrumen berkenaan terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial seperti KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

4. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan pula diperoleh daripada sumber pasaran modal antarabangsa melalui terbitan sukuk global dan pengeluaran pinjaman projek dari institusi multilateral seperti Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam dan pinjaman bilateral dalam mata wang asing iaitu Dolar Amerika Syarikat, Yen, Dolar Euro, Dolar Kanada serta Dinar. Sebahagian besar pinjaman multilateral dan bilateral diperolehi pada tahun 70an dan 80an bagi membiayai projek-projek pembangunan.

5. Pembayaran balik hutang di buat secara tunai dan bayaran dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Jumlah bayaran balik pokok pinjaman dalam tempoh 5 tahun lalu adalah seperti berikut:

| **Tahun** | **2007** | **2008** | **2009** | **2010** | **2011** |
|---|---|---|---|---|---|
| **Jumlah (RM bilion)** | **38.6** | **34.7** | **51.1** | **31.9** | **65.5** |
| Dalam Negeri | 33.8 | 33.8 | 44.3 | 31.1 | 59.6 |
| Luar Negeri | 4.8 | 0.9 | 6.7 | 0.8 | 5.9 |

SOALAN NO: 62

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **YB. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [ SRI GADING ]** |
| **TARIKH** | **KHAMIS, 21 JUN 2012** |
| **RUJUKAN** | **20 [PR-1252-L50795]** |
| **SOALAN** | |

**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan berapakah kos kerugian yang ditanggung oleh pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menangani rusuhan 28 April lalu dan apakah persediaan pihak DBKL dalam mengatasi kejadian seumpama ini di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading, kos kerugian yang ditanggung oleh pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akibat daripada perhimpunan haram Bersih 3.0 yang lalu adalah sebanyak **RM351,206.45.** Kos tersebut bagi membolehkan pegawai dan anggota penguatkuasa DBKL menjalankan tugas kawalan di Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya.

Manakala bagi menangani kejadian rusuhan seperti yang berlaku pada 28 April 2012, ianya adalah di bawah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM). DBKL hanyalah terlibat dalam pengawalan apabila tempat yang dicadang untuk mengadakan perhimpunan tersebut iaitu Dataran Merdeka yang mana ianya terletak di bawah kawalan DBKL dan seterusnya turut membantu pihak polis dalam menangani rusuhan pada hari kejadian.

Bagi mempertingkatkan keupayaan anggota penguatkuasa di dalam menghadapi situasi seperti di atas, DBKL bercadang untuk memberi latihan yang bersesuaian kepada pegawai dan anggota penguatkuasa DBKL dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**SOALAN NO.63**

DARIPADA PUAN FONG PO KUAN
[ BATU GAJAH ]

TARIKH 21 JUN 2012

SOALAN:

PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH) minta PERDANA MENTERI menyatakan pecahan jumlah pengundi pos/pengundi awal mengikut kawasan Parlimen. Nyatakan apakah warganegara Malaysia di luar Negara akan dapat mengundi semasa Pilihanraya ke-13 ini. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya jumlah pemilih terkini sehingga pemerakuan Daftar Pemilih Terkini

**SOALAN NO.63**

Suku Tahun Pertama Tahun 2012 (ST1/2012) yang diwartakan pada 7 Jun 2012 ialah seramai 12,915,045 orang yang terdiri daripada 12,642,064 pengundi biasa, 159,343 orang anggota tentera serta pasangan anggota tentera, 108,205 orang anggota polis serta pasangan polis Pasukan Gerakan Am (PGA) dan 2,433 orang pengundi tidak hadir (luar negara). Maklumat lanjut adalah seperti di Lampiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 menyatakan kategori orang yang berhak mengundi sebagai pengundi pos ialah seperti yang berikut:

(a) pengundi tidak hadir (luar negara) yang disebut dalam perenggan (c), (d), (e) dan (f) dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) **2002**;

(b) anggota tentera dan polis yang disebut dalam perenggan 27A(1)(a) dan (c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 yang tidak dapat hadir

mengundi pada hari mengundi awal;

(c) seorang pegawai pilihan raya yang kena menjalankan tugas pada hari mengundi awal atau hari mengundi;

(d) seorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya; dan

(e) seorang anggota mana-mana kategori orang yang ditetapkan sebagai pengundi pos oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta.

Kecuali orang yang disebut di perenggan (a) di atas, semua permohonan untuk mengundi sebagai pengundi pos hanya boleh dikemukakan selepas disahkan adanya pertandingan untuk kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi suatu pilihan raya umum atau kecil, oleh yang demikian, SPR tidak mempunyai maklumat jumlah keseluruhan pemilih yang akan mengundi sebagai pengundi pos untuk Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN

TIDAK HADIR C Dikemaskini Sehingga 08

Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

PERLIS

P. 001 PADANG BESAR 1,639 501 7 2,147 38,961 41,108
P. 002 KANGAR 0 1,002 10 1,012 48,857 49,869
P. 003 ARAU 73 231 2 306 42,452 42,758
JUMLAH DALAM NEGERI 1,712 1,734 19 3,465 130,270 133,735

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
£

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN

TIDAK HADIR ( Dikemaskini Sehingga 08

Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

KEDAH

P. 004 LANGKAWI 383 585 3 971 35,276 36,247
P. 005 JERLUN 0 41 3 44 50,959 51,003
P. 006 KUBANG PASU 1,587 505 11 2,103 60,946 63,049
P. 007 PADANG TERAP 0 215 0 215 40,480 40,695
P. 008 POKOK SENA 2,078 688 16 2,782 76,234 79,016
2106-bt%20gaj ah-spr-%20Lampi ran%20Stati sti k%20Pemi1i h%20Bi asa_Ti dak%20Hadi r_PAR[l] P. 009 ALOR STAR 0 493 21 514 66,856 67,370 P. 010 KUALA KEDAH 0 78 9 87 93,369 93,456 P. Oil PENDANG 0 181 4 185 68,315 68,500 P. 012 JERAI 38 215 12 265 72,687 72,952 P. 013 SIK 0 180 1 181 45,723 45,904 P. 014 MERBOK 6,027 437 12 6,476 76,410 82,886 P. 015 SUNGAI PETANI 0 152 20 172 89,982 90,154 P. 016 BALING 0 347 6 353 91,471 91,824 P. 017 PADANG SERAI 0 74 5 79

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012
STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR
( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

70,953 71,032 P. 018 KULIM-BANDAR BAHARU 0 1,796 9 1,805 57,995 59,800 JUMLAH DALAM NEGERI 10,113 5,987 132 16,232 997,656 1,013,888

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*
2106-bt%20gajan-spr-%20Lampi ran%20statisti k%20Pemi l in%20Biasa_Tidak%20Hadir_PAR[1]

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
MENGIKUT PARLIMEN

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN

TIDAK HADIR ( Dikemaskini Sehingga 08

Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

KELANTAN

P. 019 TUMPAT 0 411 10 421 95,263 95,684
P. 020 PENGKALAN CHEPA 1,522 1,382 8 2,912 60,178 63,090
P. 021 KOTA BHARU 0 610 18 628 78,957 79,585
P. 022 PASIR MAS 0 350 1 351 70,003 70,354
P. 023 RANTAU PANJANG 65 83 5 153 51,355 51,508
P. 024 KUBANG KERIAN 0 73 12 85 63,809 63,894
P. 025 BACHOK 0 206 6 212 79,237 79,449
P. 026 KETEREH 3,427 53 3 3,483 57,166 60,649
P. 027 TANAH MERAH 0 244 1 245 55,671 55,916
P. 028 PASIR PUTEH 0 242 6 248 74,552 74,800
P. 029 MACHANG 32 213 3 248 57,833 58,081
P. 030 JELI 2,478 262 0 2,740 39,477 42,217
P. 031 KUALA KRAI 0 291 0 291 60,864 61,155
P. 032 GUA MUSANG 0 270 1 271 38,262 38,533
JUMLAH DALAM NEGERI 7,524 4,690 74 12,288 882,627 894,915

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899
PILIHAN RAYA TENTERA POLIS
LUAR NEGARA

TERENGGANU

P. 033 BESUT 1,268 357 7 1,632 69,445 71,077
P. 034 SETIU 0 205 2 207 65,811 66,018
P. 035 KUALA NERUS 754 840 2 1,596 73,123 74,719
P. 036 KUALA TERENGGANU 41 1,323 12 1,376 91,908 93,284
P. 037 MARANG 194 263 7 464 88,284 88,748
P. 038 HULU TERENGGANU 0 253 2 255 62,180 62,435
P. 039 DUNGUN 39 373 8 420 76,510 76,930
P. 040 KEMAMAN 27 432 2 461 90,028 90,489
JUMLAH DALAM NEGERI 2,323 4,046 42 6,411 617,289 623,700

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK

HADIR ( Dikemaskini Sehingga 08 Jun

2012)

MENGIKUT

PARLIMEN

BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899
PILIHAN RAYA TENTERA POLIS
LUAR NEGARA

PULAU PINANG

P. 041 KEPALA BATAS 0 635 3 638 49,253 49,891 P.
042 TASEK GELUGOR 2,075 100 8 2,183 49,919 52,102
P. 043 BAGAN 0 193 5 198 67,060 67,258 P. 044
PERMATANG PAUH 0 586 5 591 69,480 70,071 P. 045
BUKIT MERTAJAM 0 54 6 60 77,141 77,201 P. 046 BATU
KAWAN 0 157 2 159 55,451 55,610 P. 047 NIBONG TEBAL
0 435 4 439 56,660 57,099 P. 048 BUKIT BENDERA 468
563 11 1,042 69,413 70,455
2106-bt%20gajah-spr-%20Lampi ran%20Stati sti k%20Pemi1i h%20Bi asa_Ti dak%20Hadi
r_PAR[l] P. 049 TANJONG 76 960 1 1,037 50,874 51,911
P. 050 JELUTONG 0 933 6 939 69,290 70,229
P. 051 BUKIT GELUGOR 55 104 18 177 79,907 80,084
P. 052 BAYAN BARU 2,179 376 19 2,574 73,917 76,491
P. 053 BALIK PULAU 0 670 3 673 47,060 47,733 JUMLAH
DALAM NEGERI 4,853 5,766 91 10,710 815,425 826,135

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012
STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR
( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012

STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR (

Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN

BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899
PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR
NEGARA

PERAK

P. 054 GERIK 2,354 1,240 5 3,599 28,265 31,864 P.
055 LENGGONG 0 59 5 64 27,227 27,291 P. 056 LARUT
0 214 5 219 45,727 45,946 P. 057 PARIT BUNTAR 0
100 7 107 50,678 50,785 P. 058 BAGAN SERAI 0 304 3
307 53,732 54,039 P. 059 BUKIT GANTANG 0 108 11
119 69,707 69,826 P. 060 TAIPING 4,297 514 19
4,830 72,003 76,833 P. 061 PADANG RENGAS 0 34 5 39
28,225 28,264 P. 062 SUNGAI SIPUT 0 261 6 267
51,117 51,384 P. 063 TAMBUN 0 2,963 10 2,973
83,645 86,618 P. 064 IPOH TIMOR 2,784 509 111
3,404 78,101 81,505 P. 065 IPOH BARAT 614 1,883 62
2,559 74,241 76,800 P.066BATU GAJAH 267 543 25
835 85,351 86,186
P. 067 KUALA KANGSAR 0 345 5 350 32,694 33,044
P. 068 BERUAS 0 108 3 111 48,555 48,666
P. 069 PARIT 90 325 4 419 32,693 33,112
P. 070 KAMPAR 0 316 15 331 63,007 63,338 P. 071
GOPENG 821 172 56 1,049 93,075 94,124 P. 072
TAPAH 654 1,324 19 1,997 42,824 44,821
P. 073 PASIRSALAK 0 92 3 95 50,671 50,766
P. 074 LUMUT 12,666 598 9 13,273 72,741 86,014
P. 075 BAGANDATOK 0 60 1 61 39,129 39,190
P. 076 TELOK INTAN 0 410 8 418 59,156 59,574

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
$

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012

2106-bt%20gajah-spr-%20Lampi ran%20Stati sti k%20Pemi 1 i h%20Bi asa_Ti

dak%20Hadi r__PAR[1] ( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH

JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

PERAK

P. 077 TANJONG MALIM 69 422 21 512 62,478 62,990
JUMLAH DALAM NEGERI 24,616 12,904 418 37,938 1,345,042 1,382,980

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN

TIDAK HADIR C Dikemaskini Sehingga 08

Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

PAHANG

P. 078 CAMERON HIGHLANDS 0 185 15 200 27,359 27,559
P. 079 LIPIS 659 354 1 1,014 30,722 31,736
P. 080 RAUB 52 349 7 408 52,901 53,309
P. 081 JERANTUT 53 285 0 338 56,883 57,221
P. 082 INDERA MAHKOTA 2,1501,239 15 3,404 59,158 62,562
P. 083 KUANTAN 100 1,395 111,506 53,441 54,947
P. 084 PAYA BESAR 0 62 1 63 46,827 46,890
P. 085 PEKAN 6,650 254 7 6,911 71,895 78,806
P. 086 MARAN 0 215 2 217 37,374 37,591
P. 087 KUALA KRAU 0 52 2 54 41,996 42,050
P. 088 TEMERLOH 2,587 489 63,082 61,553 64,635
P. 089 BENTONG 1,006 394 141,414 59,342 60,756
2106-bt%20gajah-spr-%20Lampi ran%20Stati sti k%20Pemi1i h%20Bi asa_Ti dak%20Hadi
r_PAR[l] P. 090 BERA 0 200 6 206 49,785 49,991 P. 091 ROMPIN 329 287 2 618
50,295 50,913 JUMLAH DALAM NEGERI 13,586 5,760 89 19,435 699,531 718,966

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK

HADIR ( Dikemaskini Sehingga 08 Jun

2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012
STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR
( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

SELANGOR

P. 092 SABAK BERNAM 0 42 1 43 36,827 36,870
P. 093 SUNGAI BESAR 0 322 2 324 41,573 41,897
P. 094 HULU SELANGOR 406 751 9 1,166 81,785 82,951
P. 095 TANJONG KARANG 0 26 2 28 41,151 41,179
P. 096 KUALA SELANGOR 0 378 2 380 59,683 60,063
P. 097 SELAYANG 42 855 30 927 100,669 101,596
P. 098 GOMBAK 152 231 74 457 119,181 119,638
P. 099 AMPANG 0 671 52 723 80,501 81,224
P. 100 PANDAN 0 95 20 115 80,979 81,094
P. 101 HULU LANGAT 0 4,883 31 4,914 116,760 121,674
P. 102 SERDANG 82 288 64 434 126,602 127,036
P. 103 PUCHONG 545 419 26 990 101,041 102,031
P. 104 KELANA JAYA 0 760 82 842 96,752 97,594
P. 105 PETALING JAYA SELATAN 0 785 21 806 77,724 78,530
P. 106 PETALING JAYA UTARA 0 474 24 498 83,310 83,808
P. 107 SUBANG 4,544 483 46 5,073 116,378 121,451
P. 108 SHAH ALAM 32 1,919 32 1,983 94,083 96,066
P. 109 KAPAR 0 345 15 360 139,591 139,951
P. 110 KLANG 440 948 10 1,398 92,706 94,104
P. Ill KOTA RAJA 0 31 16 47 101,193 101,240
P. 112 KUALA LANGAT 928 350 4 1,282 85,119 86,401
P. 113 SEPANG 0 1,070 21 1,091 79,843 80,934
JUMLAH DALAM NEGERI 7,171 16,126 584 23,881 1,953,451 1,977,332

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
¥

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

W.P KUALA LUMPUR
P. 114 KEPONG 0 136 20 156 66,525 66,681
P. 115 BATU 2,328 806 26 3,160 80,059 83,219
P. 116 WANGSA MAJU 2,774 414 35 3,223 62,950 66,173
P. 117 SEGAMBUT 0 6,025 88 6,113 66,725 72,838
P. 118 SETIAWANGSA 9,706 2,239 44 11,989 48,547 60,536
P. 119 TITIWANGSA 1,786 131 41 1,958 53,062 55,020
P. 120 BUKIT BINTANG 1,982 2,746 18 4,746 51,269 56,015
P. 121 LEMBAH PANTAI 43 2,020 39 2,102 68,034 70,136
P. 122 SEPUTEH 0 125 43 168 84,424 84,592
P. 123 CHERAS 0 404 27 431 71,776 72,207
P. 124 BANDAR TUN RAZAK 4,811 168 38 5,017 83,080 88,097

JUMLAH DALAM NEGERI 23,430 15,214 419 39,063 736,451 775,514

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK

HADIR ( Dikemaskini Sehingga 08 Jun

2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

W.P PUTRAJAYA
P. 125 PUTRAJAYA 0 649 36 685 13,620 14,305 JUMLAH DALAM NEGERI 0 649 36
685 13,620 14,305

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
$
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
2106-bt%20gaj ah-spr-%20Lampi ran%20Stati sti k%20Pemi 1 i h%20Bi asa_Ti
dak%20Hadi r_PAR[l] STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR

( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN

BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

NEGERI SEMBILAN

P. 126 JELEBU 0 1,032 2 1,034 42,260 43,294
P. 127 JEMPOL 0 394 3 397 63,159 63,556
P. 128 SEREMBAN 582 1,274 30 1,886 97,351 99,237
P. 129 KUALA PILAH 0 323 5 328 46,349 46,677
P. 130 RASAH 2,094 683 22 2,799 82,111 84,910
P. 131 REMBAU 824 421 21 1,266 75,298 76,564
P. 132 TELOK KEMANG 7,255 681 7 7,943 60,602 68,545
P. 133 TAMPIN 4,458 295 11 4,764 51,220 55,984

JUMLAH DALAM NEGERI 15,213 5,103 101 20,417 518,350 538,767

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012 STATISTIK

PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR C Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

MELAKA

P. 134 MASJID TANAH 345 91 11 447 44,891 45,338 P. 135 ALOR GAJAH 2 479 5 486 61,821 62,307 P. 136 TANGGA BATU 11,667 72 13 11,752 60,534 72,286 P. 137 BUKIT KATIL 208 830 10 1,048 95,492 96,540 2106-bt%20gajah-spr-%20Lampi ran%20stati sti k%20Pemi 1 i h%20Bi asa_Ti dak%20Hadi r_PAR[l] P. 138 KOTA MELAKA 0 661 21 682 90,627 91,309 P. 139 JASIN 0 391 5 396 63,273 63,669
JUMLAH DALAM NEGERI 12,222 2,524 65 14,811 416,638 431,449

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK

HADIR ( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

JOHOR

P. 140 SEGAMAT 0 352 6 358 45,407 45,765
P. 141 SEKIJANG 0 11 5 16 41,525 41,541
P. 142 LABIS 0 77 4 81 36,885 36,966
P. 143 PAGOH 0 86 1 87 45,513 45,600
P. 144 LEDANG 0 288 12 300 67,559 67,859
P. 145 BAKRI 0 1,262 12 1,274 64,014 65,288
P. 146 MUAR 33 486 4 523 46,737 47,260
P. 147 PARIT SULONG 0 37 3 4055,837 55,877
P. 148 AYER HITAM 0 77 8 85 41,473 41,558
P. 149 SRI GADING 40 45 5 90 43,264 43,354
P. 150 BATU PAHAT 13 534 21 568 85,155 85,723
P. 151 SIMPANG RENGGAM 0 764 0 764 38,268 39,032
P. 152 KLUANG 5,919 395 20 6,334 77,757 84,091

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012
STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR
( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

P. 153 SEMBRONG 0 50 4 54 41,271 41,325
P. 154 MERSING 2,128 330 6 2,464 40,393 42,857
P. 155 TENGGARA 1,352 37 3 1,392 36,524 37,916
P. 156 KOTA TINGGI 0 296 3 299 39,844 40,143
P. 157 PENGERANG 1,061 65 2 1,128 35,688 36,816
P. 158 TEBRAU 0 93 7 100 85,812 85,912
P. 159 PASIR GUDANG 1,174 774 17 1,965 94,910 96,875
P. 160 JOHOR BAHRU 1,609 1,463 28 3,100 92,872 95,972
P. 161 PULAI 0 1,557 30 1,587 96,389 97,976
P. 162 GELANG PATAH 39 853 17 909 101,927 102,836

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
¥

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899
PILIHAN RAYA TENTERA POLIS
LUAR NEGARA

JOHOR

P. 163 KULAI 0 553 18 571 80,045 80,616
P. 164 PONTIAN 0 94 7101 48,320 48,421
P. 165 TANJONG PIAI 0326 7 333 50,456 50,789
JUMLAH DALAM NEGERI 13,368 10,905 250 24,523 1,533,845
1,558,368

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN

TIDAK HADIR ( Dikemaskini Sehingga 08

Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899
PILIHAN RAYA TENTERA POLIS
LUAR NEGARA

W.P LABUAN
P. 166 LABUAN 1,605 240 4 1,849 22,419 24,268
JUMLAH DALAM NEGERI 1,605 240 4 1,849 22,419

24,268

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA DAFTAR PEMILIH TERKINI

SEHINGGA ST 1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN

TIDAK HADIR ( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN
2106-bt%20gajah-spr-%20Lampi ran%20Stati sti k%20Pemilih%20Biasa_Tidak%20Hadi
r_PAR[l] BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

SABAH

P. 167 KUDAT 0 468 0 468 45,216 45,684
P. 168 KOTA MARUDU 0 102 0 102 39,589 39,691
P. 169 KOTA BELUD 69 155 2 226 49,625 49,851
P. 170 TUARAN 0 113 0 113 46,240 46,353
P. 171 SEPANGGAR 1,954 17 7 1,978 48,729 50,707
P. 172 KOTA KINABALU258 805 7 1,070 45,566 46,636
P. 173 PUTATAN 3,563 2 5 3,570 34,323 37,893
P. 174 PENAMPANG 40 1,160 5 1,205 41,186 42,391
P. 175 PAPAR 0 855 5 860 36,688 37,548
P. 176 KIMANIS 0 16 0 16 25,731 25,747
P. 177 BEAUFORT 0 182 0 182 28,989 29,171
P. 178 SIPITANG 0 113 0 113 27,777 27,890
P. 179 RANAU 0 111 0 111 37,315 37,426
P. 180 KENINGAU 0 194 1 195 40,938 41,133
P. 181 TENOM 0 91 0 91 24,230 24,321
P. 182 PENSIANGAN 0 10 0 10 24,469 24,479
P. 183 BELURAN 0 129 0 129 23,544 23,673
P. 184 LIBARAN 641 0 4 645 37,903 38,548
P. 185 BATU SAPI 1,052 1,088 0 2,140 28,155 30,295
P. 186 SANDAKAN 14 307 4 325 35,963 36,288
P. 187 KINABATANGAN 0 96 0 96 24,168 24,264
P. 188 SILAM 0 981 0 981 49,115 50,096

P. 189 SEMPORNA 380 495 0 875 40,196 41,071

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 1/2012

STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR

( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA 2106-bt%20gajah-spr-%20Lampi ran%20stati sti k%20Pemi 1 i h%20Bi asa_Ti dak%20Hadi r_PAR[l] SABAH

P. 190 TAWAU 32 0 2 34 50,645 50,679
P. 191 KALABAKAN 1,541 1,038 0 2,579 42,119 44,698
JUMLAH DALAM NEGERI 9,544 8,528 42 18,114 928,419 946,533

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
¥

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST

1/2012 STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK

HADIR C Dikemaskini Sehingga 08 Jun

2012)

MENGIKUT PARLIMEN BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

SARAWAK

P. 192 MAS GADING 0 137 0 137 25,066 25,203
P. 193 SANTUBONG 61 98 0 159 35,793 35,952
P. 194 PETRA JAYA 4 715 13 732 47,433 48,165
P. 195 BANDAR KUCHING 1,004 884 3 1,891 52,175 54,066
P. 196 STAMPIN 2,799 1,193 23 4,015 78,691 82,706
P. 197 KOTA SAMARAHAN 4,133 130 2 4,265 31,473 35,738
P. 198 MAMBONG 0 576 0 576 40,190 40,766
P. 199SERIAN 0 154 1 155 32,199 32,354
P. 200BATANGSADONG 0 81 0 81 19,142 19,223
P. 201BATANG LUPAR 0 8 0 8 25,796 25,804
P. 202SRI AMAN 762 348 1 1,111 27,698 28,809
P. 203 LUBOK ANTU 0 43 1 44 18,810 18,854
P. 204 BETONG 0 99 0 99 25,392 25,491
P. 205SARATOK 0 110 0 110 26,443 26,553
P. 206TANJONG MANIS 0 8 2 10 18,639 18,649
P. 207 IGAN 0 26 0 26 17,061 17,087
P. 208SARIKEI 0 313 0 313 35,563 35,876
P. 209JULAU 0 57 1 58 21,873 21,931
P. 210 KANOWIT 0 62 1 63 19,040 19,103
P. 211 LANANG 0 649 1 650 55,476 56,126
P. 212 SIBU 2,487 608 3 3,098 60,264 63,362
P. 213 MUKAH 0 130 0 130 25,703 25,833

P. 214 SELANGAU 0 51 0 51 24,000 24,051

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
¥

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
2106-bt%20gajah-spr-%20Lampi ran%20stati sti k%20Pemi1i h%20Biasa_Tidak%20Hadi
r_PAR[1] STATISTIK PEMILIH BIASA DAN TIDAK HADIR

( Dikemaskini Sehingga 08 Jun 2012)

MENGIKUT PARLIMEN

BAHAGIAN
PEMILIH TIDAK HADIR JUMLAH
PEMILIH
TIDAK
HADIR
JUMLAH
BIASA
PEMILIH
JUMLAH
DALAM
DPI
400 - 699 700 - 799 800 - 899 PILIHAN RAYA TENTERA POLIS LUAR NEGARA

SARAWAK

P. 215 KAPIT 115 147 0 262 25,499 25,761 P. 216 HULU RAJANG 0 57 0 57 21,116
21,173 P. 217 BINTULU 0 162 1 163 57,960 58,123 P. 218 SIBUTI 0 11 3 14 27,437
27,451 P. 219 MIRI 698 769 5 1,472 65,146 66,618 P. 220 BARAM 0 52 1 53 28,343
28,396 P. 221 LIMBANG 0 243 4 247 23,480 23,727 P. 222 LAWAS 0 108 1 109 18,130
18,239
JUMLAH DALAM NEGERI 12,063 8,029 67 20,159 1,031,031 1,051,190

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Tarikh Dikeluarkan :15-Jun-12 1
*

bJ6t\I /VNJ % Lj

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [ BATANG SADONG ] |
| TARIKH | 21 JUN 2012 |
| RUJUKAN | 4862 |

SOALAN:

Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri [ Batang Sadong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kementerian ada mempunyai perancangan untuk membesarkan pejabat dan menambah bilangan personel serta membina pondok polis yang lebih sempurna di kawasan Sadong Jaya dan Gedong.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Batang Sadong di atas soalan yang diajukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa mengambil berat berkaitan perancangan pembangunan yang telah diutarakan.

Namun demikian, pada masa ini Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk membesarkan pejabat, menambah bilangan personel serta membina pondok polis baru, di kawasan Sadong Jaya dan Gedong dalam tempoh masa terdekat di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10) memandangkan balai polis sedia ada berada dalam keadaan memuaskan dan kakitangan balai berkenaan mampu melaksanakan tugas-tugas kepolisan dengan sempurna.

Walaubagaimanapun, cadangan pelaksanaan ini akan dipertimbangkan untuk dipohon di dalam Rancangan Malaysia berikutnya.

NO.SOALAN: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH 21 JUN 2012

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pemegang biasiswa JPA yang tidak dapat menunaikan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan sejak JPA diadakan. Berapakah pemegang biasiswa JPA yang telah dibebaskan daripada ikatan kontrak selama ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan pelajar tajaan Kerajaan (JPA) yang ditaja mulai tahun 2000 yang telah menamatkan pengajian dan tidak menunaikan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan adalah seramai 248 orang. Manakala jumlah pelajar yang telah dibebaskan daripada ikatan kontrak adalah seramai 175 orang, selepas selesai membayar ganti rugi.

**SOALAN NO : 66**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B, DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] |
| TARIKH SOALAN | 21 JUN 2012 |

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh manakah kesan kepada alam sekitar akibat penggunaan air tanah yang dikomersialkan secara berleluasa. Sejauh manakah pihak Kementerian mengadakan kawalan dan melesenkan syarikat yang menghasilkan air mineral untuk pasaran yang menggunakan air tanah sebagai sumber air.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama- sama dengan satu soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan penggunaan air tanah yang dikomersialkan iaitu pertanyaan daripada Y.B Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] bertarikh 25 Jun 2012 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

**SOALAN NO : 66**

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan air tanah secara komersil tidak memberi kesan kepada alam sekitar kerana pengambilan air tanah tidak mengganggu pembentukan air tanah semulajadi. Bagi tujuan pengeluaran produk air mineral semulajadi, sumber air perlu didapati dan dipam dari lapisan batuan keras pada kedalaman lebih daripada 30 meter di bawah permukaan bumi. Pada kedalaman tersebut, sumber air diperolehi dari punca air yang wujud dalam rekahan-rekahan batuan keras dalam bumi. Sumber air ini tidak memberi kesan kepada kekuatan lapisan tanah. Sehingga kini, tiada sebarang aduan diterima berhubung kesan negatif kepada alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan peruntukan di bawah subperaturan 360A (2), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, pengambilan atau pengekstrakan air mineral semulajadi dari sumber bawah tanah untuk tujuan perdagangan atau perniagaan hendaklah mendapat kelulusan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Keperluan pelesenan bagi air mineral semulajadi adalah bagi menjamin keselamatan dan kualiti air tanah yang dikomersilkan untuk diminum.

Sehingga Mei 2012, sebanyak 72 lesen air mineral semulajadi telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 lesen air mineral semulajadi telah dibatalkan kerana kegagalan pihak syarikat mematuhi syarat-syarat pemegang lesen yang telah ditetapkan, dan satu (1) lesen dibatalkan atas permohonan pihak syarikat sendiri.

Keperluan-keperluan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan untuk melayakkan pemohon dipertimbangkan untuk kelulusan lesen terdapat di dalam Garis Panduan Permohonan Pelesenan Air Mineral Semulajadi. Pemeriksaan atau siasatan akan dilakukan oleh agensi-agensi yang berkaitan iaitu Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bagi memastikan keperluan-keperluan ini dapat dipenuhi oleh pemohon. Pemeriksaan yang dijalankan adalah melibatkan punca air, saiz pam yang digunakan, lokasi telaga, sistem rawatan air, rekabentuk kilang, peralatan pemprosesan air dan sistem jaminan keselamatan makanan yang dilaksanakan.

Pertimbangan untuk kelulusan lesen akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Air Minuman yang terdiri daripada beberapa agensi yang terlibat iaitu Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Di samping itu, pengawasan berkala dijalankan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bagi memastikan pematuhan syarat-syarat serta peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Tindakan penggantungan atau pembatalan lesen akan diambil oleh Kementerian Kesihatan sekiranya pemegang lesen didapati melanggar mana-mana syarat pemegang lesen.
Kementerian Kesihatan yakin dengan syarat-syarat pelesenan yang dikenakan serta pengawasan berterusan yang dijalankan bersama agensi berkaitan dapat menjamin keselamatan dan kualiti produk air mineral

semulajadi yang dijual di pasaran.

**NO. SOALAN**

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS ____________ **(2012)** ________________________

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI NASHRUDDIN BIN MAT ISA [BACHOK]

TARIKH 21 JUN 2012 [KHAMIS]

SOALAN

Tuan Haji Nashruddin Bin Mat Isa minta PERDANA MENTERI menyatakan menjelaskan justifikasi kepada pembatalan guru KAFA baru-baru ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), tiada aduan daripada guru-guru KAFA tentang pembatalan atau penamatan perkhidmatan mereka. Urusan perlantikan guru-guru KAFA dijalankan oleh agensi pelaksana KAFA negeri berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan KAFA yang dikeluarkan JAKIM. Perlantikan ini adalah secara kontrak untuk tempoh satu tahun dan boleh dilantik semula dengan perakuan daripada

agensi pelaksana di negeri masing-masing.

Manakala urusan perlantikan penyelia KAFA, dilaksanakan sendiri oleh pihak JAKIM. Perlantikan penyelia KAFA adalah secara Kontrak Tahunan. Sehingga tempoh ini tiada pembatalan atau penamatan perkhidmatan terhadap penyelia-penyelia KAFA tersebut. Jumlah Penyelia KAFA yang dilantik oleh JAKIM buat masa ini adalah seramai 268 orang. Penyambungan kontrak penyelia KAFA adalah berdasarkan cadangan daripada negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat seramai 77 orang penyelia yang telah tamat kontrak pada 22 Mac 2012, seramai 8 orang pada 12 April 2012 dan 16 orang pada 17 Mei 2012. Namun demikian, JAKIM telah menyambung perkhidmatan mereka bermula selepas tarikh tamat kontrak sepertimana yang telah dipersetujui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Sekian, terima kasih.

Soalan No.68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.06.2012

Y.B. DATO'NGEH KOO HAM [ BERUAS ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kenapa Kerajaan mengumumkan 5.2 juta keluarga atau 79.5% daripada semua isi keluarga yang pendapatan mereka kurang daripada RM3,000-00 akan dapat Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) tetapi Kerajaan juga umumkan bahawa hanya 60% daripada isi keluarga di negara ini mendapat pendapatan kurang daripada RM3,000-00. Kepada siapakah lebihan 19.5% daripada peruntukan BR1M diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3.000 dan ke bawah. Pelaksanaan program BR1M berjalan lancar

dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka.Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran. Manakala pengagihan baucar BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012 sehingga 15 Mei 2012. Walaubagaimanapun, tempoh sah laku baucar BR1M telah dilanjutkan sehingga 31 Julai 2012 memandangkan masih terdapat sebilangan kecil penerima yang masih belum lagi menerima baucar.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 5.0 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.3 juta atau hampir 86.4% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan dan juga kelulusan kategori khas yang merangkumi penerima bantuan E-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 682 ribu atau 13.6% daripada keseluruhan pemohonan.Program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.3 juta isirumah atau 66% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, definisi isi rumah bagi BR1M adalah berbeza berbanding dengan definisi isi rumah oleh

Jabatan Perangkaan Malaysia. Ini adalah untuk memastikan lebih ramai keluarga yang dapat menerima bantuan BR1M. Bagi tujuan BR1M, definisi ketua isi rumah adalah seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga. Ini merangkumi individu yang sudah berkahwin termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa, ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan, bujang yang mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara.Oleh yang demikian, semasa merangka program BR1M, adalah dianggarkan sebanyak 5.2 juta isi rumah atau 79.5% keluarga layak memohon BR1M.

5. Bagi negeri Sabah, sebanyak 477,200 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 408,927 atau 85.7%permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM204,463,500. Manakala, bagi negeri Sarawak, permohonan yang diterima adalah sebanyak 561,743 di mana 82.5% atau 463,237 permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM231,618,500. Secara keseluruhan jumlah kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Negeri | JumlahKelulusan | Peratus Lulus Keseluruhan |
|---|---|---|
| Selangor | 530,977 | 12.71% |
| Johor | 466,367 | 11.17% |
| Sarawak | 463,237 | 11.09% |
| Perak | 429,231 | 10.28% |
| Sabah | 408,927 | 9.79% |
| Kedah | 363,139 | 8.69% |
| Kelantan | 303,579 | 7.27% |
| Pulau Pinang | 244,846 | 5.86% |

| | | |
|---|---|---|
| Pahang | 229,660 | 5.50% |
| Terengganu | 199,918 | 4.79% |
| N.Sembilan | 168,700 | 4.04% |
| Kuala Lumpur | 166,362 | 3.98% |
| Melaka | 134,904 | 3.23% |
| Perlis | 50,132 | 1.20% |
| Labuan | 11,608 | 0.28% |
| Putrajaya | 4,835 | 0.12% |
| Jumlah | 4,176,422 | 100.00% |

Untuk makluman, jumlah tersebut tidak termasuk jumlah kelulusan bagi kategori orang asli dan penerima bantuan JKM yang berjumlah sebanyak 159,810 penerima.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**Soalan No : 69**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]**

**TARIKH** **21 JUN 2012**

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan SJKC, bilangan murid dan bilangan guru yang layak mengajar dengan Bahasa Cina sebagai bahasa penghantar di setiap negeri. Adakah negara menghadapi kekurangan guru yang layak mengajar dengan Bahasa Cina sebagai bahasa penghantar

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) seluruh negara pada masa ini adalah sebanyak 1,294 buah dengan jumlah murid seramai **601,861** orang. Manakala, jumlah guru yang layak (opsyen bahasa Cina) dan mengajar bahasa Cina di SJKC adalah seramai **25,650** orang. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru opsyen bahasa Cina tidak semata-mata mengajar mata pelajaran bahasa Cina, sebaliknya guru berkenaan juga mengajar mata pelajaran lain. Di samping itu, seramai **16,852** orang guru mengajar Bahasa Cina di SJKC bukan beropsyen bahasa Cina.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil perhatian yang serius dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih di SJKC dan SJKT. Justeru, Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC dan SJKT yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran 1 dan 2 secara berasingan. Jawatankuasa Khas ini juga turut dianggotai oleh wakil-wakil Persatuan dan Pertubuhan bagi Masyarakat Cina dan Tamil serta Kesatuan Guru bagi membincangkan isu secara terperinci untuk mengenalpasti pendekatan yang terbaik mengatasi masalah tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | DATO' HAJI MUHFUZ BIN OMAR |
| TARIKH | 21 JUN 2012 (KHAMIS) |
| SOALAN | NO. 70 |

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan konsesi pembangunan UiTM secara *Private Finance Initiative* (PFI) yang telah dianugerahkan dan menyatakan nama-nama syarikat tersebut serta status projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dilaksanakan mengikut fasa. Fasa Pertama merangkumi pembangunan UiTM Pasir Gudang, Johor; UiTM Jasin, Melaka; UiTM Seremban, Negeri Sembilan; UiTM Kota Samarahan, Sarawak; UiTM Tapah, Perak; dan UiTM Puncak Alam, Selangor. Manakala, Fasa Kedua pula meliputi UiTM Dengkil, Selangor; UiTM Raub, Pahang; UiTM Mukah, Sarawak; UiTM Rembau, Negeri Sembilan; Kompleks Alam Bina & Seni Reka UiTM Puncak Alam, Selangor; dan Institut Latihan UiTM Nilai, Negeri Sembilan.

Setakat ini, kesemua enam (6) projek pembangunan UiTM secara PFI bagi Fasa Pertama masih dalam pembinaan.

**SOALAN NO.71**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH 21 JUN 2012

SOALAN:

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah ada beberapa kem tentera dan Pusat Penempatan Pengundi Pos letak kedudukannya di dalam satu kawasan Parlimen akan tetapi dimasukkan sebagai pemilih di kawasan Parlimen yang berlainan. Contoh Pusat Tahanan Bukit Jalil.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

**SOALAN NO.71**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan undang-undang sedia ada menetapkan anggota tentera dan polis mendaftar sebagai pemilih berdasarkan alamat tempat bertugas mereka. Sehubungan dengan itu, bagi maksud menentukan kawasan pendaftaran bagi anggota tentera dan polis yang mendaftar sebagai pemilih, SPR mewujudkan lokaliti bagi kem tentera atau polis dalam mana-mana bahagian pilihan raya parlimen dan negeri adalah berdasarkan kedudukan sebenar kem tentera atau polis di lapangan.

SPR akan memproses dan menentukan kawasan pendaftaran seseorang anggota tentera dan polis yang mendaftar sebagai pemilih berdasarkan kepada alamat tempat bertugas yang diisi dalam Borang Pendaftaran Pemilih (Borang A). Oleh yang demikian, tiada pemilih yang akan diletakkan dalam kawasan pendaftaran yang berbeza melainkan berdasarkan kepada alamat tempat bertugas yang diisi dalam Borang A tersebut.

Merujuk kepada contoh yang diberikan iaitu Pusat Tahanan Sementara Bukit Jalil yang mempunyai seramai 421 orang anggota

polis diletakkan dalam Daerah Mengundi Kampung Bohol dalam Parlimen P. 121 Lembah Pantai adalah berdasarkan kepada kedudukannya di lapangan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No :72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN<br>[SELAYANG ] |
| TARIKH | 21 JUN 2012 |

SOALAN:

Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan:-

(a) kenapa Kementerian tidak dapat kekurangan guru-guru Bahasa Mandarin terlatih untuk sekolah-sekolah Bahasa Cina; dan

(b) sama ada Kerajaan akan membenarkan sekolah-sekolah Bahasa Inggeris, jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil perhatian yang serius dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih di SJKC dan SJKT. Justeru, Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC dan SJKT yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran 1 dan 2 secara berasingan. Jawatankuasa Khas ini juga turut dianggotai oleh wakil-wakil Persatuan dan Pertubuhan bagi Masyarakat Cina dan Tamil serta Kesatuan Guru bagi membincangkan

isu secara terperinci untuk mengenalpasti pendekatan yang terbaik mengatasi masalah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kelancaran proses P&P, KPM telah mengambil beberapa langkah iaitu :

i. Memastikan guru-guru mempunyai kelayakan Dwibahasa termasuk Bahasa Cina atau Tamil untuk mengajar matapelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris di Tahap 1.
ii. Memastikan Guru Kelas Pemulihan mempunyai kelayakan dwibahasa.
iii. Menawarkan kepada guru-guru bekas SJKC yang berkhidmat di Sekolah Menengah untuk kembali mengajar di SJKC semula berdasarkan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan.
iv. Menggerakkan guru-guru Kelas Pemulihan yang tidak mempunyai kelayakan dwibahasa mengikut kesesuaian.
v. Menempatkan 98 graduan Pendidikan IPTA yang mempunyai kepujian Bahasa Cina ke SJKC dan 18 yang mempunyai kepujian Bahasa Tamil ke SJKT pada 23 Mei 2012.
vi. KPM juga sedang mengadakan program latihan perguruan khas bagi memenuhi keperluan di SJKC yang telah pun bermula sejak tahun 2010 dan dijangka masalah kekosongan guru tersebut dapat diatasi secara berperingkat-peringkat apabila calon-calon menamatkan pengajian mulai tahun 2013-2017.

Bagi mengisi sementara kekosongan guru di SJKC dan SJKT, KPM telah melantik Guru Interim sementara menunggu bekalan guru tetap dan perkhidmatan mereka ini adalah sehingga 31 Disember 2012.

Buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk mewujudkan sekolah beraliran Bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana berlandaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan,

bahasa pengantar di semua institusi pendidikan adalah bahasa kebangsaan kecuali di SJKC dan SJKT. Namun, bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan **salah satu mata pelajaran teras yang diajar di sekolah dan wajib dipelajari oleh semua murid.**

No. Soalan : 73
PR-1252-
L49787

PEMBERITAHUAN BAGI PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | TUAN KARPAL SINGH[ BUKIT GELUGOR] |
| TARIKH | 21 JUN 2012 |
| SOALAN | Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bilangan bukan Melayu di kalangan Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar Malaysia dan jumlah Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar Malaysia. |

I

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga 31 Mei 2012, jumlah keseluruhan Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Malaysia adalah seramai 68 orang, termasuk 5 orang pegawai lantikan politik. Daripada jumlah tersebut, seramai 15 orang (22.1%) adalah penjawat awam bukan Melayu.

3. Daripada 15 orang Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar bukan Melayu tersebut, seramai 7 orang (46.6%) berbangsa Cina, 5 orang (33.3%) berbangsa India, seorang (6.7%) Bumiputera Sarawak dan 2 orang (13.3%) daripada Iain-lain bangsa.

Sekian, terima kasih.

l'J0 ■ J b A L-^Y'TO' . .

NGr-AUM-t-8€—

NCUAUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN : | DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ] |
| DARIPADA | 21 JUN 2012 |
| TARIKH | 4866 |
| RUJUKAN LISAN | |

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah garis panduan penerbitan dan penjualan bahan lucah dan pornografi serta berapakah dakwaan yang telah berjaya dibuat oleh pihak Kementerian terhadap kesalahan kategori ini dalam tempoh 10 tahun terakhir dan nyatakan siapakah pihak-pihak yang pernah didakwa dan diambil tindakan undang-undang bersabit kesalahan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Raja yang mengemukakan soalan.

Kementerian Dalam Negeri menyediakan garis panduan penerbitan bagi memastikan penerbit mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Garispanduan Penerbitan ini menjadi panduan kepada penerbit menentukan perkara-perkara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam sesuatu penerbitan. Salah satu elemen dalam garispanduan penerbitan ialah mana-mana penerbitan yang mengandungi apa-apa jua perkara yang mengikut rupa, bentuk dan perlakuan atau dengan apa-apa cara yang boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea yang lucah, mengghairahkan atau selainnya yang bertentangan dengan kesopanan awam, nilai-nilai murni, tata susila masyarakat dan pegangan agama atau boleh memudaratkan kemoralan.

Sekiranya penerbit telah menyiarkan apa-apa jua bentuk

penerbitan sebagaimana di atas, tindakan mengenakan Perintah Larangan boleh diambil dibawah seksyen 7, subseksyen (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Selain itu, tindakan dibawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan boleh diambil terhadap kesalahan menjual dan mengedar bahan-bahan lucah kepada orang awam.

Sepanjang tahun 2009 hingga 2012 (Januari-April) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis DiRaja Malaysia telah berjaya membuat 957 tangkapan melibatkan kesalahan (penerbitan lucah) di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan. 346 tangkapan adalah bagi tahun 2009, diikuti 223 tangkapan bagi tahun 2010, 207 tangkapan bagi tahun 2011 dan bakinya 181 tangkapan bagi tempoh Januari hingga April 2012. Sejumlah 558,594 keping VCD dan DVD lucah telah dirampas bagi tahun 2009 hinga 2012 (Januari-April).

Pihak-pihak yang didakwa dan diambil tindakan undang-undang adalah terdiri daripada kalangan individu dan kumpulan di premis perniagaan, penjaja bergerak, penjaja pasar malam dan penjaja di

kaunter perniagaan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**<br><br>**(SEPANGGAR)** |
| **TARIKH** | **21.6.2012 (KHAMIS)** |
| **SOALAN** | 7tr |

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan perkembangan pembinaan dan baik pulih jalan Jalan Kebagu (Karambunai), Jalan Kawakaan-Tindai dan Jalan Tampulan-Kiulu (Inanam) serta jumlah nilai bagi setiap projek ini dan jangka masa pelaksanaan untuk menyiapkannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, sehingga kini Kementerian belum menerima sebarang permohonan daripada pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah berhubung cadangan pembinaan dan baik pulih jalan Jalan Kebagu (Karambunai), Jalan Kawakaan-Tindai dan Jalan Tampulan-Kiulu (Inanam)

Namun begitu, Kementerian telah menyenaraikan projek tersebut dibawah RMKe-10 *(Rolling Plan III)* dan pelaksanaannya dijangka pada tahun 2013 hingga 2015.

NO. SOALAN : 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARIPADA** **TUAN LIEW CHIN TONG**

**[BUKIT BENDERA]**

**TARIKH** **21 JUN 2012**

**SOALAN**

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai peruntukan dan projek-projek dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe- 10) untuk Negeri Pulau Pinang, terutamanya dalam pusingan pertama iaitu tempoh 2011-2012.

**JAWAPAN**

Dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10) 2011 - 2012, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan siling sebanyak RM2.132 billion untuk melaksanakan 265 program/projek pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| Pertanyaan | PERTANYAAN LISAN |
| Daripada Tarikh | Dato' Rashid bin Din [ Merbok ] |
| Menjawab | 21 Jun 2012 [Khamis] |
| Soalan | No. 77 |

PR-1252-L49937

Dato' Rashid bin Din [ Merbok ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan dapatkah Kementerian campur tangan atau menggubal Rang Undang-undang Negeri-Negeri memaksimumkan pendapatan hasil balak seperti mana yang dilaksanakan oleh negeri Kedah Darul Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kuasa- kuasa Persekutuan dan Negeri seperti yang termaktub di bawah Lembaga Persekutuan menyatakan bahawa:

a. Hasil balak terletak di bawah kuasa negeri dan berada dalam kawalan Jabatan Perhutanan Negeri masing-masing; dan

b. Sebarang penyelarasan yang melibatkan pengurusan hutan, kaedah perhubungan antara Kementerian dan Negeri adalah melalui:

   i. Majlis Tanah Negara (MTN);

   ii. Majlis Perhutanan Negara (MPN);

   iii. Mesyuarat Menteri-Menteri Besar; dan

   iv. Mesyuarat Bilateral Kerajaan Negeri dan Kementerian

Selaras dengan semangat Persekutuan tersebut, isu campur tangan tidak timbul kerana Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbincangan yang melibatkan pengurusan serta pembangunan perhutanan. Perbincangan menerusi forum sedia-ada adalah memadai serta telah terbukti berkesan dalam perlaksanaan pengurusan serta pembangunan perhutanan Negara.

**SOALAN NO: 78**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| DARIPADA | | YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] |
| TARIKH | | 21 JUN 2012 |
| SOALAN | | |

DR. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan doktor semua gred di sektor-sektor awam dan swasta serta bilangan pelajar perubatan di dalam dan luar negara. apakah masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor pelatih (housemen).

Tuan Yang di-Pertua

Bagi tahun 2010 terdapat seramai 32,979 doktor, di mana 22,429 orang adalah dari sektor awam dan 10,550 orang pula dari sektor swasta yang menjadikan nisbah doktor kepada penduduk pada tahun 2010 ialah 1:859. Bilangan graduan perubatan yang diambil bertugas oleh Kerajaan sebagai Pegawai Perubatan Siswazah pada tahun 2010 dan 2011 pula ialah masing-masing 3,252 dan 3,564 orang.

Pada masa ini, bilangan tenaga pakar sebenar tidak diketahui kerana pendaftaran pakar tidak diwajibkan menurut undang-undang. Berdasarkan pendaftaran pakar dengan Akademi Perubatan Malaysia dan KKM, sehingga hujung Mei 2012, hanya 4,546 pakar telah

mendaftar dan dari jumlah tersebut, seramai 2,246 berkhidmat di sektor awam dan 2,300 orang lagi di sektor swasta dan dianggarkan 4 hingga 5 ribu orang pakar lagi belum mendaftar.

Mengenai bilangan pelajar perubatan di dalam dan luar negara, KKM tidak mempunyai statistik berkenaan. Bilangan pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di dalam dan luar negara adalah di bawah pemantauan Kementerian Pengajian Tinggi.

KKM prihatin akan keperluan latihan bagi membantu doktor pelatih atau Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi bagi membolehkan mereka menjadi pengamal perubatan yang kompeten dan selamat. PPS dibimbing dan dilatih di 42 buah hospital latihan siswazah seluruh negara.

Sejak tahun 2008, tempoh latihan PPS telah dipanjangkan dari hanya satu tahun kepada 2 tahun, bagi menjalani latihan dalam 6 bidang iaitu bidang Perubatan Dalaman, Pediatrik, Pembedahan Am, Ortopedik, Obstetrik & Ginekologi dan sama ada bidang Perubatan Kecemasan atau Anestesiologi. Setiap posting adalah selama 4 bulan, dan PPS yang masih tidak kompeten akan dilanjutkan selama 3 bulan lagi dengan tempoh maksima bagi sesuatu posting adalah satu tahun.

Secara amnya, 95% PPS dapat melengkapkan latihan siswazah dalam tempoh yang ditetapkan. Antara masalah yang dihadapi oleh PPS disebabkan graduan yang berasal dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari dalam dan luar negara dengan persekitaran pembelajaran, budaya, sistem kurikulum pendidikan dan jenis pesakit yang berbeza. Terdapat juga PPS yang kurang bermotivasi untuk meningkatkan kompetensi diri dan mengalami kejutan akibat tugas doktor yang diperlukan bertugas di luar waktu bekerja biasa. Terdapat juga PPS yang tidak berpuashati dengan penempatan yang diberikan dan memohon untuk ditukarkan ke sekitar Lembah Klang sahaja atau berdekatan dengan keluarga. Sebilangan kecil pula, mempunyai masalah kesihatan yang turut menjejaskan prestasi mereka untuk berkhidmat dengan selesa.

Susulan itu KKM sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa PPS dapat dibimbing, dibantu dan diberikan pendedahan klinikal serta tunjuk ajar mengenai prosedur klinikal yang tertentu dan dinilai oleh pakar-pakar perubatan dan juga pegawai perubatan yang berpengalaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD |
| TARIKH | 21 JUN 2012 |

**NO SOALAN : 79**

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa peneroka FELDA diminta menandatangani perjanjian pinjaman Bank untuk membeli saham- saham yang akan dikeluarkan FGVH.

<u>JAWAPAN</u> DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peneroka FELDA diminta menandatangani perjanjian tersebut kerana cadangan penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGV) melibatkan penerima saham (borang merah jambu dan borang biru) yang amat ramai, jauh melebihi bilangan yang dikendalikan di dalam dana tawaran awam permulaan (IPO).

Kesemua permohonan perlu diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di mana sebarang kelewatan akan menyebabkan proses penyenaraian FGV akan tertangguh. Di samping itu, pihak pengurusan FGV telah berusaha untuk mendapatkan satu skim pembiayaan yang berpatutan dengan kerjasama panel bank-bank yang dilantik, untuk peneroka dan petugas kumpulan FELDA yang layak serta berhasrat untuk menerima saham.

Tambahan lagi, sekiranya penerima saham FGV memerlukan pembiayaan hanya selepas mendapat tawaran, tempoh langganan yang terhad boleh menyebabkan penerima saham FGV terlepas peluang untuk turut serta di dalam penyenaraian itu nanti. Sesi penerangan oleh setiap wakil bank yang dilantik juga telah dijalankan di setiap pejabat rancangan FELDA mulai dari 24 April 2012 berkenaan proses langganan saham FGV, keperluan, kelebihan, risiko serta terma-terma pembiayaan kewangan.

oooooooooooooooocx)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **:Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI)**

**PERTANYAAN** **: LISAN**

**TARIKH** **: 21.06.2012**

**Y.B. TUAN ERTECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang luar negara sehingga 30 Mac 2012 mengikut negara yang memberi pinjaman dan purata pembayaran semula setiap tahun. Adakah pembayaran semula ini menggunakan tunai atau menggunakan tukaran eksport barangan sebagai cara pembayaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang serentak dengan soalan Ahli Yang Berhormat Bakri kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM479.6 bilion atau 52.3 peratus berbanding anggran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM461.8 bilion atau 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM17.8 bilion atau 3.7 peratus merupakan hutang luar negeri.

3. Mengenai sumber hutang, pinjaman dalam negeri diperolehi melalui terbitan Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), pinjaman Kumpulan Pinjaman Perumahan dan terbitan Sukuk Tempatan iaitu Sukuk IMalaysia. Pemegang instrumen berkenaan terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial seperti KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

4. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan pula diperoleh daripada sumber pasaran modal antarabangsa melalui terbitan sukuk global dan pengeluaran pinjaman projek dari institusi multilateral seperti Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam dan pinjaman bilateral dalam mata wang asing iaitu Dolar Amerika Syarikat, Yen, Dolar Euro, Dolar Kanada serta Dinar. Sebahagian besar pinjaman multilateral dan bilateral diperolehi pada tahun 70an dan 80an bagi membiayai projek-projek pembangunan.

5. Pembayaran balik hutang di buat secara tunai dan bayaran dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Jumlah bayaran balik pokok pinjaman dalam

tempoh 5 tahun lalu adalah seperti berikut:

| **Tahun** | **2007** | **2008** | **2009** | **2010** | **2011** |
|---|---|---|---|---|---|
| **Jumlah (RM bilion)**<br>Dalam Negeri<br>Luar Negeri | **38.6**<br>33.8<br>4.8 | **34.7**<br>33.8 0.9 | **51.1**<br>44.3<br>6.7 | **31.9**<br>31.1<br>0.8 | **65.5**<br>59.6<br>5.9 |

**SOALAN NO: 81**

**<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH: 21 JUN 2012

SOALAN:

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran** ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hasil yang dicapai daripada Program Karnival Pekerjaan yang dilaksanakan saban tahun dan berapa jumlah penempatan pekerjaan telah berjaya disediakan.

PR-1252-L50902

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mula melaksanakan Program Karnival Pekerjaan sejak tahun 2004 lagi. Tujuan utama program ini adalah untuk membantu pencari kerja mendapat pekerjaan dan membantu majikan mendapat pekerja. Program ini merupakan salah satu daripada 10 Program Penempatan Pekerjaan (3P) di bawah Jabatan Tenaga

Kerja (JTK).

2. Program ini merupakan *plaftform* yang menghubungkan secara langsung majikan yang menawarkan pekerjaan dengan pencari kerja

dari pelbagai golongan. Program ini dilaksanakan berdasarkan kaedah *one stop centre* di mana para pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat kerjaya dan kekosongan jawatan, menghadiri temuduga terbuka *(walk in interview),* klinik kerjaya (kaunseling), khidmat nasihat perburuhan dan pendaftaran pencari kerja melalui portal JobsMalaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi tahun 2010,Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah merekodkan pencapaian keseluruhan penempatan pekerjaan seramai 110,239 orang dan dari jumlah ini seramai 20,225 orang ditempatkan melalui 178 Program Karnival Pekerjaan yang dilaksanakan.

4. Bagi tahun 2011 pula, sebanyak 106 Program Karnival Pekerjaan telah diadakan dan telah berjaya menempatkan seramai 38,218 orang pencari kerja. Pencapaian keseluruhan penempatan pekerjaan pada tahun 2011 ini adalah seramai 202,185 orang dan angka ini melebihi sasaran 120,000 penempatan pekerjaan. Program Karnival Pekerjaan ini penyumbang kedua terbesar kepada penempatan pekerjaan.

5. Manakala bagi tahun 2012, Kementerian merancang 102 Program Karnival Pekerjaan diadakan dengan sasaran penempatan 25,000 daripada sasaran keseluruhan 140,000 penempatan yang disasarkan. Setakat 31 Mei 2012, seramai 9,405 orang berjaya

ditempatkan pekerjaan daripada keseluruhan 62,685 penempatan pekerjaan melalui 36 Program Karnival Pekerjaan yang telah diadakan.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Bagi Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak), untuk tahun 2011 sebanyak 26 program telah diadakan dan telah berjaya menempatkan seramai 2,655 orang pencari kerja ke alam pekerjaan. Untuk tahun 2012, JTK Sarawak merancang 17 Program Karnival Pekerjaan diadakan dengan sasaran penempatan 3,000 orang daripada sasaran keseluruhan 8,000 orang. Setakat 31 Mei 2012 seramai 2,706 orang berjaya ditempatkan ke alam pekerjaan daripada keseluruhan 4,067 penempatan pekerjaan melalui 5 Program Karnival Pekerjaan yang telah diadakan.

7. Bagi Jabatan Tenaga Kerja Sabah pula, untuk tahun 2011 sebanyak 16 program telah diadakan dan telah berjaya menempatkan seramai 1,581 orang pencari kerja ke alam pekerjaan. Untuk tahun 2012, JTK Sabah merancang 11 Program Karnival Pekerjaan diadakan dengan sasaran penempatan 1,200 daripada sasaran keseluruhan 6,600. Setakat 31 Mei 2012 seramai 442 orang berjaya ditempatkan ke alam pekerjaan daripada keseluruhan 1440 penempatan pekerjaan melalui 5 Program Karnival Pekerjaan yang telah diadakan.

8. Sebagai rumusan, Program Karnival Pekerjaan ini telah

berjaya menempatkan seramai 42,454 pencari kerja ke alam pekerjaan pada tahun 2011 dan sehingga Mei 2012, seramai 12,553 pencari kerja telah berjaya ditempatkan ke alam pekerjaan. Jumlah keseluruhan pencari kerja untuk 2 tahun ini adalah seramai 55,007. Maklumat lengkap seperti berikut:

**Jadual 1 : Bilangan Penempatan Pekerjaan melalui Program Karnival Pekerjaan**

| **Pejabat 2011** | | **2012 (Sehingga Mei 2012)** | **jumlah** |
|---|---|---|---|
| **JTK SM** | Bil Program 106 | [illegible] | >VI42Fv |
| | Penempatan 38,218 | 9,405 | 47,623 |
| **JTK Sarawak** | Bil Program 17 | - 5 | 22 |
| | Penempatan 2,655 | 2,706 | 5,361 |
| **JTK Sabah** | Bil Progran 16 | i *5 | 21 |
| | Penempatan 1,581 | 442 | 2,023 |
| **Jumlah Keseluruhan** | Bilangan 3g Penempatan | 46 | **185** |
| | Penempatan 42,454 | 12,553 | **55,007** |

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BAHRU]**

**TARIKH** **21 JUN 2012**

**SOALAN** **Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:**

**SOALAN 83**

Bentuk kerjasama yang ada di antara Kementerian dengan Yang Berhormat Exco Pelancongan Negeri-Negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Bharu, Kementerian Pelancongan sememangnya sentiasa bekerjasama dengan Exco-Exco Pelancongan Negeri bagi meningkatkan lagi industri pelancongan di negeri-negeri.

Salah satu medium kerjasama tersebut adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan (JKPP) yang melibatkan Exco-Exco Pelancongan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri bagi membincangkan isu-isu terkini berkaitan pembangunan pelancongan di Malaysia. Pada tahun 2012, Mesyuarat JKPP Bilangan 1/2012 telah diadakan pada 12 April 2012 di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya (PICC).

Selain itu, Kementerian ini juga turut mengadakan kerjasama dengan Exco-Exco Negeri bagi program, acara atau persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan di negeri-negeri tersebut.

**SOALAN NO: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

TARIKH: 21 JUN 2012

SOALAN:

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang** ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah gaji minima yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk Sabah dan Sarawak bernilai RM800 lebih rendah dari Semenanjung RM900, sedangkan kos sara hidup di Sabah dan Sarawak lebih tinggi.

PR-1252-L49829

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Majlis Perundingan Gaji Negara telah mengambilkira beberapa kriteria dalam menetapkan gaji minimum pada tahap RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan untuk Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Kriteria-kriteria yang telah digunakan ialah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), keupayaan majikan untuk membayar upah *(median wage),*

peningkatan produktiviti buruh, indeks harga pengguna dan kadar pengangguran.

2. Kerajaan sedar bahawa kos sara hidup di Sabah dan Sarawak lebih tinggi daripada Semenanjung Malaysia, walau bagaimanpun gaji minimum tidak boleh ditetapkan pada kadar RM900 bagi Sabah dan Sarawak memandangkan gaji penengah *(median wage)* di negeri-negeri berkenaan pada masa ini adalah rendah iaitu RM577 bagi Sabah dan RM738 bagi Sarawak. Sekiranya gaji minimum ditetapkan pada kadar RM900, kemungkinan majikan di Sabah dan Sarawak akan menghadapi kesukaran untuk beroperasi dan berkemungkinan terpaksa mengurangkan jumlah pekerja. Jika situasi ini berlaku ia akan merugikan pekerja kerana mereka kehilangan pekerjaan dan ini akan menimbulkan masalah pengangguran. Justeru, penetapan gaji minimum RM800 bagi Sabah dan Sarawak untuk permulaan ini adalah berasaskan fakta dan statistik supaya ia tidak menjejaskan struktur guna tenaga dan ekonomi. Walau bagaimanapun, untuk jangka masa panjang Kerajaan berharap supaya kadar gaji minimum dapat diselaraskan kepada satu kadar untuk seluruh Negara sebagaimana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 April 2012.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG [ SIBU ]

**SOALAN NO.: 84**

TARIKH : 21 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Wong Ho Leng [ SIBU ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kualiti udara di Bintulu berbanding dengan Sibu, Kuching, Miri dan Limbang. Jika kualiti udara di Bintulu adalah lebih teruk, mengapa dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi msalah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, status kualiti udara pada tahun 2011 dan pada tahun ini (Uanuari hingga 30 Mei) di Bintulu menunjukkan sedikit kemerosotan berbanding dengan Sibu, Kuching, Miri dan Limbang dalam tempoh yang sama.

Berdasarkan rondaan darat untuk mengesan punca (ground truthing) kemerosotan kualiti udara di Bintulu yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), didapati kemerosotan ini berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka yang sering berlaku di sekitar kawasan berhampiran dengan lokasi stesen pengawasan kualiti udara JAS di Bintulu.

Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama

pihak Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) telah mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas aktiviti pembakaran terbuka di sekitar kawasan Bintulu.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 85

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ] |
| TARIKH | 21 JUN 2012 |

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan:-

(a) apakah kriteria yang diguna pakai oleh Kementerian dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan mulai 2012 bagi memastikan pelajar mempunyai kemahiran yang sepatutnya; dan

(b) adakah Kementerian boleh memberi jaminan yang para pelajar ditaksir pada peringkat sekolah melalui penaksiran yang benar-benar objektif bukannya sekadar memberi gambaran indah khabar dari rupa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Dalam usaha penambahbaikan kepada pentaksiran sekolah sedia ada, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah diperkenalkan. PBS tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melapor prestasi murid dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan *"(growth)"* murid dalam pembelajaran dengan merujuk kepada Dokumen Standard Prestasi.

Penilaian dijalankan secara berterusan semasa pengajaran dan pembelajaran oleh guru kelas bagi mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum

b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga menjalankan proses penjaminan kualiti yang meliputi aktiviti pementoran, pemantauan, pengesanan dan penyelarasan bagi memastikan murid-murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Melalui PBS sekolah boleh memberi maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid itu. PBS mampu membantu guru mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

**SOALAN NO: 86**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong** ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang perkembangan terkini sejak penubuhan pada bulan April 2011 Konsortium Rangkaian Serantau Sdn. Bhd. yang membabitkan pelesen SKMM dalam projek NKEA di bawah Sektor Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur (CCI) yang bertujuan untuk menurunkan bayaran melanggan jalur lebar kepada pengguna.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Konsortium Rangkaian Serantau Sdn. Bhd. adalah sebuah konsortium yang terdiri daripada 24 syarikat telekomunikasi dengan objektif mengurangkan kos pukal kapasiti lebar jalur antarabangsa dan domestik bagi mengurangkan harga jalur lebar.

**SOALAN NO: 86**

Sejak penubuhannya, Konsortium tersebut telah mengkaji dua halatuju untuk menurunkan kos sambungan jalur lebar antarabangsa iaitu pembelian secara pukal dan pelaburan dalam kabel dasar laut serantau ke Amerika Syarikat. Pada masa ini, pembelian secara pukal telah pun dilaksanakan.

Kajian fisibiliti untuk pembinaan kabel telah selesai dan Konsortium akan mengeluarkan tender pelawaan cadangan antarabangsa *(International Request for Tender)* untuk mendapatkan kos terperinci supaya ahli Konsortium boleh membuat keputusan pelaburan sebelum akhir tahun ini.

Sehingga kini, usaha pembelian secara pukal telah membantu industri secara keseluruhan dengan penurunan harga pukal jalur lebar sebanyak 7.1%. Keadaan ini akan membolehkan pihak penyedia lebar jalur untuk memberikan perkhidmatan dan pakej yang mempunyai lebih nilai tambah kepada pengguna.

NO SOALAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **Y.B. DATO[1] SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH)**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** **21.06.2012**

**Y.B. DATO[1] SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR GAJAH** ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah subsidi yang diberikan kepada minyak petrol RON 95 dan RON 97 serta jumlah pengguna dalam negara bagi kedua-dua minyak tersebut secara berasingan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah subsidi yang diberi ke atas petrol RON95 bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM9.4 bilion dan jumlah penggunaannya adalah sebanyak 12.95 bilion liter.

Bagi petrol RON97 pula, memandangkan ia adalah produk premium di mana harganya telah diapungkan secara terkawal *(managed float)* sejak 16 Julai 2010, maka tiada subsidi yang diberikan lagi. Jumlah penggunaan petrol RON97 bagi tahun 2011 adalah sebanyak 998 juta liter.

Soalan No : 8£

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]

TARIKH 21 JUN 2012

SOALAN:
Y.B. Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah sebab-sebab Kementerian masih gagal melatih secukupnya tenaga pengajar untuk SRJK (C) dan SRJK (T).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil perhatian yang serius dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih di SJKC dan SJKT. Justeru, Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC dan SJKT yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran 1 dan 2 secara berasingan. Jawatankuasa Khas ini juga turut dianggotai oleh wakil-wakil Persatuan dan Pertubuhan bagi Masyarakat Cina dan Tamil serta Kesatuan Guru bagi membincangkan isu secara terperinci untuk mengenalpasti pendekatan yang terbaik mengatasi masalah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran, KPM telah mengambil beberapa langkah iaitu :

i. Memastikan guru-guru mempunyai kelayakan Dwibahasa termasuk Bahasa Cina atau Tamil untuk mengajar matapelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris di Tahap 1.
ii. Memastikan Guru Kelas Pemulihan mempunyai kelayakan dwibahasa.

iii. Menawarkan kepada guru-guru bekas SJKC yang berkhidmat di Sekolah Menengah untuk kembali mengajar di SJKC semula berdasarkan syarat- syarat tertentu yang ditetapkan.

iv. Menggerakkan guru-guru Kelas Pemulihan yang tidak mempunyai kelayakan dwibahasa mengikut kesesuaian.

v. Menempatkan 98 graduan Pendidikan IPTA yang mempunyai kepujian Bahasa Cina ke SJKC dan 18 yang mempunyai kepujian Bahasa Tamil ke SJKT pada 23 Mei 2012.

vi. KPM juga sedang mengadakan program latihan perguruan khas bagi memenuhi keperluan di SJKC yang telah pun bermula sejak tahun 2010 dan dijangka masalah kekosongan guru tersebut dapat diatasi secara berperingkat-peringkat apabila calon-calon menamatkan pengajian mulai tahun 2013-2017.

Bagi mengisi sementara kekosongan guru di SJKC dan SJKT, KPM telah melantik Guru Interim sementara menunggu bekalan guru tetap dan perkhidmatan mereka ini adalah sehingga 31 Disember 2012.

Rjm 69

Soalan No : 89

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |

**SOALAN:**

**Y.B. Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran** ] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian dalam menangani penjawatan pegawai perkhidmatan pendidikan yang ditugaskan di Kementerian, Jabatan dan Pejabat Pendidikan Daerah. Umumnya mereka ini tidak dapat dilantik secara hakiki seperti mana yang dinikmati oleh rakan mereka yang bertugas di sekolah. Dengan kata lain, mereka ini sukar mendapat kenaikan pangkat

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peluang kenaikan pangkat secara *Time Based* berasaskan Kecemerlangan yang dilaksanakan berkuatkuasa mulai 01 Januari 2012 akan **dinikmati oleh semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)** sama ada yang berkhidmat di sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dasar baru kenaikan pangkat secara *Time Based* berasaskan Kecemerlangan ini memberikan faedah kenaikan pangkat sehingga ke gred DG54 dalam tempoh 25 tahun bagi PPPS manakala bagi PPPLD akan menikmati kenaikan pangkat sehingga ke gred DGA38 dalam tempoh 21 tahun.

Selain itu, urusan kenaikan pangkat sedia ada di dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM) masih dilaksanakan. PPP berpeluang untuk mengemukakan permohonan dan akan dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan pelajaran (LKPPP).

Rjm 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN

TARIKH: 21 JUN 2012

SOALAN:
Dato Mohammad Nizar Bin Jamaluddin **[Bukit Gantang]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** kenapa Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) tidak beroperasi sepenuhnya di Kemunting Taiping.

PR-1252-L50556

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping telah siap dibina dan diserahkan kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) pada 13 Mei 2009. Ianya telah beroperasi

dengan menjalankan kursus-kursus separuh masa dan kursus-kursus dalaman anjuran KSM. Bagi kursus sepenuh masa, pengambilan pertama pada bulan Julai 2012 seramai 90 orang pelajar. Pengambilan ini melibatkan kursus Diploma Teknologi Kejuruteraan Jaminan Mutu, Diploma Teknologi Kejuruteraan Perisian (pengaturcaraan) dan Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekatronik.

2. ADTEC Taiping akan beroperasi sepenuhnya pada Januari 2013 untuk mengendalikan 7 kursus iaitu Diploma Teknologi Kejuruteraan Jaminan Mutu, Diploma Teknologi Kejuruteraan Perisian (pengaturcaraan), Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekatronik, Diploma Teknologi Kejuruteraan Seramik Termaju, Diploma Teknologi Kejuruteraan Polymer, Diploma Teknologi Kejuruteraan Kompsit, Diploma Teknologi Kejuruteraan Micro Eletronik. Kapasiti untuk mengikuti latihan di ADTEC Taiping adalah seramai 800 orang pelajar bagi setiap pengambilan.

**NO SOALAN :**

**91 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA** **YB TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)**

**TARIKH** **21 JUN 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah jumlah nilai kontrak serta tempoh kontrak yang telah**

**dikurniakan berkaitan dengan Kapal Selam Scorpene termasuk sistem navigasi, simulator, sokongan, penyelenggaraan, peluru berpandu dan pembinaan pengkalan di Sabah.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kapal selam merupakan satu aset stategik dengan platform yang boleh memainkan peranan yang amat besar dalam peperangan maritim serta merupakan aset tempur yang paling merbahaya kepada kapa-kapal permukaan. Faktor *battle superiority* yang dimiliki oleh kapal selam dianggap mempunyai unjuran kuasa strategik yang begitu penting dan merupakan salah satu asas kepada dasar pertahanan negara yang meletakkan prinsip cegah rintang atau *deterrence* bagi mengelak pihak luar dari bertindak secara agresif terhadap kepentingan negara. Atas faktor strategik ini, perolehan kapal selam telah didaftarkan sejak RMK-5 dan kerajaan hanya bersetuju untuk melaksanakan perolehan ini bermula dalam RMK-8.**

**Perolehan ini dimulakan dengan pembelian dan pembekalan dua (2) unit kapal selam jenis Scorpene buatan Konsortium *DCN International S.A.* (DCNI) yang kini dikenali sebagai DCNS Perancis dan Izar *Construcciones Navales S.A.* yang kini dikenali sebagai Navantia Sepanyol dengan nilai kontrak bahagian ini ialah EUR0969.15 juta.**

**Manakala kontrak antara kerajaan dan syarikat Perimekar Sdn Bhd. adalah berjumlah EUR0114.96 juta bagi menyediakan perkhidmatan koordinasi dan**

**sokongan kepada Pasukan Projek Angkatan Kapal Selam TLDM di Cherbourg, Perancis dan Cartagena, Sepanyol serta pelatih-pelatih kapal selam di Brest, Perancis. Nilai keseluruhan kontrak ini adalah sebanyak EUR01.084 bilion.**

**Perolehan ini diteruskan dengan beberapa kontrak dokongan lain bagi melengkapkan kapal selam ini dari aspek latihan krew kapal selam termasuk navigasi dan sistem peperangan, sistem persenjataan, penyelenggaraan secara menyeluruh meliputi ****preventive***' dan '*corrective*' serta pembekalan alatganti dan pembinaan infrastruktur pengkalan kapal selam di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Untuk fasa latihan krew kapal selam di Perancis dan Sepanyol, kerajaan telah memeterai kontrak bersama DCNS Perancis bagi pakej *'Retrofitting'* dan latihan kapal selam AGOSTA 70 dengan nilai kontrak berjumlah EUR0175.28 juta bagi tempoh kontrak bermula pada 2002 hingga 2009.**

**Manakala bagi tujuan latihan di Pengkalan Kapal Selam pula, kerajaan telah memeterai kontrak *Simulator Platform and Diving Control* bersama DCNS Perancis yang**

**bernilai**

**EUR023.7 juta. Kontrak bermula pada 2006 hingga 2012. Kerajaan juga telah memeterai kontrak *Combat System Simulator* dengan DCNS Perancis yang bernilai EUR025.69 juta dan tempoh kontrak bermula pada 2012 hingga 2016.**

**Seterusnya kapal selam ini telah dilengkapi dengan sistem persenjataan Torpedo *Heavyweight Black Shark* buatan *Whitehead Alenia Sistemi Subacquei* (WASS), Itali dengan jumlah kontrak EUR087.52 juta bagi tempoh kontrak mulai pada 2003 hingga 2011. Kapal selam ini juga dilengkapi misil SM39 Block 2 buatan *MBDA Missile Systems* (MBDA), Perancis yang bernilai EUR0131.74 juta dengan tempoh kontrak dari tahun 2003 hingga 2015.**

**Bagi pembinaan infrastruktur pula, kontrak pembinaan Pengkalan Kapal Selam TLDM di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah telah dimeterai antara Kerajaan dengan TRC Synergy Bhd dengan kos projek berjumlah RM425.86 juta yang bermula pada tahun 2007 dan telah siap pada tahun 2009.**

**Untuk kontrak alat ganti dan senggaraan kapal selam, dua kontrak iaitu Kontrak pembekalan alat ganti *Base Spares and Organisational Level Maintenance* (OLM)**

**dengan DCNS Perancis yang berjumlah EUR037.55 juta bermula pada 2009 hingga 2012.**

**Manakala kontrak** ***In-Service Support*** **(ISS) kapal selam yang menyediakan aktiviti senggaraan menyeluruh dengan nilai kontrak EUR0193 juta + RM532 juta telah dimeterai dengan syarikat usahasama Boustead DCNS Corporation Sdn Bhd (BDNC) iaitu usahasama antara Boustead Heavy Industries Corporation Bhd (BHIC) Defence Technologies dan DCNS Perancis dengan ekuiti masing-masing adalah sebanyak 60%-40%. Kontrak ini bermula pada tahun 2009 dan akan berakhir tahun 2015.**

**<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ]** |
| **TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT :** | **21 JUN 2012 (KHAMIS)** |

**<u>SOALAN</u>**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapa peratuskah penjanaan tenaga negara bergantung kepada gas, arang, hidro dan minyak, sejauh manakah kita boleh mencapai peratusan

tenaga boleh diperbaharui *(renewable energy)* yang sewajarnya serta sejauh manakah keberkesanan *feed in tariff* di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pecahan peratusan penggunaan bahan api untuk penjanaan elektrik di negara ini adalah sebanyak 44.7% berasaskan arang batu, 42.5% berasaskan gas, 3.7% berasaskan minyak, 3.4% berasaskan *distillate,* dan 5.7% berasaskan hidro. Penggunaan bahan api daripada sumber Tenaga Boleh Baharu adalah kurang daripada 1%. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sumber penjanaan berasaskan Tenaga Boleh Baharu (TBB) hanya diambil kira bagi stesen janakuasa yang berkapasiti 30MW dan ke bawah manakala stesen hidroelektrik yang melebihi daripada kapasiti yang ditetapkan tidak dikategorikan sebagai TBB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Sasaran bagi kapasiti terpasang janakuasa Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang telah ditetapkan di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu adalah sebanyak 2.080MW atau 11% dari campuran bahan api menjelang tahun 2020. Di bawah Dasar ini, *Feed-in Tariff* (FiT) telah dikenal pasti sebagai mekanisme yang akan dapat memacu pembangunan

TBB bagi mencapai sasaran tersebut. Mekanisme FiT adalah mekanisme yang membenarkan tenaga elektrik daripada sumber TBB yang dijana oleh pemaju bebas dan individu dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik pada kadar harga jualan atau tarif premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Pelaksanaan mekanisme FiT akan meningkatkan *viability* projek-projek dan meningkatkan pelaburan dalam penjanaan tenaga TBB.

3. Mekanisme FiT telah dilancarkan melalui penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 pada 1 Disember 2011 dimana sebanyak 505MW kuota sumber TBB untuk tahun 2012 sehingga separuh tahun pertama 2014 telah dibuka untuk permohonan. Sehingga 30 April 2012, sebanyak **75% atau 379.06MW** daripada kuota ini telah diluluskan dan ini memberi petunjuk yang amat baik terhadap pembangunan TBB dalam negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Setakat 30 April 2012, SEDA Malaysia yang merupakan agensi yang menguatkuasakan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 telah menerima

**809 permohonan** dengan jumlah kapasiti **591.05MW.** Sebanyak **451 permohonan** dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **379.06MW** telah diluluskan. Berdasarkan maklumat ini menunjukkan pembangunan TBB negara berjalan lancar seperti yang telah dirancang. Adalah dijangkakan bahawa SEDA Malaysia akan menerima lebih banyak permohonan bagi kuota-kuota yang masih tersedia. Dari semasa ke semasa kempen-kempen dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan pihak yang berkepentingan dan orang awam mengenai pembangunan TBB.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Berdasarkan jumlah kapasiti yang telah diluluskan iaitu 379.06MW, pembebasan gas karbon dioksida dijangka dapat dikurangkan adalah sebanyak 2,294,003.49 tonne-$C0_2$ secara terkumpul (kumulatif) menjelang akhir setengah tahun 2014. Di samping itu, sejumlah kumulatif **9,386** peluang pekerjaan dari industri TBB dapat diwujudkan secara keseluruhannya sepanjang tempoh tersebut. Jumlah pelaburan bagi projek-projek FiT yang telah diluluskan sehingga 30 April 2012 adalah sebanyak RM3.6 billion **(RM3,599,113,819.40).**

***********************************************************************

(sJO ■ l oA t VA-
> ' MD.-AUM—
:_107

-Ne.-AUP-r-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |
| **RUJUKAN** | **4986** |

**SOALAN:**

**Dato* Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [ Jerantut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah *'the Rule of Law'* yang sedia ada di dalam negara kita mencukupi untuk menghadapi situasi umpama insiden Bersih 3 yang telah berlaku pada 28 April 2012.

**JAWAPAN:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerantut yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, undang-undang di negara kita adalah mencukupi bagi menghadapi situasi seperti insiden perhimpunan di dataran Merdeka yang telah berlaku pada 28 April 2012.

Antaranya ialah Akta Perhimpunan Aman 2011, Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Akta Hasutan 1948 pula mengelakkan hasutan berlaku bagi menimbulkan kebencian rakyat sesama rakyat, pemerintah atau Raja-raja yang boleh menggugat keselamatan negara dan

ketenteraman awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012 (KHAMIS)** |
| **SOALAN** | **NO. 94** |

**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang** ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan akan mengiktiraf kelulusan *"Bachelor Of Technology'* sebagai satu cabang kemahiran dan mempunyai lembaganya tersendiri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini program pengajian dalam bidang teknologi di IPTA, umpamanya *Bachelor of Technology (Environment)* UMT, *Bachelor of Technology (Honours) Bioprocess)* USM, *Bachelor of Technology (Construction)* UTHM, *Bachelor of Technology Management (Hons)* UUM, dan *Bachelor of Technology with Education (Living Skills)* UTM telah mendapat akreditasi penuh daripada MQA. Penubuhan *Malaysian Board of Technology* (MBOT) pula, kini di peringkat akhir pemurnian. MBOT bertujuan mengiktiraf dan mengawal selia profesion Kejuruteraan Teknologi dan Juruteknik yang akan membantu mempercepatkan pengiktirafan profesion berkaitan kemahiran dan teknologi. Pengiktirafan profesion ini akan menggalakkan institusi pengajian tinggi dan institusi TVET menawarkan kursus berkaitan teknologi bagi mendukung hasrat

negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju selaras dengan keperluan ekonomi berpendapatan tinggi.

Soalan No : 95

**PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [ HULU SELANGOR ]** |
| **TARIKH** | **21 JUN 2012** |

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) sama ada Kementerian berjaya mencapai sasaran 87% liputan prasekolah sebelum 2012 yang ditetapkan oleh NKRA Pendidikan; dan

(b) berapa bangunan baru prasekolah akan di bina, telah di bina dan berapa buah bangunan prasekolah yang di bina sedang di gunakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Sehingga kini, bilangan prasekolah di seluruh yang diterajui oleh KPM, KEMAS, Jabatan Perpaduan dan swasta adalah sebanyak 41,612 buah kelas dengan jumlah enrolmen seramai 628,478 orang murid. Peningkatan penyertaan murid dalam prasekolah ini juga merupakan salah kejayaan inisiatif sub-NKRA pendidikan. Dalam konteks ini, KPM telah mensasarkan penyertaan murid akan bertambah dan dijangka mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 87 peratus menjelang akhir 2012.

b) Di bawah NKRA Pendidikan, sebanyak 1,330 buah kelas prasekolah dirancang untuk dibina dan dibuka yang melibatkan 1,238 buah sekolah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,067 buah kelas telah berjaya disiapkan dan telah digunakan manakala sebanyak 263 buah kelas yang melibatkan 252 buah sekolah sedang di peringkat pembinaan dan dijangka siap selewat-lewatnya pada akhir tahun 2012.

Rjm 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)**

**TARIKH 21 JUN 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes keganasan rumah tangga yang didakwa di bawah Akta Keganasan

Rumah Tangga 1994 dan Kanun Keseksaan bagi tempoh 2008 hingga 2011.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental, sama ada kepada suami, isteri, anak-anak ataupun keluarga.

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan adalah sebanyak 3,769 kes pada tahun 2008, 3,643 kes pada tahun 2009, 3,173 kes pada tahun 2010 dan 3,277 kes pada tahun 2011.

Daripada jumlah ini, bilangan kes keganasan rumah tangga yang didakwa dan disabitkan kesalahan oleh mahkamah dari tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

| Tahun | **2008** | **2009** | **2010** | **2011** |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah Kes | 3,769 | 3,643 | 3,173 | 3,277 |
| Tuduh | 71 | 31 | 211 | 47 |
| Jatuh Hukum | 1 | 3 | 185 | 3 |

No. Soalan : 97
PR-1252-
L50026

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** **YB DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]**

**TARIKH** **21 JUN 2012**

**SOALAN** **Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak** ] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kenapa boleh berlakunya kekecohan semasa Perdana Menteri berucap semasa perjumpaan dengan masyarakat Malaysia di London baru-baru ini dan apakah tindakan yang diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Pasir Salak** di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, “Majlis Sepetang Bersama YAB Perdana Menteri” yang telah diadakan di Arena Indigo 02, Greenwich, London pada 14 Mei 2012 adalah bersempena dengan lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke United Kingdom dari 14 hingga 15 Mei 2012.

3. Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi YAB Perdana Menteri berdialog dengan rakyat Malaysia di United Kingdom. Amalan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan dalam setiap program lawatan ke luar negeri oleh Menteri-Menteri Kabinet, di mana ia sentiasa diisi dengan program-program mendampingi rakyat.

4. Majlis tersebut melibatkan perbelanjaan sebanyak RM19,175.00 (£3,878.00), yang meliputi kos minuman dan insurans wajib. Kos ini telah dibayar oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom.

5. Bagi kos penyewaan Arena Indigo 02 dan perkhidmatan pengangkutan bas, ia dibiayai sepenuhnya oleh pihak penaja yang terdiri daripada usahawan-usahawan persendirian, pihak-pihak swasta dan persatuan-persatuan Malaysia di United Kingdom.

6. Majlis ini telah dihadiri oleh kira-kira 1,200 orang rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan keluarga, kanak-kanak, para pelajar dan mereka yang tinggal dan bekerja di United Kingdom.

7. Majlis ini telah berjalan dengan lancar dalam suasana santai walaupun dicemari oleh gangguan daripada tiga (3) individu tertentu pada permulaan ucapan YAB Perdana Menteri.

8. Kekecohan yang berlaku jelas menunjukkan bahawa segelintir pihak cuba mengambil kesempatan dengan mengeksploitasikan kehadiran YAB Perdana Menteri di luar negeri demi kepentingan pihak-pihak tertentu. Kekecohan tersebut juga tidak mendapat perhatian dan sokongan majoriti yang hadir. YAB Perdana Menteri telah mengawal keadaan dengan tenang dan tegas.

9. Rata-rata rakyat Malaysia yang hadir menyokong ketegasan YAB Perdana Menteri dan tidak melepaskan peluang untuk berjabat tangan dan bergambar bersama YAB Perdana Menteri dan isteri semasa Majlis tersebut.

10. Tindakan segelintir individu yang biadap dan cuba mempengaruhi majoriti rakyat Malaysia yang hadir ketika itu jelas bertentangan dengan nilai-nilai murni, prinsip keharmonian dan peradaban yang diamalkan di Malaysia. Tiada tindakan di ambil ke atas ketiga-tiga (3) individu tersebut kerana mereka telah meninggalkan dewan semasa YAB Perdana Menteri berucap.
Tuan Yang di-Pertua,

11. Sokongan padu yang diberikan rakyat Malaysia kepada YAB Perdana Menteri ketika itu jelas mencerminkan bahawa majoriti rakyat Malaysia adalah terdiri daripada golongan yang mencintai keamanan.

12. Disamping itu juga, semasa lawatan-lawatan ke luar negeri, YAB Perdana Menteri tidak seharusnya dilihat sebagai seorang pemimpin sebuah parti politik, tetapi sebagai seorang Ketua Kerajaan.

13. Justeru itu, rakyat Malaysia tidak seharusnya menjatuhkan maruah seseorang pemimpin kerana ia adalah bertentangan dengan nilai-nilai dan norma masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 98

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **DATO' NORAINI BINTI AHMAD [ PARIT SULONG ]** |
| **TARIKH** | **21.06.2012 (KHAMIS)** |

**DATO' NORAINI BINTI AHMAD [ PARIT SULONG** ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mekanisme bagaimana Kerajaan melindungi kepentingan pihak-pihak yang terlibat (i.e penjual dan pembeli) dalam perniagaan atas talian atau e-dagang dari aspek undang-undang sedia ada dan nyatakan statistik mengenai aduan-aduan kesalahan dan kes-kes yang telah berjaya didakwa di mahkamah sejak tiga tahun kebelakangan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Undang-undang sedia ada bagi melindungi kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam perniagaan atas talian atau e-dagang yang berkenaan secara khusus dan umum adalah seperti berikut:

(a) Akta Perdagangan Elektronik 2006 di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan;

(b) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang meliputi perlindungan pengguna dalam urusan perniagaan atas talian dan juga konvensional di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan;

(c) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berkaitan keselamatan maklumat serta kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan;

(d) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 berkaitan perlindungan data peribadi di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Penerangan; dan

(e) Akta Kanun Acara Jenayah dan Kanun Kesiksaan berkaitan penipuan urusan perniagaan atas talian di bawah kawal selia Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia.

Akta Perdagangan Elektronik 2006 membolehkan transaksi perdagangan dilakukan secara elektronik termasuk secara dalam talian. Ianya mengiktiraf dari segi undang-undang transaksi yang dijalankan secara elektronik tetapi dalam masa yang sama tidak melarang transaksi yang dibuat secara konvensional. Dengan adanya akta ini, ia memberi peluang kepada peniaga untuk memasarkan produk/perkhidmatan mereka secara dalam talian.

Buat masa sekarang, Perlindungan pengguna yang menjalankan transaksi elektronik dirujuk kepada Akta Perlindungan Pengguna 1999. Akta ini merangkumi transaksi yang dijalankan secara elektronik dan

oleh itu,

pihak yang menjalankan transaksi elektronik akan diberi perlindungan yang sama seperti mereka yang menjalankan transaksi dengan menggunakan secara konvensional. Pengguna juga berhak untuk menuntut gantirugi sekiranya tidak berpuashati terhadap produk/ perkhidmatan yang dibeli dengan memfailkan tuntutan mereka melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) nilai bagi tuntutan yang tidak melebihi RM25.000.

Pihak-pihak urusniaga atas talian yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan boleh membuat aduan kepada regulator industri, Tribunal Tuntuntan Pengguna Malaysia atau terus membuat laporan polis bagi kes-kes yang melibatkan penipuan urusan perniagaan.

**STATISTIK TUNTUTAN TERHADAP PEMBELIAN SECARA DALAM TALIAN.**

| TAHUN | BIL TUNTUTAN | NILAI TUNTUTAN (RM) | BIL TUNTUAN BERJAYA | NILAI AWARD (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 2009 | 18 | RM 72, 348.15 | 13 | RM 66, 793.00 |
| 2010 | 27 | RM 198, 315.00 | 11 | RM 26, 336.00 |
| 2011 | 21 | RM 81, 355.90 | 5 | RM 8,086.77 |

Merujuk kepada statistik yang diberikan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), sebanyak 18 tuntutan ganti rugi telah difailkan oleh pengguna pada tahun 2009 membabitkan nilai keseluruhan RM 72,348.15 dan sebanyak 13 tuntuan berjaya diberikan award merangkumi nilai keseluruhan RM 66,793.00.

Bilangan tuntutan pada tahun 2010 meyaksikan bilangan tuntuan paling banyak difailkan antara 3 tahun tersebut iaitu sebanyak 27 bilangan tuntutan dengan jumlah keseluruhan RM 198, 315.00 menyaksikan 11 tuntutan berjaya diberikan award yang meliputi nilai keseluruhan RM 26,336.00. Manakala pada tahun 2011 sebanyak 21

tuntutan ganti rugi telah dibuat oleh pengguna yang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM 81,355.90 namun hanya 5 tuntutan yang berjaya diberikan award membabitkan nilai sebanyak RM 8,086.77.

Untuk makluman pihak tuan, Kementerian ini tidak terlibat bagi sebarang kes-kes penipuan yang didakwa di mahkamah membabitkan penipuan dalam talian. Kebanyakan kes-kes tersebut di siasat oleh pihak PDRM.

**Soalan No**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** **JAWAB LISAN**

**DARIPADA :** **YB TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT**

**(KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH** **21.06.2012 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan untuk memastikan Visi dan Misi KETENGAH khususnya dalam bidang

pembangunan ekonomi dan sosial yang semakin lesu dan tenat dapat dipulihkan semula.

**JAWAPAN :**

Kementerian merakamkan ucapan terima kasih di atas keperihatinan Yang Berhormat mengenai pembangunan KETENGAH. Kenyataan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa KETENGAH pada masa kini lesu dan tenat adalah tidak tepat. Ini kerana usaha-usaha pembangunan ekonomi, sosial dan fizikal berjalan sebagaimana dirancangkan mengikut Perancangan Strategik KETENGAH Sehingga Tahun 2020.

Bagi dua tahun pertama RMKe-10, KETENGAH telah diperuntukkan sebanyak RM25.92 juta pada tahun 2011 dan RM21.51 juta pada tahun 2012 bagi melaksanakan lima (5) program utama pembangunan ekonomi dan tiga (3) program pembangunan sosial. Program-program tersebut ialah

**a. Program Pembangunan Ekonomi**

i. Pembangunan Usahawan;

ii. Pertanian;

iii. Ternakan;

iv. Perindustrian;

v. Pelancongan dan promosi;

**b. Program Pembangunan Sosial**

i. Pembangunan Insan;

ii. Teknologi Maklumat (ICT); dan

iii. Pendidikan dan Latihan Kemahiran dan Kerjaya.

NO SOALAN : 100

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN :** | **Y.B TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH)** |
| **DARIPADA** | |
| | **21.06.2011 (KHAMIS)** |
| **TARIKH LISAN** | |

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:**

**(a)** **bilakah kali terakhir pihak Kementerian membuat kajian kemudahan dan kebajikan untuk anggota tentera.**

**(b)** **adakah Kementerian berpuas hati dengan tahap**

**kemudahan dan kebajikan untuk anggota tentera setaraf dengan kakitangan agensi-agensi lain yang setara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berusaha menjadikan ATM sebuah organisasi yang unggul dan berkualiti dalam menyumbang kepada keselamatan Negara. Justeru, kerajaan dan ATM khasnya sentiasa memberi perhatian serius terhadap kemudahan serta kebajikan warga tentera termasuk ahli keluarga sama ada semasa dalam perkhidmatan mahupun selepas bersara. Ini adalah satu pendekatan menyeluruh bagi menentukan kualiti bekerja dan keunggulan ATM dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kemudahan dan kebajikan merupakan satu kaedah dalam memastikan keselesaan dan kepuasan bekerja warga tentera terpelihara.**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Kajian kemudahan dan kebajikan kepada anggota tentera adalah merupakan satu proses berterusan yang selama ini telah dilaksanakan oleh Kementerian. Kajian kepuasan warga ATM yang terakhir sekali telah dilakukan pada tahun 2011 mulai 3 Okt hingga 15 Dis 11 melibatkan seramai 5,086 responden di kalangan anggota tentera di semua peringkat dan pasukan. Hasil kajian menunjukkan indeks motivasi yang dicapai adalah skala 3.6 melebihi**

**sasaran skala 3.5 yang ditetapkan. Kajian juga mendapati warga ATM berpuashati terhadap perkhidmatan yang mereka perolehi dan mencapai tahap kepuasan yang baik iaitu ketahap 72%. Perlu juga saya nyatakan ATM telah mendapat pengiktirafan 5 bintang di dalam Sistem *Star Rating* (SSR) oleh pihak MAMPU selama 2 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2010 dan 2011. Ini jelas melambangkan bahawa pengukuhan yang dilaksanakan di dalam ATM telah membuahkan hasil yang dikehendaki.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Secara umumnya Kementerian berpuas hati dengan tahap kemudahan dan kebajikan untuk anggota tentera pada masa kini walau pun tidak dinafikan terdapat ruang-ruang yang perlu diperbaiki. Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan dan kebajikan kepada anggota dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, penumpuan diberikan terhadap perkara-perkara berikut:**

**1. Pendidikan. Penekanan terhadap pendidikan telah menghasilkan program-program berikut:**

**a. Skim Pengajian Tinggi ATM di mana skim ini dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Skim ini telah berjaya meningkatkan kelulusan akademik**

**warga tentera di mana sejumlah 2,407 Pegawai dan 360**

**LLP membuat pengajian dalam negara dan seramai 327 pegajian di luar negara.**

**b. Tabung Pinjaman Akademik dan Pengajian Tinggi (TAPAT) telah meningkatkan kelayakan akademik secara separuh masa melalui pinjaman tanpa faedah kepada semua anggota tentera. Sehingga kini seramai 1,049 warga ATM telah menggunakan kemudahan skim ini.**

**c. Skim Pinjaman Akademik Anak Anggota Tentera (SPAAT) bagi membantu setiap anggota membuat pinjaman tanpa faedah dan bayaran pendahuluan bagi anak mereka yang berjaya memasuki IPTA/IPTS. Sehingga kini, seramai 402 anak anggota tentera telah menerima faedah tabung ini.**

**d. Yayasan Warisan Perajurit (YWP) diwujudkan dengan kerjasama LTAT bagi memberi insentif kewangan kepada anak-anak pegawai dan anggota ATM yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan mendapat tempat di IPTA. Sehingga kini, seramai 15,454 anak**

**anggota tentera telah menerima manafaat dari program ini.**

**e. Pengajian K-Force iaitu program di bawah Skim Pengajian Tinggi ATM yang berkonsepkan Pengajian Jarak Jauh (PJJ). Program ini meningkatkan tahap akademik anggota tentera kepada Diploma, Sarjana Muda dan juga Sarjana. Sehingga kini seramai 2,078 anggota tentera mengikuti program ini.**

**2. Perubatan. Keseluruhan ATM sehingga kini mempunyai 3 buah Hospital Angkatan Tentera, 1 buah Hospital Tentera Darat, 17 buah Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT), 79 buah Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT) dan 34 buah Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT). Dengan bilangan Pusat-pusat Perubatan yang ada, ATM mempunyai 81 Pakar Perubatan, 240 Pegawai Perubatan, 25 Pakar Pergigian dan 63 Doktor Pergigian. Peratus pegangan Pegawai Perubatan dalam ATM adalah 95% peratus berbanding jawatan.**

**3. Rumah Keluarga ATM. Sehingga kini, sebanyak 6, 456 Rumah Keluarga dapat disediakan bagi anggota yang bekhidmat di kawasan Lembah Kelang yang berupaya menempatkan 72% anggotanya.**

**Manakala secara keseluruhannya, sebanyak 45,567 Rumah Keluarga yang berupaya menempatkan 40% warga ATM telah disediakan.**

**4. 'Satu Anggota, Satu Kemahiran, Satu Kelulusan dan Satu Rumah'. Melalui prog ram-prog ram peningkatan kemahiran dan kompetensi yang dilaksanakan oleh ATM, kemahiran anggota berupaya ditingkatkan dari semasa ke semasa. Di samping itu, prog ram-prog ram skim pengajian tinggi membolehkan tahap kelulusan anggota dipertingkatkan di mana sekurang-kurangnya anggota berkelayakan SPM dapat memperolehi Diploma dan yang berkelayakan Diploma dapat memperolehi Ijazah Sarjana Muda dan seterusnya. Selain daripada itu, dengan adanya kemudahan Pinjaman Perumahan Kerajaan (PPK) yang disediakan membolehkan anggota memiliki rumah sendiri dibeli semasa berkhidmat. Sehingga kini 95% anggota yang telah bersara mempunyai rumah sendiri.**

SOALAN NO: 78

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **YB. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** |
| **TARIKH** | **KHAMIS, 21 JUN 2012** |
| **RUJUKAN** | **19 [PR-1252-L49954]** |

**SOALAN**

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan penduduk Bandar Tun Razak telah membantah pencerobohan terhadap taman rekreasi awam oleh syarikat Maju Holdings namun sehingga sekarang tiada tindakan dibuat oleh mana-mana pihak berkuasa. Apakah status kedudukan taman rekreasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak, pembangunan keseluruhan Bandar Tasik Selatan mengandungi tujuh (7) fasa. Sehingga kini, hampir keseluruhan fasa telah siap dibangunkan kecuali fasa 6 (telah mempunyai kelulusan pelan susunatur untuk 2,016 unit kediaman pangsapuri). Berdasarkan pelan susunatur berkenaan, pemaju juga telah disyaratkan untuk mengadakan kawasan lapang/taman rekreasi awam.

Pada 7 Disember 2007, pemaju telah membatalkan cadangan pembangunan 2,016 unit pangsapuri berkenaan dan mengemukakan permohonan baru untuk membina empat (4) unit banglo mewah di samping mengubahsuai tapak yang asalnya dicadangkan kawasan lapang/taman rekreasi awam menjadi sebahagian kawasan banglo berkenaan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang membuat kajian dan penilaian terperinci bagi memastikan pembangunan yang akan dilaksanakan di fasa 6 nanti akan memperuntukkan kawasan lapang/taman rekreasi awam yang mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk kawasan ini.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama pihak pemaju dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) bagi mendapatkan kaedah terbaik yang dapat

memenuhi kehendak semua pihak dalam menyelesaikan isu taman rekreasi awam ini. Kerajaan akan berusaha untuk mendapatkan satu keputusan yang terbaik untuk semua pihak kelak.